



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2019

"CEPAT DAN MESRAP"



www.bomba.gov.my

KANDUNGAN

- 4 **Kata Alu-aluan Ketua Pengarah**
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 10 **Pengurusan Tertinggi**
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 16 **Carta Organisasi**
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 18 **Visi, Misi, Nilai Teras, Peranan, Pelan Strategik dan Moto**
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 19 **Pencapaian**
- 94 **Pembangunan Modal Insan**
- 112 **Pengiktirafan dan Penganugerahan**
- 115 **Program Bahagian-Bahagian**
- 208 **Program Utama Jabatan**





KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH



YAS DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Pertamanya saya merakamkan ucapan terima kasih, kepada semua kakitangan JBPM yang dikasihi, di atas segala dedikasi, pengorbanan, sumbangan dan kecapaian dalam melaksanakan tugas dan amanah sepanjang tahun 2019 serta tidak lupa sekalung penghargaan di atas sokongan masyarakat kepada perkhidmatan ini di sepanjang tahun 2019. Segala doa, perhatian dan sokongan setiap lapisan *stakeholders* dan rakyat ini, adalah manifestasi keprihatinan dan apresiasi, di atas pengorbanan dan kesungguhan anggota bomba dalam memberi perlindungan keselamatan kebakaran dan khidmat kebombaian demi kemakmuran negara.

Sudah tentunya tahun 2019 meninggalkan kita dengan seribu kenangan. Tahun 2019 menyaksikan pelbagai kejadian insiden kecemasan yang kecil dan besar di samping diwarnai oleh keupayaan warga dalam merealisasikan program dan pencapaian 'Quick-wins' serta KPI yang telah diasaskan oleh perkhidmatan dan kementerian bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kebombaian dilaksanakan dengan cemerlang dan menepati objektif dasar kerajaan. Kes pencemaran bahan kimia Sungai Kim-Kim, Pasir Gudang, pengendalian dan pengurusan bencana banjir mahupun kebakaran hutan yang mengancam nyawa dan alam sekitar telah meninggalkan banyak pengajaran kepada kita semua bahawa betapa besarnya cabaran yang mendatang dalam keadaan persekitaran yang semakin berubah.

Saya amat berharap kita akan terus menunaikan dan melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh semangat dan berintegriti.

1. Sepanjang tahun 2019, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima sebanyak 117,065 panggilan kecemasan, meliputi 43.3% adalah kecemasan melibatkan kes kebakaran, manakala 54.7% adalah tugas penyelamatan dan 2% merupakan khidmat kemanusiaan. Berbanding keseluruhan 110,150 kes pada tahun 2018, terdapat peningkatan sebanyak 6% panggilan kecemasan, direkod secara keseluruhannya. Dengan perangkaan ini, bermakna purata sebanyak 321 panggilan direspon oleh pasukan kecemasan JBPM, setiap hari, dimana negeri Selangor menunjukkan perangkaan kecemasan yang paling tinggi.

2. Pada tahun 2019, Taksiran harta yang berjaya diselamatkan daripada kejadian kebakaran, adalah sebanyak RM48 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 42%, berbanding tafsiran tahun 2018. Peningkatan ini amat positif, dan menunjukkan kemajuan yang amat baik. Pencapaian KPI *Response Time* di bawah 10 minit yang menjadi tanda aras nasional telah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.82%, berbanding tahun 2018.

3. Purata ***national average response time*** dicatatkan pada 14.24 minit, iaitu peningkatan sebanyak 16% berbanding dengan pencapaian tahun 2018. Peningkatan positif pencapaian ini adalah disebabkan oleh pembangunan "*Fire Cover*" yang sejajar dengan indeks risiko kebakaran yang ditetapkan. Pencapaian ini banyak disumbangkan oleh pertambahan balai bomba baharu yang beroperasi pada tahun 2019. Di samping itu, pembaharuan strategi mempercepatkan tim *responders* ke tempat kecemasan, dan pelaksanaan '*pre-planning*' berterusan, merupakan salah satu faktor yang membantu *outcome* ini. Kita percaya senario ini akan bertambah baik, apabila pelaksanaan OKK atau ***Organisasi Keselamatan Kebakaran*** di premis ditetapkan, dan tadbir urus PBS mengikut keperluan peraturan di bawah **Akta 341, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 pindaan 2018**, serta perlantikan Pegawai Bomba Bantuan di kawasan berisiko, dikuatkuasa dan dilaksanakan sepenuhnya dalam tahun 2020.

4. Walaubagaimanapun, angka kematian akibat kebakaran berlaku **peningkatan sebanyak 19.8%** iaitu daripada 97 mangsa pada tahun 2018 kepada 121 kes kematian pada tahun 2019. Tragisnya sebahagian daripada kematian kebakaran ini, adalah berpunca daripada kegiatan dan kes jenayah. Namun, jumlah kematian disebabkan kelemasan di badan air mencatatkan **penurunan sebanyak 29.7%** pada tahun 2019. Penurunan ini berkait rapat dengan usaha gigih jabatan bersama rakan strategik dalam melaksanakan program khidmat nasihat dan kesedaran awam kepada masyarakat.

Pasukan operasi kebombaan juga merekodkan kejayaan melaksanakan pemadaman api hutan seluas **1.3 juta hektar** di seluruh Negara, di sepanjang musim kebakaran hutan tahun lepas. Manakala **seramai 15,000 mangsa** telah berjaya diselamat dan dipindahkan ke pusat penempatan bantuan bencana, sepanjang tugas mencari dan menyelamatkan di musim banjir.

5. Pengembangan skop perlindungan keselamatan kebakaran dan khidmat kebombaan di setiap pelusuk tanah air adalah tonggak utama misi jabatan ini. Di atas dasar ini, pembangunan pusat operasi kebombaan dirancang dan dibangunkan mengikut keperluan. Pada tahun 2019, dengan peruntukan bajet pembangunan sebanyak **RM122 juta** sebanyak **17 balai bomba baharu** disediakan, manakala bomba negeri juga dilengkapi dengan 99 unit ***Rapid Intervention Motorcycle*** serta **50 unit kenderaan pacuan 4x4** sebagai tambahan dan pengantian ***operational fleet*** di **315 buah balai** seluruh negara.

6. Bagi memantapkan bantuan dalam mempertingkatkan tempoh tindakan respon kecemasan di kawasan yang "*remote*", sebanyak 390 pasukan Bomba Sukarela dengan keahlian lebih kurang 15,600 orang telah diselaraskan bagi memenuhi keperluan ***fire cover norm*** JBPM. Usaha ini juga dipacu oleh pengwujudan **Balai Bomba Kategori E** yang dibina di kawasan pedalaman dan perkampungan air di Sabah dan Sarawak, di samping perolehan sebanyak **50 unit *Volunteer Fire Rescue Vehicles*** untuk pemantapan keupayaan pasukan sukarela ini.

7. Dalam tahun 2019, perkhidmatan udara bomba turut diperkasakan dengan perolehan dan pengoperasian **2 unit helikopter baharu jenis AW189**, yang menjadikan keseluruhan aset pesawat udara bomba sebanyak 9 unit. Pertambahan ini meningkatkan lagi "***operational coverage area***", dan kualiti perkhidmatan udara bomba kepada masyarakat termasuk kawasan di pedalaman Sabah, Sarawak dan negeri-negeri di pantai timur.

Pada tahun 2019, jumlah keseluruhan operasi penerbangan yang telah dilaksanakan jabatan adalah sebanyak **454 *sortie*** yang mana melibatkan operasi pemadaman kebakaran, mencari dan penyelamat, ambulan udara, tinjauan udara dan pengangkutan operasi kebombaan.

8. Untuk memantapkan kesiapsiagaan dan mengekalkan **75% *serviceability* jentera *responders***, jabatan telah melaksanakan 19,504 penyelenggaraan meliputi kerja-kerja servis, pembaikan dan *breakdown* dengan kos **RM 55.9 juta**.

9. Dalam menyantuni kesejahteraan masyarakat yang kurang bernasib baik, melalui program CSR (**Corporate Social Responsibility**), sebanyak **26 projek Rumah Sejahtera (house-build)** dan **2 projek Pembaikan Rumah (house-repair)** telah berjaya dibina dan dibaiki, oleh anggota bomba bagi membantu mangsa-mangsa yang mengalami musibah kehilangan tempat tinggal, akibat daripada kebakaran. Sehingga tahun 2019 sebanyak **160 buah rumah** telah dibina dan diselenggara oleh 1 pasukan *house-build & house-repair* JBPM.

10. Dari aspek penguatkuasaan, sebanyak **85% atau 5,546 premis** daripada jumlah keseluruhan 6,485 buah **Premis Ditetapkan**, telah berjaya memperolehi perakuan bomba atau *fire certificate* (FC), dimana 350 daripadanya adalah bangunan kerajaan. Manakala sebanyak 15,669 premis di seluruh negara telah dibuat pemeriksaan bagi tujuan menghapuskan bahaya kebakaran. Sebanyak 20,215 pelan bangunan telah diterima, diproses dimana 66% daripadanya berjaya diperakukan berdasarkan pemuatan keperluan keselamatan kebakaran di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

11. Dengan menggunakan sistem pendaftaran di atas talian, **Electronic Fire Extinguisher Inspection System (eFEIS)**, jabatan berjaya menguruskan pendaftaran Alat Pemadam Api dengan lebih efisien dan sebanyak **RM88 juta** telah menjadi hasil kerajaan sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2013. Sebanyak **3.6 juta Alat Pemadam Api dari 578 syarikat kontraktor** telah didaftarkan, di sepanjang tahun 2019.

12. Terdapat **7,393 kes** kebakaran struktur telah berjaya disiasat mengikut protokol sains forensik kebakaran. Sebanyak 99% daripada kes kebakaran struktur telah berjaya dikenalpasti puncanya dan ini merupakan suatu rekod yang cemerlang.

13. Bagi memperkukuhkan kemahiran, selari dengan perkembangan teknologi automotif terkini, 12 orang mekanik telah dihantar mengikuti Kursus Penyelenggaraan dan Pembaikan Jentera Khas dan Sijil Kemahiran dimana 95 pegawai telah berjaya mencapai SKM Tahap 3.

14. Dalam usaha untuk mengekal dan meningkatkan kompetensi dan kepakaran kakitangan, 26 program latihan luar negara telah dilaksanakan melibatkan seramai 90 orang pegawai. Manakala sebanyak 837 kursus program latihan di dalam Negara pula yang melibatkan 20,925 peserta telah dilangsungkan di sepanjang tahun 2019.

15. Modul dan sukatan kursus asas dan kursus pakar serta SOP tugas operasi yang berisiko tinggi, telah ditambah baik dan dikemaskini. Seramai 210 orang pegawai telah menghadiri program khas *Public Safety Diver* di pusat kecemerlangan ABPM Wilayah Timur dan juga sesi latihan yang dikelola secara kerjasama dengan pasukan pakar daripada Negara Perancis.

16. Pada tahun 2019, Jabatan telah berjaya menganjurkan **1st Malaysia International Rescue Extrication Challenge (MIREC)** buat julung-julung kalinya yang melibatkan 63 anggota bomba dari lapan buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Macau, Hong Kong, Singapura, Filipina dan Vietnam.

17. Dalam meneruskan dasar **"Total Fire Safety Management"** dan merakyatkan perkhidmatan bomba sejajar dengan doktrin *"citizen-life-savers"*, pelbagai program kesedaran keselamatan awam telah diberi tumpuan. Sebanyak 15,000 aktiviti kesedaran keselamatan kebakaran di seluruh negara yang merangkumi ceramah, demonstrasi, pameran, latihan pengungsian bangunan, *summer camp*, *outreach programs* dan *mock fire drill*, dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Manakala, program keselamatan aktiviti di air di bawah MKAA, sebanyak 150 rondaan di 15 *hotspot* berisiko tinggi telah dikendalikan dan 11 unit LISA (*Life Saving Appliance*) dan Papan Tanda Keselamatan di air telah di pasang di lokasi 'panas' di Kedah, Pahang dan Johor.

18. Sebanyak 187 Pasukan Bomba Komuniti, 3,764 pasukan ERT dan 3 pasukan Kor Siswa Bomba daripada universiti awam telah ditubuh dan ditauliahkan, bagi mengembangkan penglibatan masyarakat dan pelajar dalam program keselamatan kebakaran dan kebombaannya.

19. Rentetan daripada isu risiko dan kejadian kebakaran di rumah panjang dan pengendalian aktiviti *food truck*, garis panduan dan rujukan peraturan telah digubal dan diadaptasikan untuk rujukan amalan.

20. Pada tahun 2019, buat pertama kalinya jabatan berjaya membuat pengambilan anggota bomba baru seramai 1,019 pegawai gred KB19 serentak dilatih dalam kursus asas bagi mengisi kekosongan perjawatan di negeri dan balai. Seramai 3,500 pegawai gred KB19 juga telah dinaik taraf ke gred KB22 secara *time based* berasaskan kecemerlangan (TBBK).

21. Bagi memastikan warga bomba berpegang teguh kepada prinsip integriti dan tadbir urus yang telus, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) telah digubal dan diimplementasi di samping 4 forum permakasan integriti diadakan sepanjang tahun 2019 yang melibatkan 500 orang peserta daripada 60 agensi. Sudah tentu banyak lagi pencapaian yang membanggakan dalam tahun 2019 yang saya tidak mampu senaraikan disini, yang mana selain daripada aspek perkhidmatan, terserlah juga kecemerlangan warga bomba dalam bidang sukan, rekreasi, inovasi, ugama, sosial dan pendidikan.

22. Tahun 2020 adalah merupakan tahun keramat yang disasarkan sebagai tahun menentukan status kemajuan dan pembangunan negara. Dalam usaha dan gerakan kita untuk membina bangsa dan nusa yang gemilang serta usaha untuk meletakkan martabat kita lebih tinggi, kita tidak dapat lari daripada cabaran dan ujian yang getir di hadapan kita. Di ambang tahun 2020, kita telah dikejutkan dengan dengan kemerebakan wabak **novel coronavirus** yang meragut nyawa puluhan mangsa, dan menimbulkan keresahan penduduk serta merentas wilayah seterusnya menular di setiap pelusuk dunia. Sudah tentu ianya memerlukan mitigasi yang bersepadu termasuklah keperluan kesiapsiagaan pasukan dan agensi kecemasan seperti perkhidmatan kebombaian.

23. Untuk tahun 2020, kita akan terus menjunjung amanah dan kepercayaan yang diberikan dengan penuh tanggungjawab dan secara profesional, sejajar dengan nilai teras Perkhidmatan Awam masa kini. Semua warga jabatan juga diseru untuk sentiasa berfikiran jauh serta berusaha melaksanakan pembaharuan secara positif agar jabatan terus berada di barisan hadapan dalam menyampai perkhidmatan kecemasan semasa insiden kebakaran, kemalangan, bencana dan khidmat kemanusiaan.

24. Jabatan perlu bersedia dan memperlengkapkan pasukan pasukan kecemasan dengan perlindungan yang optima tika menghadapi kerja kerja pemadaman, penyelamatan dan khidmat kemanusiaan. Aspek penilaian risiko persekitaran, keselamatan dan kesihatan diri anggota perlu diberi perhatian yang tinggi khususnya dari segi PPE, kelengkapan, *hand tools* dan *system* serta prosedur kerja yang betul.

Pasukan khas jabatan seperti HAZMAT, PPDA, EMRS haruslah meningkatkan kesiapsiagaan dalam aspek logistik, sumber manusia dan penyaluran maklumat bagi mendokongi bantuan kepada apa sahaja keperluan dalam pelbagai suasana, dan sentiasa berkejasama dengan pelbagai agensi dan pihak pengurusan bencana Negara.

Fenomena perubahan iklim, pemanasan muka bumi, peningkatan risiko daripada pembangunan fizikal dan bencana industri serta CBRNE, menuntut setiap anggota pasukan kecemasan untuk memantapkan keupayaan dan kemahiran serta kepakaran.

25. Mendepani Revolusi Industri 4.0 yang menggabungkan dunia biologikal, fizikal dan digital, sudah pasti akan mencetuskan kesan kepada pelbagai disiplin, ekonomi dan industri. Dengan berkembangnya teknologi automasi, robotik, pengkomputeran awam, kecerdasan buatan dan internet untuk segalanya, kerja-kerja berbentuk rutin yang sebelum ini dilakukan oleh manusia bakal diganti oleh mesin, *auto-system* ataupun robot. Seiring dengan itu, jabatan perlu memperlengkapkan fasiliti, jentera, peralatan, PPE yang lebih moden dan berteknologi di samping personel yang profesional bagi bersedia menangani kemungkinan berlakunya insiden-insiden kecemasan yang tidak pernah terjadi sebelum ini.

30. Kekangan sumber seperti peruntukan kewangan bagi penyediaan fasiliti dan kelengkapan kebombaian, selain pengecilan kos untuk kerja-kerja penyelenggaraan memerlukan jabatan mencari inisiatif dan alternatif terbaik bagi kelestarian perkhidmatan dan jabatan.

"We should be able to produce more with less"

31. Tahun 2020 ini jabatan perlu lebih fokus ke arah pembangunan dan pemodenan perkhidmatan kebombaannya. Peralatan, jentera dan kelengkapan kebombaannya juga perlu saling menyokong kepada pencapaian *response time* selaras dengan kajian *fire cover* terkini. Bagi memastikan kenderaan dan peralatan kebombaannya sentiasa berada dalam keadaan yang strategik dan bersedia, jabatan memfokuskan untuk meningkatkan kepakaran dalaman termasuklah bagi kepakaran dalam penyelenggaraan kelengkapan dan mesin secara berjadual.

32. Beberapa *quick win* seperti pengujuduan Dasar Kebombaannya dan Penyelamatan Negara, pengembangan Pasukan Bomba Bantuan, Pasukan Bomba Komuniti, Pasukan Bomba Sukarela, pembinaan pos bomba, pembinaan balai bomba kelas E, pertauliahannya sistem kor siswa bomba dan kadet bomba, penubuhan OKK haruslah disegerakan pelaksanaannya.

33. Pembangunan *integrated* data dan naiktaraf sistem komunikasi juga merupakan aspek penting yang tidak boleh dilupakan bagi memastikan penyaluran maklumat penting jabatan boleh dicapai secara *real time*, pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Jabatan akan membangunkan *Intergrated System* Keselamatan Kebakaran yang dikenali sebagai ePREMIS bagi menggabungkan 13 sistem sedia ada di dalam satu sistem iaitu mencakupi Pendaftaran OKK, Pendaftaran *Fire Safety Manager* (FSM), Pendaftaran *Fire Safety Officer* (FSO), Perakuan pelan, pemeriksaan bagi pengeluaran surat pelepasan pasif dan aktif, Permohonan PSP, Permohonan *Fire Safety Engineer*, pemeriksaan MBK, proses pengeluaran FC, Permohonan Surat Sokongan Lesen Perniagaan, Pendaftaran *Fire Safety Contractor* dan Permohonan Program Kesedaran Awam. Ini sejajar dengan inisiatif untuk memperkasakan **online service delivery** kepada pelanggan dan masyarakat.

34. Dari aspek latihan, langkah membudayakan pembelajaran secara **E-Learning** yang lebih sistematik perlu diperkasakan bagi menjimatkan kos, masa dan tenaga. Program Jadual Tugas Harian (JTH) turut akan ditambahbaik bagi meningkatkan tahap kompetensi dan kemahiran pegawai. Kursus kepakaran dalam dan luar negara akan diteruskan seperti *Fire Safety & Fire Fighting Procedure in Tunnel, Railway Emergency*, pengendalian *green & smart building, dangerous goods / oil & gas fires, mass evacuation* serta *industrial emergency* agar pengetahuan, kemahiran dan kepakaran pasukan setaraf dengan *standard* antarabangsa. Kursus industri dan komersial seperti *Fire Safety Manager* dan *Fire Safety Officer* kepada Organisasi Keselamatan Kebakaran harus dilaksanakan secara meluas, selain meneroka peluang kolaborasi strategik bersama Institusi Profesional dan Institusi Pendidikan & Latihan dipertingkatkan. Semua Akademi Bomba perlu dibangunkan menjadi *Centre of Excellence* dan Akreditasi Program Latihan Kebombaannya dibuat secara profesional.

35. Pada tahun ini juga, jabatan akan memfokuskan kepada aspek *enhancing expert opinion* dan *evidence fact* dalam pembuktian sesuatu kes agar kes-kes kebakaran yang disiasat mempunyai pembuktian secara saintifik di mahkamah dan tidak menimbulkan sebarang keraguan. Usaha perlu diteruskan untuk proses pengakreditasiannya MS ISO 17025:2017 ke atas sembilan (9) buah Makmal Penyiasatan Kebakarannya seluruh negara agar hasil analisis yang dikeluarkan mematuhi piawaian antarabangsa. Jabatan juga perlu menyediakan satu Pusat Penempatan Ekshibit yang sesuai supaya bahan bukti lebih selamat dan berintegriti. **Siasatan Kebakarannya** juga perlu diperluaskan kepada punca kebakaran vessel dan kebakaran hutan.

35a. Rasionalisasi Zon kepada Balai Bomba Daerah juga perlu dilihat secara lebih serius, selain pelaksanaan persempadannya semula balai bomba, keperluan peningkatan infra, penetapan norma keluaran berdasarkan kategori, pengisian perjawatannya, serta program pengukuhan kemahiran dan kepakaran dalam bidang baharu memerlukan tindakan yang bersepadu dan berterusan.

36. **Kita** perlu bersedia untuk menguatkuasakan peraturan berkaitan kawalselia kontraktor dan *Competent Person* yang terlibat dalam kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan pemasangan keselamatan kebakaran. Kerjasama dan kolaborasi dengan institusi dan agensi yang berkepentingan perlu diperhebatkan.

37. Pelebaran fungsi keselamatan kebakaran di agensi lain juga akan diterokai yang mana dilihat sebagai satu ruang yang strategik kepada jabatan agar lebih ramai SME dalam bidang keselamatan kebakaran dapat dikembangkan. Pada masa yang sama, polisi Keselamatan Kebakarannya perlu diperkemas agar lebih jelas dan menyeluruh. Semakan dan pindaannya kepada UBBL 1984 juga perlu dikaji bagi memantapkan keperluan teknikal keselamatan kebakarannya sedia ada.

38. Penubuhan Akaun Amanah Penyelidikan PUSPEK akan menjadi *milestone* yang baik dalam memajukan aspek penyelidikan dan pembangunan kebombaam dan keselamatan kebakaran dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan PUSPEK kepada peruntukan kerajaan untuk tujuan kerja-kerja *research*. Pengiktirafan Makmal Ujian di bawah ISO 17025 perlu diperolehi agar ianya setaraf dengan makmal ujian kebombaam yang diktiraf seperti BRE (UK), Exova Warrington Fire UK dan CSIRO Australia. Kolaborasi bersama institusi sertifikasi seperti *Underwriter Laboratory* (UL) USA, boleh dilaksanakan bagi memberi ruang kepada pihak rakan strategik berkongsi kepakaran dengan PUSPEK dalam pengujian peralatan keluaran dari rantau Asia. Sebagai Hub Pusat Inovasi Jabatan, jalinan kerjasama perlu diperluaskan dengan pihak Universiti, badan Korporat atau Industri dan institusi dalam dan luar negara untuk membangunkan teknologi dan industri kebombaam di negara ini.

39. Pelan pengembangan dan pembangunan *Main Operating Base* (MOB) dan *Front Operating Base* (FOB) perlu dirangka agar kualiti perkhidmatan udara bomba dapat dipertingkatkan dengan lebih profesional. Selain itu, usaha perlu dibuat bagi membangunkan **UAV Centre**, menambahbaik kemudahan logistik dan keupayaan pesawat serta melaksanakan kajian penyelenggaraan dan pelaksanaan fungsi akan menaikkan lagi tahap dan peranan perkhidmatan Udara JBPM.

40. Panel Pusat Penyelenggaraan/Bengkel dirangka untuk dilaksanakan agar auditan jentera bomba dan aset jabatan berada di tahap optima untuk tujuan pengoperasian. Pemantapan dan pemerksaan perjawatan di bahagian ini juga perlu dititikberatkan agar '*subject matter expert*' dan kesinambungan kemahiran dapat ditambah baik serta berkemampuan menampung keperluan kejuruteraan kenderaan dan aset jabatan yang kian meningkat.

41. Jabatan akan meneruskan cadangan untuk menyelesaikan segera urusan penstrukturan semula dan penjajaran jawatan bagi menaiktaraf gred-gred jawatan tertentu di peringkat negeri daerah dan balai serta meneruskan urusan TBBK gred-gred jawatan yang telah dipersetujui.

Saya amat berharap kita akan terus menunaikan dan melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh semangat dan berintegriti.



PENGURUSAN TERTINGGI JBPM



**YAS DATO' SRI MOHAMMAD HAMDAN
BIN HJ. WAHID**
KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



YAS DATO' ABDUL WAHAB BIN HJ. MAT YASIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



YAS DATO' HJ. SOIMAN BIN JAHID
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENGARAH BAHAGIAN



**YS TPjB DATO' NOR HISHAM
BIN MOHAMMAD**
PENGARAH
BAHAGIAN OPERASI KEBOMBAAN
DAN PENYELAMAT



YS TPjB EDWIN GALAN TERUKI
PENGARAH
BAHAGIAN KESELAMATAN
KEBAKARAN



YS PKPjB AHMAD IZRAM BIN OSMAN
PENGARAH
BAHAGIAN PENYIASATAN
KEBAKARAN



YS PKPjB DATO' YUSOF BIN SIDEK
PENGARAH
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN
PENYELIDIKAN



YS PKPjB OTHMAN BIN ABDULLAH
PENGARAH
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



YS PKPjB ABDUL RAZAK BIN MUDA
PENGARAH
BAHAGIAN LATIHAN

PENGARAH BAHAGIAN



YS PKPJB NAZILI BIN H.J. MAHMOOD
PENGARAH
BAHAGIAN UDARA

YS PPJB SITI ROHANI BINTI NADIR
PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT



EN. AIDI AZLI BIN WAHIT
PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN

EN. MOHD KAMAL BIN SHAHRUM
PENGARAH
BAHAGIAN KEJURUTERAAN JENTERA



PENGARAH NEGERI



YS PKPjB HJ. NORDIN BIN PAUZI
PENGARAH
JBPM KUALA LUMPUR



YS PKPjB NORAZAM BIN KHAMIS
PENGARAH
JBPM NEGERI SELANGOR



**YS PKPjB DATO' HJ. YAHAYA
BIN HJ. MADIS**
PENGARAH
JBPM NEGERI JOHOR



**YS PKPjB HJ. KHIRUDIN BIN
DRAHMAN@HUSSAINI**
PENGARAH
JBPM NEGERI SARAWAK



YS PKPjB SAADON BIN MOKTAR
PENGARAH
JBPM NEGERI PULAU PINANG



YS PKPjB AZMI BIN OSMAN
PENGARAH
JBPM NEGERI PERAK

PENGARAH NEGERI



**YS PKPjB KAMARULZAMAN MALIK
BIN ABDULLAH**
PENGARAH
JBPM NEGERI SABAH



YS PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON
PENGARAH
JBPM NEGERI KEDAH



**YS PKPjB IR. WAN MOHAMMAD ZAIDI
BIN WAN ISA**
PENGARAH
JBPM NEGERI PAHANG



YS PPjB MD. SALLEH BIN SARBINI
PENGARAH
JBPM NEGERI KELANTAN



YS PPjB HJ. HAMDAN BIN ALI
PENGARAH
JBPM NEGERI SEMBILAN



YS PPjB ABU OBAIDAT BIN MOHAMAD
PENGARAH
JBPM NEGERI MELAKA

PENGARAH NEGERI



**YS PPjB MD. HILMAN BIN
ABD RASHID**
PENGARAH
JBPM NEGERI TERENGGANU



YS PgKB I RUHISHA BIN HARIS
PENGARAH
JBPM NEGERI PERLIS



YS PgKB I ISMAIDI BIN HJ. ISMAIL
PENGARAH
JBPM LABUAN



YS PgKB I HAFIZAL BIN MOHD RAZALI
PENGARAH
JBPM PUTRAJAYA

KETUA UNIT





PPjB MORNI BIN MAMAT
KETUA UNIT INTEGRITI

CARTA ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA







VISI

Menjadi sebuah organisasi kebombaaran dan penyelamatan yang berprestasi tinggi.

MISI

Memberi perkhidmatan kebombaaran dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

NILAI TERAS

1. Berani
2. Suka Menolong Orang
3. Tidak Mementingkan Diri Sendiri
4. Sabar
5. Tidak Berputus Asa

PERANAN

Objektif dan Fungsi JBPM dengan jelas dinyatakan di bawah Seksyen 5 (1) & (2) Akta 341.

PELAN STRATEGIK JABATAN

Strategi Utama

Memperkasakan Perkhidmatan Kebombaaran dan Penyelamatan untuk Kesejahteraan Kualiti Hidup Masyarakat.

Strategi 1

Memastikan Rakyat Mendapat Perkhidmatan Kebombaaran dan Penyelamatan yang Berkesan.

Strategi 2

Mengamalkan Budaya Pencegahan dan Keselamatan Kebakaran.

Strategi 3

Memberikan Perkhidmatan Sokongan yang Efektif bagi Menjayakan Strategi 1 dan 2.

MOTO

“CEPAT DAN MESRA”





PENCAPAIAN



Pencapaian OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN


ANALISA JUMLAH KES KECEMASAN MENGIKUT NEGERI



Carta 1: Jumlah Kes Kecemasan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019

Pada tahun 2019, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menghadiri sebanyak 117,065 jumlah kes kecemasan. Daripada jumlah ini, Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi 21,137 kes diikuti dengan Negeri Johor 16,206 kes dan Negeri Perak 10,735 kes. Negeri yang paling kurang menerima kes kecemasan adalah WP Putrajaya 525 kes, WP Labuan 1,005 kes dan Negeri Perlis 1,222 kes.


Analisa Jumlah Kes Kebakaran, Menyelamat, Tugas-Tugas Khas dan Panggilan Palsu Bagi Tahun 2019



Carta 2: Kategori Kes Kecemasan Bagi Tahun 2019

Daripada jumlah keseluruhan 117,065 kes, JBPM telah menghadiri 50,720 (43.32%) kes melibatkan kes Kebakaran pada tahun 2019. Dalam tempoh yang sama juga, JBPM telah menghadiri 64,109 kes Penyelamatan dan sebanyak 1,903 (1.63%) panggilan Tugas-Tugas Khas telah dihadiri oleh JBPM. Tidak terkecuali, JBPM masih lagi menerima panggilan Palsu iaitu 333 kes (0.28%). Daripada carta perbandingan di atas menunjukkan kes Penyelamatan mencatatkan bacaan tertinggi iaitu 54.76% daripada jumlah keseluruhan panggilan.

PERBANDINGAN PANGGILAN KECEMASAN TAHUN 2016 HINGGA 2019



Carta 3: Perbandingan Jumlah Panggilan Kecemasan Dari Tahun 2016 Hingga 2019

Carta di atas menunjukkan perbandingan jumlah kes Kebakaran, Penyelamatan dan Tugas-Tugas Khas serta Panggilan Palsu yang dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi 4 Tahun. Secara analisisnya, carta menunjukkan pola penurunan bagi tahun tahun 2016 hingga 2017 iaitu bagi tahun 2016 menerima 94323 panggilan kecemasan manakala bagi tahun 2017 menurun 5.64% menjadi 88999 panggilan kecemasan. Tetapi bagi tahun 2018 JBPM menerima panggilan kecemasan sebanyak 112168 kes dimana meningkat sebanyak 26.03% jika dibandingkan pada tahun 2017.

Bagi tahun 2019 pula, JBPM merima panggilan kecemasan sebanyak 119084 kes iaitu meningkat 6.16% jika dibandingkan pada tahun 2018. Bilangan kes kecemasan yang tinggi pada Tahun 2019 adalah berpunca daripada dua (2) bencana besar yang melanda seluruh negara iaitu panggilan kebakaran terbuka yang tinggi bagi bulan Ogos hingga Oktober dan bencana banjir yang berlaku pada penghujung Tahun 2019.

Panggilan kes penyelamatan juga dilihat berlaku pola peningkatan sepanjang 4 tahun dimana bagi tahun 2019 JBPM merima sebanyak 64,109 panggilan dimana meningkat 58.67% jika dibandingkan panggilan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 40,402. Ini adalah kerana faktor kesedaran masyarakat tentang skop tugas JBPM dalam penyelamatan yang meluas menyebabkan panggilan dibuat oleh orang awam apabila berlaku kecemasan.

ANALISA KES KEBAKARAN

KES KEBAKARAN MENGIKUT NEGERI




Carta 4: Kes Kebakaran Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019

Merujuk Carta 4 di atas, Negeri Johor mencatatkan jumlah paling banyak kes kebakaran apabila menghadiri sebanyak 8,354 kes dan diikuti dengan Negeri Selangor (8,234 kes) dan Perak (4,615 kes). Bagi mendapatkan gambaran lebih jelas, satu analisa berkenaan jenis kebakaran yang berlaku di seluruh negara pada Tahun 2019 dijalankan untuk mendapatkan pola pengwujudan kemerbahayaan di negeri tertentu. Analisa statistik kepada jumlah kes dihadiri oleh setiap negeri mendapati bahawa antara jenis kebakaran yang kerap menyumbang kepada jumlah yang besar adalah:

- I. Kebakaran terbuka
- II. Bangunan dan isinya
- III. Lain-lain
- IV. Kenderaan

JENIS-JENIS KEBAKARAN DI SELURUH NEGARA



Carta 5: Jenis-jenis Kebakaran di Seluruh Negara Bagi Tahun 2019

Daripada 50,720 kes kebakaran yang dihadiri JBPM, jenis kebakaran paling tinggi yang direkodkan JBPM adalah kebakaran terbuka iaitu 28,925 (57.02%) panggilan. Ini diikuti dengan kebakaran lain-lain sebanyak 9,826 kes, kebakaran bangunan/ premis iaitu 5,449 kes dan kebakaran kenderaan iaitu 4,004 kes. Kebakaran terbuka adalah merujuk kepada kebakaran yang melibatkan:

- I. kebakaran kebun/ladang,
- II. kebakaran hutan,
- III. kebakaran belukar,
- IV. kebakaran sampah sarap.

KES KEBAKARAN TERBUKA MENGIKUT NEGERI



Carta 6: Kes Kebakaran Terbuka Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019

Kebakaran terbuka adalah merujuk kepada kebakaran yang melibatkan kebakaran kebun/ladang, hutan, belukar dan kebakaran sampah sarap. Menurut analisis yang dijalankan didapati Negeri Johor menghadapi paling banyak kes kebakaran terbuka pada Tahun 2019 iaitu 5,588 kes manakala Negeri Selangor menghadapi sebanyak 3,372 kes. Kebakaran yang kedua tertinggi dicatatkan sebanyak 9,826 kes (merujuk carta 5) adalah kebakaran melibatkan kategori lain-lain. Contoh kebakaran yang dikategorikan sebagai lain-lain adalah seperti berikut:

- I. Kebakaran pondok pengawal yang terbiar
- II. Kebakaran tiang/pencawang/kabel elektrik
- III. Kotak fius
- IV. Tokong/tempat sembahyang kecil milik individu
- V. Sampah/jerami
- VI. Kebakaran kain-kain buruk yang ditempatkan dalam tandas awam
- VII. Colok Cina
- VIII. Kebakaran pokok
- IX. Pusat kitar semula terbuka
- X. Pondok telefon
- XI. Ekzos fan/chimney
- XII. Longgokan kayu




KES KEBAKARAN BANGUNAN MENGIKUT NEGERI



Carta 7: Jumlah Kebakaran Bangunan Mengikut Negeri Tahun 2019

Sepanjang Tahun 2019 juga, JBPM telah mencatatkan kehadiran sebanyak 5,449 kes kebakaran bangunan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, Negeri Selangor mencatatkan jumlah paling tinggi dalam kebakaran bangunan iaitu sebanyak 1,083 kes dan diikuti Johor menerima 568 kes dan Kuala Lumpur menerima 563 kes. WP Putrajaya mencatatkan jumlah paling rendah dalam kebakaran bangunan iaitu sebanyak 4 kes sahaja dan diikuti WP Labuan hanya menerima 20 kes sahaja.

JUMLAH KEBAKARAN MELIBATKAN PREMIS KEDIAMAN




Carta 8: Pecahan Kes Kebakaran Premis Kediaman Bagi Tahun 2019

- I. Merujuk kepada Carta 8 di atas, Kategori rumah kediaman adalah merupakan kategori tertinggi (3,102 kes) terlibat dalam kebakaran di seluruh negara. Rumah kediaman adalah merujuk kepada mana-mana perumahan yang didirikan secara persendirian tanpa melalui syarikat pembinaan seperti rumah persendirian, banglo atau berkembar. Seterusnya statistik kebakaran premis kediaman diikuti oleh rumah teres (863 kes), flat (257 kes) dan *apartment/kondo* (234 kes).

- II. Penekanan juga diberikan kepada statistik kebakaran premis kediaman mengikut negeri di Malaysia. Penerangan terhadap statistik tersebut dinyatakan seperti carta di bawah.

KES KEBAKARAN PREMIS KEDIAMAN MENGIKUT NEGERI




Carta 9: Jumlah Kebakaran Premis Kediaman Mengikut Negeri Tahun 2019

- III. Merujuk kepada Carta 9 di atas, negeri Selangor mencatatkan kebakaran premis kediaman tertinggi di Malaysia iaitu 588 kes, diikuti Kuala Lumpur sebanyak 316 kes, Sabah sebanyak 322 kes dan Kedah sebanyak 311 kes. WP Putrajaya mencatatkan kes kebakaran premis kediaman terendah iaitu sebanyak 2 kes dan WP Labuan sebanyak 8 kes pada tahun 2019.

ANALISA KES PENYELAMATAN

KES PENYELAMATAN MENGIKUT NEGERI




Carta 10: Kes Penyelamatan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019

Bagi Tahun 2019 JBPM telah menerima sejumlah 64,109 panggilan melibatkan kes penyelamatan dan khidmat kemanusiaan. Negeri yang paling kerap menerima panggilan tersebut adalah Negeri Selangor iaitu 16,804 panggilan diikuti Negeri Johor (7,458 kes) dan Sarawak (6,068 kes).

- Daripada jumlah keseluruhan 64,109 kes penyelamatan yang dihadiri oleh JBPM sepanjang Tahun 2019, berikut adalah pecahan terhadap kategori penyelamatan yang telah dijalankan.

JENIS-JENIS PENYELAMATAN




Carta 11: Jenis-jenis Penyelamatan Diseluruh Negara Bagi Tahun 2019

Berikut adalah pecahan operasi penyelamatan kategori kecemasan lain:

- Berdasarkan Carta 11 di atas, kes penyelamatan paling tinggi dihadapi oleh JBPM ialah kes kecemasan lain iaitu sebanyak 45,094 kes (70.34%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26,208 kes adalah merupakan khidmat menangkap ular atau binatang berbahaya. Manakala 11,004 kes adalah melibatkan operasi memusnahkan serangga. Baki 8,710 kes adalah lain-lain kes kecemasan seperti kes cubaan bunuh diri, ancaman pengganas, rusuhan, potong cincin, pokok tumbang dan lain-lain.
- Kategori kedua tertinggi dalam statistik kes penyelamatan adalah kemalangan jalanraya dimana 7,370 kes telah dicatatkan. Daripada jumlah tersebut, jalanraya negeri/bandaran mencatatkan jumlah kemalangan tertinggi iaitu 4,220 kes. Jalanraya Persekutuan adalah kedua tertinggi iaitu 1,198 kes dan selebihnya berlaku di Lebuhraya (1,179 kes) dan jalan-jalan lain (773 kes).


PERBANDINGAN KES KEMALANGAN JALAN RAYA DARI TAHUN 2016 HINGGA 2019



Carta 12: Perbandingan Kes Kemalangan Jalan Raya Dari Tahun 2016 Hingga 2019

- Jumlah kemalangan jalanraya menunjukkan pola peningkatan bagi Tahun 2016 hingga Tahun 2018. Berdasarkan Carta 12 di sebelah, pada Tahun 2016, jumlah kes kemalangan melibatkan jalanraya yang dihadiri oleh JBPM berjumlah 6,203 kes. Pada Tahun 2017, jumlah ini meningkat sebanyak 9.46 % (6,790 kes) kemudian jumlah ini meningkat sebanyak 13.74% menjadi kepada 7,723 kes bagi tahun 2018. Pada Tahun 2019, jumlah kes kemalangan menurun sebanyak 4.57% kepada 7370 kes.


PERBANDINGAN KES BENCANA ALAM DARI TAHUN 2016 HINGGA 2019



Carta 13: Perbandingan Kes Bencana Alam Dari Tahun 2016 Hingga 2019

- Jumlah kes bencana alam menunjukkan pola peningkatan bagi Tahun 2016 hingga Tahun 2019. Berdasarkan Carta 13 di atas, pada Tahun 2016, jumlah kes bencana alam yang dihadiri oleh JBPM berjumlah 3,388 kes. Pada Tahun 2017, jumlah ini meningkat sebanyak 32.67% (4,495 kes) kemudian jumlah ini meningkat sebanyak 9.50% menjadi kepada 4,922 kes bagi tahun 2018. Manakala pada Tahun 2019, jumlah kes bencana alam yang dihadiri JBPM terus meningkat iaitu 4.19% (5,128 kes). Kes pokok tumbang merupakan salah satu panggilan yang menyumbang peningkatan statistik bagi kes bencana alam.


PERBANDINGAN KES TUMPAHAN DAN KEBOCORAN BAHAN BERBAHAYA TAHUN 2016 HINGGA 2019



Carta 14: Perbandingan Kes Tumpahan Dan Kebocoran Bahan Berbahaya Tahun 2016 Hingga 2019

Berdasarkan Carta 14 di atas, jumlah kes Tumpahan dan Kebocoran Bahan Berbahaya yang dihadiri meningkat setiap tahun. Pada tahun 2016, jumlah kes yang direkodkan ialah 1,869 kes. Pada Tahun 2017 pula menunjukkan peningkatan berbanding Tahun 2016 apabila berlaku peningkatan sebanyak 30.55% iaitu 2,440 kes. Pada Tahun 2018, jumlah kes yang dicatatkan ialah 2,353 kes di mana berlaku penurunan sebanyak 87 kes iaitu 3.57%. Seterusnya pada tahun 2019, jumlah kes yang dicatatkan ialah 2,464 kes di mana berlaku peningkatan sebanyak 111 kes iaitu 4.71%). Perkara ini dilihat berlaku seiring dengan kepesatan pembangunan industri di Negara ini yang melibatkan penggunaan bahan-bahan kimia berbahaya.


**PERBANDINGAN KES PANGGILAN KECEMASAN LAIN / KHIDMAT KEMANUSIAAN
TAHUN 2016 HINGGA 2019**



Carta 15: Perbandingan Kes Panggilan Kecemasan Lain / Khidmat Kemanusiaan Tahun 2016 Hingga 2019

Berdasarkan Carta 15 di atas, jumlah kes Panggilan Kecemasan Lain / Khidmat Kemanusiaan yang dihadiri JBPM meningkat setiap tahun. Pada tahun 2016, jumlah kes yang direkodkan ialah 25,494 kes. Pada Tahun 2017 pula menunjukkan peningkatan drastik berbanding Tahun 2016 apabila berlaku peningkatan sebanyak 42.20% menjadi 36,252 kes. Pada Tahun 2018, jumlah kes yang dicatatkan ialah 40,447 kes di mana berlaku peningkatan sebanyak 11.57%. Seterusnya pada tahun 2019, jumlah kes yang dicatatkan ialah 45,094 kes iaitu meningkat 11.49%. Kes yang melibatkan Bantuan Menangkap Ular/ Binatang dan Memusnahkan Serangga Berbisa merupakan antara faktor kepada peningkatan jumlah panggilan kecemasan bagi kes Panggilan Kecemasan Lain / Khidmat Kemanusiaan


KES LEMAS MENGIKUT NEGERI



Carta 16: Kes Lemas Mengikut Negeri bagi tahun 2019

- Jumlah kes lemas secara keseluruhannya adalah sebanyak 305 kes di seluruh negeri-negeri bagi tahun 2019.
- Negeri Sarawak (49), Sabah (40), Selangor (29) dan Pahang (29) menunjukkan antara negeri yang mencatatkan jumlah kes yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain.
- Manakala Wilayah Persekutuan Labuan tidak mencatatkan sebarang kes lemas bagi tahun 2019.


PECAHAN KES LEMAS MENGIKUT LOKASI BAGI TAHUN 2019



Carta 17: Pecahan Kes Lemas Mengikut Lokasi Bagi Tahun 2019

Berdasarkan Carta 17, kes lemas di sungai/tali air mencatatkan panggilan tertinggi pada tahun 2019 iaitu sebanyak 168 kes. Diikuti dengan kes lemas di pantai iaitu dengan 81 kes, lemas dalam tasik/lombong sebanyak 35 kes, kes lemas di air terjun/jeram sebanyak 15 kes manakala kes lemas di kawasan pembentung iaitu sebanyak 6 kes.

STATUS MANGSA KES LEMAS TAHUN 2019



Carta 18: Status Mangsa Lemas Mengikut Lokasi Bagi Tahun 2019

Berdasarkan Carta 18, bilangan kes mati lemas adalah sebanyak 232 orang, seramai 7 orang mengalami kecederaan dan 64 orang mangsa berjaya diselamatkan oleh JBPM. Berdasarkan carta diatas bagi kes lemas dalam air (sungai/tali air) seramai 133 orang mati lemas, 3 orang mengalami cedera manakala 32 orang berjaya diselamatkan. Bagi kes lemas dalam air (pantai) mencatatkan kes lemas seramai 53 orang dan 28 orang berjaya diselamatkan. Manakala bagi kes lemas dalam air (tasik/lombong) pula seramai 30 orang direkodkan telah mati lemas dan 2 orang diselamatkan. Bagi kes lemas dalam air (air terjun/jeram) pula merekodkan sebanyak 11 orang mati lemas, 3 orang cedera dan 2 orang mangsa diselamatkan. Lemas dalam pembentungan merekodkan bilangan mangsa yang rendah iaitu seramai 5 orang mangsa direkodkan mati lemas manakala seorang mangsa mengalami kecederaan.

PERBANDINGAN KES MATI LEMAS TAHUN 2016 HINGGA 2019




Carta 19: Perbandingan kes mati lemas bagi tahun 2016 hingga 2019

Berdasarkan Carta 19, pada tahun 2016 jumlah kes yang direkodkan mati lemas ialah 260 kes dan bilangan kes telah meningkat sebanyak 25.77% menjadi 327 kes mati lemas bagi tahun 2017. Manakala bagi tahun 2018 berlaku penurunan bilangan kes yang mati lemas iaitu menurun 18 kes menjadi 309 kes mati lemas. Seterusnya pada tahun 2019, jumlah kes mati lemas berlaku penurunan dimana jumlah kes mati lemas direkodkan sebanyak 232 kes iaitu berlaku penurunan sebanyak 77 kes (24.92%).

ANALISA JUMLAH MANGSA TERLIBAT DALAM
KES KEBAKARAN DI SELURUH NEGARA

BILANGAN MANGSA DISELAMATKAN DALAM KES KEBAKARAN TAHUN 2016 HINGGA 2019



Carta 20: Bilangan Mangsa Yang Diselamatkan Dalam Kes Kebakaran Tahun 2016 - 2019

Carta di atas menunjukkan bilangan mangsa yang diselamatkan dalam kes kebakaran di seluruh negara bagi Tahun 2016 sehingga 2019. Graf jelas menunjukkan pola menurun bagi jumlah mangsa yang diselamatkan oleh JBPM dalam kes kebakaran. Pada Tahun 2016, seramai 1,558 orang mangsa diselamatkan. Angka ini dilihat menurun sebanyak 25 orang kepada 1,533 orang pada Tahun 2017. Angka ini dilihat menurun pada tahun 2018 iaitu seramai 1,514 mangsa yang telah diselamatkan. Bagi tahun 2019 pula, bilangan mangsa yang diselamatkan adalah seramai 1,316 orang dimana berlaku penurunan sebanyak 13.08% jika dibandingkan pada tahun sebelumnya.

Antara faktor yang menjadi penyumbang kepada penurunan jumlah mangsa kebakaran antaranya adalah:

- i) Tahap kesedaran / *public awareness* tentang bahaya kebakaran yang semakin baik di kalangan masyarakat. Ini termasuklah kesedaran awam mengenai keperihatinan tentang sistem keselamatan kebakaran dalam bangunan dipasang dan diselenggara dengan baik.

- ii) Teknik pemadaman '*Special Offensive Fire-Fighting Technique*' (SOFT) yang berkesan melalui kaedah *Offensive Fire Fighting* dan pemakaian *personal protection equipment* (PPE) termasuk alat pernafasan yang lengkap membolehkan penyelamatan mangsa dapat dilakukan di dalam bangunan yang terbakar.
- iii) Peranan dan komitmen masyarakat yang menyeluruh termasuklah pengembangan Pasukan Bomba Sukarela (PBS), Bomba Komuniti serta masyarakat setempat yang memberikan respon semasa bermulanya kebakaran di premis-premis bangunan kediaman, sekolah, pejabat dan lain-lain.

Dalam tempoh yang sama juga dapat dilihat pola menurun jumlah kematian mangsa dalam kes kebakaran dari tahun 2017 hingga tahun 2018. Carta dibawah menunjukkan statistik mangsa mati dalam kes kebakaran bagi Tahun 2016 hingga 2019.

BILANGAN MANGSA YANG MATI DALAM KES KEBAKARAN TAHUN 2016 HINGGA 2019



Carta 21: Bilangan Mangsa Mati Dalam Kebakaran Dari Tahun 2016 Hingga 2019


Pada Tahun 2016, seramai 107 mangsa direkodkan telah meninggal dunia akibat kebakaran dan bilangan ini meningkat sebanyak 35.51% iaitu menjadi kepada 145 orang mangsa pada tahun 2017. Manakala bagi tahun 2018 bilangan mangsa yang mati akibat kebakaran menurun sebanyak 48 mangsa iaitu seramai 97 mangsa. Bagi tahun 2019 jumlah mangsa yang mati dalam kebakaran direkodkan seramai 121 orang dimana sebanyak 24.74% berlaku peningkatan jika dibandingkan pada tahun 2018.



ANALISA PENCAPAIAN *RESPONSE TIME* JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Bil	JBPM NEGERI	PENCAPAIAN <i>RESPONSE TIME</i> BAGI KES YANG DIHADIRI OLEH JBPM BAGI TAHUN: 2018		PENCAPAIAN <i>RESPONSE TIME</i> BAGI KES YANG DIHADIRI OLEH JBPM BAGI TAHUN: 2019	
		PERATUS KES DIHADIRI JBPM BAWAH 10 MINIT (%)	PURATA <i>RESPONSE TIME</i> (MINIT)	PERATUS KES DIHADIRI JBPM BAWAH 10 MINIT (%)	PURATA <i>RESPONSE TIME</i> (MINIT)
1	PERLIS	44.39	11.25	46.53	14.94
2	KEDAH	56.81	12.1	59.08	12.47
3	P. PINANG	66.09	14.68	65.24	10.64
4	PERAK	59.64	14.97	61.75	12.94
5	SELANGOR	46.49	16.06	52.81	14.34
6	WP KUALA LUMPUR	58.63	13.64	61.24	11.21
7	N. SEMBILAN	57.75	13.46	63.01	12.97
8	MELAKA	49.1	14.08	49.00	12.37
9	JOHOR	39.3	16.17	47.68	13.41
10	PAHANG	29.89	16.41	38.19	18.35
11	TERENGGANU	41.46	14.6	42.35	16.10
12	KELANTAN	40.13	16.24	40.77	16.39
13	SABAH	50.76	15.65	49.34	16.56
14	SARAWAK	48.81	17.04	49.62	18.25
15	WP LABUAN	86.17	7.06	87.02	7.71
16	WP PUTRAJAYA	90.8	10.4	92.18	7.78
PENCAPAIAN KESELURUHAN		49.87	13.99	53.12	14.24

RESPONSE TIME BAWAH 10 MINIT MENGIKUT NEGERI



Carta 22: Pencapaian *Response Time* Bawah 10 Minit Mengikut Negeri Tahun 2019


Carta 22 menunjukkan pencapaian *response time* mengikut negeri bagi panggilan kebakaran dan penyelamatan yang dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pencapaian keseluruhan tahun 2019 adalah 53.12% iaitu 59,923 kes yang dihadiri bawah 10 minit daripada 112,807 kes. Pencapaian *Response Time* bawah 10 Minit bagi tahun 2019 meningkat sebanyak 3.25% jika dibandingkan dengan tahun 2018.

PURATA RESPONSE TIME MENGIKUT NEGERI



Carta 23: Purata Response Time Mengikut Negeri Tahun 2019

Carta 23 menunjukkan purata *response time* mengikut negeri bagi setiap panggilan kebakaran dan penyelamatan yang dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Purata *Response Time* Kebangsaan tahun 2019 bagi keseluruhan 112,807 kes adalah 14.24 minit. Jumlah masa yang direkodkan bagi 112807 kes yang dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah sebanyak 1606061.76 minit.

PERBANDINGAN PENCAPAIAN RESPONSE TIME BAWAH 10 MINIT
DARI TAHUN 2017 HINGGA 2019

Carta 24: Perbandingan Pencapaian Response Time Bawah 10 Minit Dari Tahun 2017 Hingga 2019

Carta 24 menunjukkan perbandingan tiga tahun iaitu tahun 2017 hingga 2019 pencapaian *response time* bawah 10 minit. Pencapaian menunjukkan pola menaik kesan daripada pertambahan balai-balai dan pasukan bomba sukarela di seluruh negara. Pada tahun 2017, pencapaian *response time* direkodkan sebanyak 47.17% dan bagi tahun 2018, pencapaian direkodkan sebanyak 49.87% iaitu berlaku peningkatan iaitu 2.70%. manakala bagi tahun 2019, pencapaian *response time* direkodkan sebanyak 53.12% dimana meningkat sebanyak 3.25% jika dibandingkan dengan tahun 2018.

Pencapaian KESELAMATAN KEBAKARAN

PERAKUAN KESELAMATAN BANGUNAN

Pemantauan Penyampaian *Key Performance Indicator (KPI)* Pelan Teknikal

- Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM komited melaksanakan perkhidmatan memproses pelan teknikal yang dikemukakan permohonan kepada jabatan iaitu Perakuan Pelan Arkitekural dan Pelan Mekanikal & Elektrikal selewat-lewatnya **14 hari** dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- Pencapaian Tahun 2019 merekodkan peningkatan iaitu jumlah permohonan yang dikemukakan kepada Bahagian Keselamatan Kebakaran (BKK) sebanyak 24,249.
- Tahun 2019 mencatatkan peningkatan jumlah permohonan sebanyak 1,457. Secara keseluruhan, kesemua permohonan yang diterima dilaksanakan mengikut sasaran yang telah ditetapkan.
- Berikut adalah prestasi penyampaian *Key Performance Indicator (KPI)* keseluruhan tahun 2017 hingga 2019.

Tahun	Jumlah Dilaksana Mengikut Sasaran	Jumlah Tidak Mencapai Sasaran	Pencapaian (%)
Berikut adalah Jadual Pelaksanaan Audit dalaman bagi tahun 2019:-

BIL	NEGERI	TARIKH AUDIT
1	JBPM NEGERI KELANTAN	3 – 7 MAC 2019
2	JBPM PUTRAJAYA	11 – 13 MAC 2019
3	JBPM NEGERI PULAU PINANG	25 – 29 MAC 2019
4	JBPM NEGERI SABAH	25 – 29 MAC 2019
5	JBPM NEGERI MELAKA	13 – 16 MEI 2019
6	JBPM NEGERI SEMBILAN	13 – 17 MEI 2019
7	JBPM LABUAN	14 – 17 MEI 2019
8	JBPM NEGERI JOHOR	24 – 27 JUN 2019
9	JBPM KUALA LUMPUR	24 – 28 JUN 2019
10	JBPM NEGERI PAHANG	8 – 12 JULAI 2019
11	JBPM NEGERI PERLIS	8 – 12 JULAI 2019
12	JBPM NEGERI KEDAH	14 – 18 JULAI 2019
13	JBPM NEGERI TERENGGANU	14 – 18 JULAI 2019
14	JBPM NEGERI PERAK	19 – 23 OGOS 2019
15	JBPM NEGERI SELANGOR	19 – 23 OGOS 2019
16	JBPM NEGERI SARAWAK	3 – 6 SEPTEMBER 2019
17	IBU PEJABAT JBPM	10 – 13 SEPTEMBER 2019

PENCAPAIAN AUDIT KUALITI DALAMAN MENGIKUT NEGERI TAHUN 2019

NEGERI	PENEMUAN KETIDAKAKURAN		
	OFI*	NCR MINOR	NCR MAJOR
KELANTAN	4	4	-
PUTRAJAYA	2	-	-
PULAU PINANG	5	2	-
SABAH	5	5	-
MELAKA	3	-	-
NEGERI SEMBILAN	8	1	-
LABUAN	2	-	-
JOHOR	6	3	-
KUALA LUMPUR	3	2	-
PAHANG	4	-	-
PERLIS	4	4	-
KEDAH	2	5	-
TERENGGANU	16	1	-
PERAK	9	7	-
SELANGOR	8	6	-
SARAWAK	13	5	-
IBU PEJABAT	6	11	-
JUMLAH	100	56	-

Pada tahun 2019, pihak Urusetia Induk MS ISO JBPM telah menyelaraskan Audit Kualiti Dalamannya ke seluruh JBPM Negeri termasuk Ibu Pejabat JBPM dengan menggunakan Standard MS ISO 9001:2015. Daripada auditan tersebut, beberapa penemuan melibatkan Ketaakuran (NCR) dan Peluang penambahbaikan (OFI) yang telah direkodkan oleh pasukan audit dalaman. Kesemua penemuan tersebut telah diambil tindakan pencegahan dan pembedahan oleh semua negeri yang terlibat.

Audit Kualiti Dalamannya tahun 2019 mencatatkan penemuan sebanyak 56 Ketakakuran (NCR Minor) dan 100 Peluang Penambahbaikan (OFI) daripada seluruh JBPM Negeri termasuk Ibu Pejabat JBPM.

Daripada jumlah tersebut, Seksyen 4 (Konteks Organisasi) mencatatkan 3 NCR (Minor) dan 12 OFI, Seksyen 5 (Kepimpinan) mencatatkan 19 NCR (Minor) dan 5 OFI, Seksyen 6 (Perancangan) mencatatkan 6 OFI, Seksyen 7 (Sokongan) mencatatkan 14 NCR (Minor) dan 42 OFI, Seksyen 8 (Operasi) mencatatkan 13 NCR (Minor) dan 17 OFI, Seksyen 9 (Penilaian Prestasi) mencatatkan 7 NCR (Minor) dan 16 OFI dan Seksyen 10 (Penambahbaikan) mencatatkan 2 OFI. Daripada data di atas, didapati Seksyen 5 adalah Seksyen yang paling tinggi mencatatkan NCR (Minor) iaitu sebanyak 19 penemuan. Manakala Seksyen 7 pula adalah seksyen yang paling tinggi bagi Peluang penambahbaikan (OFI) iaitu sebanyak 42 penemuan.

KEPERLUAN STANDARD	NCR	OFI
Seksyen 4 (Konteks Organisasi)	3	12
Seksyen 5 (Kepimpinan)	19	5
Seksyen 6 (Perancangan)	-	6
Seksyen 7 (Sokongan)	14	42
Seksyen 8 (Operasi)	13	17
Seksyen 9 (Penilaian Prestasi)	7	16
Seksyen 10 (Penambahbaikan)	-	2
JUMLAH	56	100

PENCAPAIAN AUDIT PEMANTAUAN SIRIM TAHUN 2019

NO.	LOKASI AUDIT	LOKASI AUDIT		
		NCR (Major)	NCR (Minor)	OFI
1	JBPM Negeri Kelantan	-	-	4
2	JBPM Negeri Perak	-	-	5
3	JBPM Negeri Sembilan	-	-	6
4	JBPM Negeri Pulau Pinang	-	-	1
5	JBPM Labuan	-	-	2
6	JBPM Negeri Selangor	-	-	3
7	Ibu Pejabat JBPM	-	2	3
JUMLAH		0	2	24

Auditan daripada pihak SIRIM dijalankan 1 kali setahun di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengikut Standard MS ISO 9001:2015. Pada tahun 2019, Audit Pemantauan SIRIM telah diadakan pada 14 hingga 18 Oktober 2019 melibatkan Ibu Pejabat JBPM dan 6 JBPM Negeri iaitu JBPM Negeri Kelantan, JBPM Negeri Perak, JBPM Negeri Sembilan, JBPM Negeri Pulau Pinang, JBPM Labuan dan JBPM Negeri Selangor. Auditan tersebut telah mencatatkan 26 penemuan iaitu 2 ketaakuran kecil NCR (Minor) dan 24 Peluang Penambahbaikan (OFI).

LAPORAN AUDIT PEMANTAUAN OLEH SIRIM TAHUN 2019

BIL	LOKASI	SEKSYEN	KETERANGAN	STATUS
1	Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat JBPM	7.1.3	Prasarana Sijil Kelayakan Mesin Angkat (JKKP) untuk 4 unit lif di bangunan Ibu Pejabat JBPM telah tamat tempoh (tarikh tamat tidak dapat ditentukan kerana Sijil yang telah tamat tempoh tersebut gagal dikesan semula semasa audit)	NCR (Minor)
2	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	7.1.3	Prasarana 1. Tiada ketetapan yang jelas mengenai keperluan ujian hidrostatik secara berkala ke atas BA <i>silinder</i> yang digunakan untuk operasi. Contoh: BBP Sekinchan - Terdapat situasi di mana ujian hidrostatik terakhir direkodkan pada 2011 (jenama drager). Untuk jenama Interspiro, tarikh buatan pada 03/2013 tetapi tidak dibuat ujian hidrostatik sehingga kini. 2. Walaupun pemeriksaan ke atas BA Set dijalankan secara berkala/ harian, tetapi format yang digunakan tidak seragam. Rekod yang diwujudkan juga adakalanya tidak menunjukkan pembuktian pelaksanaan ujian tekanan tinggi & tekanan rendah, tarikh untuk mengosong dan mengisi semula udara mampat serta pemeriksaan pada tarikh luput untuk ujian hidrostatik.	NCR (Minor)
3	Ibu Pejabat, JBPM	7.5	Maklumat Didokumentasikan Dokumen-dokumen berkaitan seperti Perintah Tetap Operasi/ Arahan Ketua Pengarah dan sebagainya dinyatakan sebagai rujukan di dalam Prosedur SPK. Walaubagaimanapun, adakalanya salinan dokumen tersebut tidak tersedia di lokasi. Pada masa yang sama, dokumen-dokumen tersebut telah dimuatnaik di dalam myApps tetapi masih belum sepenuhnya.	OFI
4	Ibu Pejabat, JBPM	7.5	Maklumat didokumentasikan Organisasi telah menentukan keperluan untuk kewujudan Manual Kualiti. Manual Kualiti tersebut boleh disemak semula kandungannya serta Klausa yang digunakan agar selaras dengan keperluan Standard ISO 9001:2015	OFI
5	Ibu Pejabat, JBPM	8.5.1	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan Ketersediaan maklumat didokumentasikan yang menetapkan, ciri-ciri produk yang akan dihasilkan, perkhidmatan yang akan disediakan, atau aktiviti yang akan dilaksanakan; hasil yang hendak dicapai; Pendaftaran dalam Buku Daftar Projek - Carta Alir Keselamatan Kebakaran (Memproses Pelan M&E) JBPM/PK/04.	OFI
6	JBPM Negeri Selangor	9.1.1	Pemantauan, pengukuran, analisis dan penilaian Pemantauan ke atas proses boleh ditambahbaik untuk memastikan keberkesanan proses. Contoh: a) proses penyediaan LPK; b) status pematuhan Notis FC6; c) pemantauan penyediaan SLKK (penggunaan Buku Daftar) dsb.	OFI
7	Bahagian Penyiasatan Kebakaran, JBPM Negeri Selangor	7.1.5	Sumber pemantauan dan pengukuran Makmal FIETS telah diwujudkan. Kajian perlu dibuat untuk menentukan keperluan untuk kalibrasi peralatan yang berkaitan.	OFI

8	JBPM Negeri Selangor	7.1.3	Prasarana Untuk aduan kerosakan yang diterima bengkel (Bahagian Kejuruteraan), adakalanya perincian hasil pemeriksaan oleh mekanik dan senarai alatganti yang perlu ditukar, tidak diperincikan untuk tujuan semakan Penolong Jurutera dsb.	OFI
9	BBP Tanjung Malim/BBP Tapah, JBPM Negeri Perak	7.2	Kekompetenan Operasi Khidmat Khas seperti menangkap dan mengendalikan binatang berbisa merupakan salah satu tugas kebombaannya. Walaubagaimanapun didapati anggota yang menjalankan operasi tersebut belum menghadiri kursus berkaitan	OFI
10	BBP Tapah/Bhg. Kejuruteraan Jentera, JBPM Negeri Perak	7.1.3	Prasarana Alat pemadam api di dalam FRT BLW 6977 dan di dalam Setor A Bahagian Kejuruteraan melepasi tempoh sah guna.	OFI
11	Bahagian Kejuruteraan Jentera, JBPM Negeri Perak	7.1.5	Sumber pemantauan dan pengukuran a) <i>Acron Flow Test Kit</i> telah melepasi tempoh kalibrasi iaitu pada 25 Januari 2019. (BBP Tapah) b) Four Post Lift dikecualikan daripada Perakuan Kelayakan Mesin Angkat oleh JKPP melalui surat bertarikh 11 Mac 2016. Walaubagaimanapun ianya boleh di buat senggaraan secara berkala (<i>Preventive maintenance</i>) bagi mengelakkan kemalangan. Kali terakhir diselenggara pada tahun 2016.	OFI
12	Bahagian Kejuruteraan Jentera, JBPM Negeri Perak	8.5.4	Pemeliharaan <i>Eye Lotion</i> didalam <i>First Aid Kit</i> telah melepasi tempoh sah guna sejak March 2018 dan lokasi <i>First Aid</i> boleh disemak semula.	OFI
13	Bahagian Kejuruteraan Jentera, JBPM Negeri Perak	8.5.1	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan a) Pengurusan Bilik Logistik dan Bilik Peralatan Bermotor boleh diperkemaskan dengan menyediakan senarai peralatan dan membuat semakan secara berkala. (BBP T.Malim) b) Susunan peralatan didalam LFRT Atego WJX 5429 boleh ditambahbaik dengan merujuk senarai semak harian dan disimpan mengikut locker yang ditetapkan. (BBP T.Malim) c) Pengisian rekod pemanasan injin boat disediakan, walaubagaimanapun ianya perlu konsisten. Tarikh akhir pengisian ialah pada bulan November 2018 (40HP) dan 30 November 2018 (60HP) (BBP T. Malim) d) Pengisian di dalam Senarai Semak senggaraan kenderaan utility terutama dibahagian jenis senggaraan (petak A,B,C,D) boleh ditambahbaik (Bhg Kejuruteraan Perak) e) Pengisian Borang KEJ 3 (KEW PS.11) ruangan kelulusan Ketua untuk mengeluarkan barang dari setor perlu diisi bagi barangan yang belum disenaraikan di dalam system SPS.	OFI
14	BBP Tanah Merah, JBPM Negeri Kelantan	8.5.1	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan Kawalan terhadap rekod pemeriksaan pili bomba boleh ditambahbaik bagi penggunaan no siri pili bomba yang terbaru mengikut di dalam sistem pengurusan pili bomba (SPPB). Kad rekod pili bomba didapati masih menggunakan nombor siri yang lama.	OFI

15	PGO, JBPM Negeri Kelantan	8.5.1	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan Pemantauan terhadap laporan kes yang telah selesai melalui SPI boleh ditambahbaik terutamanya yang melibatkan kemalangan dan kematian. Ketua Balai perlu memastikan tindakan yang dilakukan telah selesai dan perincian mangsa adalah lengkap sebelum disahkan selesai. Contoh: BBP Kuala Krai 38/2019 kes pada 30/8/2019.	OFI
16	Bahagian Penyiasatan Kebakaran, JBPM Negeri Kelantan	8.5.1	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan Kawalan terhadap pengisian tarikh laporan siasatan kebakaran selesai/lulus pada dokumen perlu ditingkatkan bagi mengelakkan kesalahan ketidakteraturan pada dokumen fizikal dan sistem ESPPK.	OFI
17	BBP Pasir Tumbuh, JBPM Negeri Kelantan	7.1.3	Prasarana Penambahbaikan dalam sistem perhubungan boleh diperbaiki dengan mengadakan Sistem Siaraya. Ini boleh memudahkan pengumuman secara efisien diantara anggota dalam satu pasukan yang bertugas dalam satu masa dibalai. Penambahbaikan bilik kawalan di Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Tumbuh boleh diperbaiki dengan adanya system MERS 999 seperti tertakluk dalam Operasi Kebombaan JBPM/PK/01.	OFI
18	Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM Negeri Pulau Pinang	8.5.2	Pengenalpastian dan kebolehesanan Organisasi hendaklah mengawal pengenalpastian unik output apabila kebolehesanan merupakan satu keperluan, dan hendaklah menyimpan maklumat didokumentasikan yang perlu untuk membolehkan kebolehesanan. Sistem Kabinet Filing boleh ditambahbaik	OFI
19	JBPM Negeri Sembilan	8.5.2	Aktiviti selepas hantar serah Penambahbaikan dalam sistem fail boleh diperbaiki dengan mewujudkan satu rekod kualiti yang berkesan seperti termaktub dalam Perkara 7 Operasi Kebombaan. Jenis rekod berkenaan ialah dari 7.1 sehingga 7.15 JBPM/PK/01.	OFI
20	BBP Seremban 2, JBPM Negeri Sembilan	7.3	Kesedaran Penambahbaikan untuk adakan bengkel untuk semua ahli ahli bomba di Seremban 2 dan meningkatkan pengetahuan tentang dalam operasi kebombaan JBPM/PK/01 dan kursus-kursus yang berkenaan dengan skop kerja masing-masing.	OFI
21	BBP Kuala Pilah, JBPM Negeri Sembilan	8.5.5	Aktiviti selepas hantar serah Penambahbaikan dalam sistem fail boleh diperbaiki dengan mewujudkan satu rekod kualiti yang berkesan seperti termaktub dalam Perkara 7 Operasi Kebombaan. Jenis rekod berkenaan ialah dari 7.1 sehingga 7.15 JBPM/PK/01.	OFI
22	BBP Kuala Pilah, JBPM Negeri Sembilan	8.2.2	Menentukan keperluan untuk produk dan perkhidmatan Penambahbaikan dalam pengurusan terhadap peralatan dan ubat ubatan yang mempunyai tarikh luput dalam EMRS Emergency Medical Response Team.	OFI
23	BBP Kuala Pilah, JBPM Negeri Sembilan	7.3	Kesedaran Penambahbaikan untuk adakan bengkel untuk semua ahli ahli bomba di Seremban 2 dan meningkatkan pengetahuan tentang dalam operasi kebombaan JBPM/PK/01 dan kursus kursus yang berkenaan dengan skop kerja masing masing	OFI

24	Ibu Pejabat, JBPM Negeri Sembilan	7.1.5	Perancangan dan kawalan operasi Penambahbaikan boleh diperbaiki dengan mewujudkan senarai peralatan yang boleh diguna pakai dan yang tidak dapat digunakan dalam operasi disebabkan tidak dapat diselenggara, tidak dikalibrasi dan tidak diperbaiki kerana kekurangan peruntukan. Senarai peralatan ini harus diawasi di peringkat balai dan negeri. Senarai tersebut perlu dikemukakan ke pihak atasan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.	OFI
25	JBPM Labuan	6.1.2	Tindakan untuk menangani risiko & peluang Organisasi telah merancang tindakan untuk menangani risiko & peluang, walaubagaimanapun senarai risiko yang didaftarkan mungkin boleh diperbaiki lagi terutamanya dalam menilai keberkesanan tindakan yang diambil.	OFI
26	BBP Labuan, JBPM Labuan	8.5.1	Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan Organisasi mungkin boleh menambahbaik dalam memastikan senarai semak jentera yang disediakan dilengkapi dengan lebih baik terutamanya dalam merekodkan item yang tiada dalam senarai yang disediakan.	OFI

Secara kesimpulannya, pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tahun 2019 berada dalam kawalan dan sentiasa mematuhi keperluan-keperluan Standard yang telah digariskan oleh MS ISO 9001:2015. Pelaksanaan SPK juga seiring dengan hasrat jabatan bagi memastikan Dasar dan Objektif Kualiti JBPM akan dapat dilaksanakan demi memenuhi keperluan pelanggan. Di samping memenuhi keperluan pelanggan, adalah diharapkan juga JBPM mempunyai satu sistem kerja yang teratur dan dapat menyemai Budaya Kerja Cemerlang kepada segenap warga JBPM.



Pencapaian OPERASI UNIT PENGESAN

ANALISA PERANGKAAN OPERASI UNIT PENGESAN (K9) JBPM MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2019

Bil	Negeri	Jumlah Kes	Siasatan Kebakaran		Mencari & Menyelamat	
			Positif	Negatif	Positif	Negatif
1	PERLIS	1	1	0	0	0
2	KEDAH	14	10	2	1	1
3	PULAU PINANG	9	1	7	0	1
4	PERAK	22	10	4	1	7
5	SELANGOR	52	16	28	2	6
6	W.P.KUALA LUMPUR	18	4	11	0	3
7	NEGERI SEMBILAN	15	5	7	0	3
8	MELAKA	3	1	2	0	0
9	JOHOR	7	4	3	0	0
10	PAHANG	22	5	5	1	11
11	TERENGGANU	5	0	0	1	4
12	KELANTAN	5	1		1	3
13	SABAH	18	7	4	0	7
14	SARAWAK	19	5	2	0	12
15	W.P.LABUAN	0	0	0	0	0
16	W.P.PUTRAJAYA	0	0	0	0	0
JUMLAH		210	70	75	7	58
			145		65	

****NOTA:-**

*NEGATIF = Mengesahkan tiada bahan bakar wujud di kawasan kebakaran / Mengesahkan tiada mangsa.

*POSITIF = Berjaya mengesan bahan bakar di kawasan kebakaran / Berjaya mengesan mangsa hidup atau mati (mayat).

1. ANALISA

- 1.1 Pada tahun 2019 unit ini telah menghadiri sebanyak 210 kes operasi yang melibatkan bantuan khidmat penyiasatan kebakaran serta operasi mencari dan menyelamat di seluruh Malaysia.
- 1.2 Bantuan khidmat penyiasatan kebakaran telah mencatatkan jumlah panggilan yang paling tinggi iaitu sebanyak 145 panggilan berbanding dengan operasi mencari dan menyelamat sebanyak 65 panggilan.
- 1.3 Daripada 145 panggilan khidmat bantuan penyiasatan kebakaran yang dihadiri oleh unit ini telah berjaya membantu Pasukan Penyiasatan Kebakaran (FIO) dalam menyelesaikan sebanyak 70 panggilan iaitu berjaya mengesan (menemui) bahan bukti manakala mengesahkan tidak ada bahan bakar dalam 75 panggilan.
- 1.4 Manakala sejumlah 65 panggilan bantuan operasi mencari dan menyelamat yang dihadiri oleh unit ini, 7 operasi telah berjaya mengesan (menemui) mangsa dan 58 operasi mengesahkan tiada penemuan mangsa.

- 1.5 Secara purata panggilan yang diterima atau dihadiri pada tahun 2019 ialah sebanyak 210 panggilan iaitu peningkatan sebanyak 27 panggilan berbanding tahun 2018 hanya 183 panggilan. Ini disebabkan oleh faktor seperti berikut:
- 1.5.1 Kebanyakan panggilan yang dihadiri adalah merupakan bantuan siasatan kebakaran.
 - 1.5.2 Pengoperasian Cawangan Unit K9 di Zon Borneo juga menyumbang statistik panggilan penyiasatan kebakaran dan penyelamatan pada tahun ini.
 - 1.5.3 Manakala bantuan operasi mencari dan menyelamatkan menunjukkan peningkatan kerana keberkesanan unit ini dalam menyelesaikan sesuatu operasi penyelamatan dalam masa yang singkat sekali gus mempercepatkan operasi serta menjimatkan tenaga penyelamat.
- 1.6 Setiap kes yang dihadiri oleh unit ini telah mencapai objektif jabatan dalam memberikan khidmat bantuan penyiasatan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamatkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Unit Pengesan (K9) JBPM telah mencapai objektif jabatan dalam memberikan khidmat bantuan penyiasatan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamatkan. Pada tahun ini juga terdapat peningkatan panggilan untuk perkhidmatan penyiasatan kebakaran dan mencari menyelamatkan kerana pengoperasian cawangan di Zon Borneo iaitu di JBPM Sabah dan Sarawak. Daripada 145 panggilan penyiasatan tersebut, unit ini berjaya mengesan punca kebakaran sebanyak 52%.

Manakala bagi kes operasi mencari dan menyelamatkan terdapat peningkatan sebanyak 28% berbanding tahun yang lepas. Peningkatan ini berlaku kerana keberkesanan unit ini dalam mengesan mangsa dalam sesuatu misi mencari dan menyelamatkan. Pada tahun ini sahaja disiplin anjing pengesan SAR *Wilderness*, SAR *Cadaver* dan UDSAR telah menyumbang beberapa kejayaan. Antaranya ialah kes tetak, bakar dan bunuh warga Indonesia dalam kapal mewah yang mana anjing pengesan Disiplin SAR *Cadaver* berjaya mengesan mayat yang telah terbakar hampir 90 peratus. Ini termasuk membantu pasukan penyelamat dalam operasi yang berprofil tinggi iaitu mencari dan menyelamatkan mangsa hilang (Acap) di Bukit Batu Putih, Ulu Geruntong, Gopeng, Perak dan kehilangan Warga Ireland (Nora Anne Quoirin) di Resort De Dusun, Jalan Pantai Hill, Seremban, Negeri Sembilan.

OPERASI UNIT PENGESAN (K9) JBPM

Operasi SAR Cadaver

Jenis Operasi	: Mencari mayat mangsa terbakar dalam kebakaran kapal mewah yang dipercayai dibunuh.
No Bil. Ops	: 19/2019
Alamat	: Bukit Malut Pulau Langkawi Kedah.
Tarikh Kejadian	: 05 Jun 2019
Masa Kejadian	: 03:04
Hasil Pengesanan	: Mangsa berjaya dikesan dalam serpihan kapal yang terbakar.



Operasi SAR Cadaver

Jenis Operasi : Operasi SAR Cadaver mencari mangsa lemas
 No Bil. Ops : 39/2019
 Alamat : Kg. Seberang Tuan Chik, Kuala Terengganu
 Tarikh Kejadian : 29 Oktober 2019
 Masa Kejadian : 1445
 Hasil Pengesanan : Mangsa berjaya dikesan atas bantuan anjing pengesan.



OPERASI FI

Jenis Operasi : Kebakaran rumah
 No Bil. Ops : 76/2019
 Alamat : Lot 4788, Kampong Dusun Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu Kelantan
 Tarikh Kejadian : 05 Ogos 2019
 Masa Kejadian : 21:05
 Hasil Pengesanan : Positif



OPERASI FI

Jenis Operasi : Kebakaran rumah
 No Bil. Ops : 35/2019
 Alamat : No. 30 Jalan Kristal 2, 7/68b Seksyen 7, Shah Alam, Selangor
 Tarikh Kejadian : 19 April 2019
 Masa Kejadian : 13:48
 Hasil Pengesanan : Positif

OPERASI FI

Jenis Operasi : Kebakaran kilang kayu
 No Bil. Ops : 03/2019
 Alamat : Upper Lanang Industrial District, Jalan The Kung SUK 4 Sibu Sarawak.
 Tarikh Kejadian : 11 Oktober 2019
 Masa Kejadian : 03:42
 Hasil Pengesanan : Positif



Operasi UDSAR Disaster

Jenis Operasi : Mencari Mangsa Tertimbus
 No Bil. Ops : 17/2019
 Alamat : Stesen Lrt Putra Gombak, Jalan Taman Melawati, Gombak Kuala Lumpur.
 Tarikh Kejadian : 23 MEI 2019
 Masa Kejadian : 01:13
 Hasil Pengesanan : Mangsa Berjaya Dikesan Atas Bantuan Anjing Pengesan.



OPERASI SAR WILDERNESS

Jenis Operasi	: Mangsa Sesat
No Bil. Ops	: 25/2019
Alamat	: Resort The Dusun, Pantai Hill Jalan Pantai Jelebu, Pantai Seremban Negeri Sembilan.
Tarikh Kejadian	: 04 Ogos 2019
Masa Kejadian	: 15:13
Hasil Pengesanan	: Mangsa meninggal dunia dan ditemui oleh pendaki.

OPERASI SAR WILDERNESS

Jenis Operasi	: Mangsa Sesat
No Bil. Ops	: 09/2019
Alamat	: Ulu Geruntong, Gopeng Perak
Tarikh Kejadian	: 24 Mac 2019
Masa Kejadian	: 09:03
Hasil Pengesanan	: Mangsa Tidak Dijumpai.



LATIHAN DAN KURSUS

Tajuk	: Bengkel Penyelarasan Makanan dan Ubatan Anjing Pengesanan dengan Kerjasama Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM).
Tempat	: Unit Pengesanan (K9) JBPM
Tarikh	: 29 Julai 2019
Masa	: 0900 – 1700
Jumlah Pegawai Terlibat	: 25 Orang
Tujuan	: Bertukar pendapat dengan pakar perubatan veterinar mengenai diet pemakanan yang seimbang dan ubat serta suplementari yang sesuai untuk anjing-anjing pengesanan bagi penyelarasan spesifikasi perolehan makanan dan ubatan anjing pengesanan pada masa akan datang.



Tajuk	: Kursus Forensik Kebakaran Pegawai Kanan Bahagian Siasatan Kebakaran JBPM
Tempat	: Unit Pengesan (K9) JBPM
Tarikh	: 19 September 2019
Masa	: 0900 – 1700
Jumlah Pegawai Terlibat	: 30 Orang
Tujuan	: Untuk memberi pendedahan secara saintifik penggunaan anjing pengesan dalam siasatan kebakaran yang melibatkan struktur dan kenderaan serta penguraian sifat bahan bakar kepada 30 orang pegawai kanan yang bertugas dalam Bahagian Penyiasatan Kebakaran di seluruh Malaysia. Kursus ini telah dianjurkan oleh Bahagian Siasatan Kebakaran, Ibu Pejabat JBPM.



Tajuk	: Latihan Pengukuhan Pemegang dan Anjing Pengesan Cawangan Zon Borneo JBPM Sabah
Tempat	: Unit Pengesan (K9) JBPM Negeri Sabah
Tarikh	: 05 Ogos 2019 - 09 Ogos 2019
Jumlah Pegawai Terlibat	: 8 Orang
Tujuan	: Menilai dan melatih pemegang dan anjing supaya sentiasa berada ditahap yang optima untuk ditugaskan.

Tajuk	: Latihan Pengukuhan Pemegang dan Anjing Pengesan SAR Cadaver di Air.
Tempat	: Tasik Prima Puchong
Tarikh	: 10 Jun 2019 - 14 Jun 2019
Masa	: 0900 – 1700
Jumlah Pegawai Terlibat	: 14 Orang
Tujuan	: Menilai dan melatih pemegang dan anjing pengesan supaya berada dalam tahap yang optima untuk ditugaskan mengesan mangsa (mayat) yang lemas di air.



- Tajuk : Latihan Pengukuhan Pemegang dan Anjing Pengesan *Fire Investigation*.
- Tempat : Unit Pengesan (K9) JBPM
- Tarikh : 08 April 2019-12 April 2019
- Masa : 0900 – 1700
- Jumlah Pegawai Terlibat : 16 Orang
- Tujuan : Menilai dan melatih pemegang dan anjing pengesan supaya berada dalam tahap yang optima untuk ditugaskan dalam bantuan siasatan kebakaran.



- Tajuk : Latihan Pengukuhan Pemegang dan Anjing Disilpin SAR *Wilderness*
- Tempat : Unit Pengesan (K9) JBPM
- Tarikh : 13 Mei 2019 - 17 Mei 2019
- Masa : 0800 – 1700
- Jumlah Pegawai Terlibat : 16 Orang
- Tujuan : Menilai dan melatih pemegang dan anjing pengesan supaya berada dalam tahap yang optima untuk ditugaskan dalam bantuan mencari dan menyelamatkan mangsa hilang atau sesat di hutan.

- Tajuk : Latihan Pengukuhan Pemegang dan Anjing Pengesan Cawangan Zon Borneo JBPM Sarawak
- Tempat : Unit Pengesan (K9) JBPM Negeri Sabah
- Tarikh : 02 September 2019 - 06 September 2019
- Jumlah Pegawai Terlibat : 7 Orang
- Tujuan : Menilai dan melatih pemegang dan anjing supaya sentiasa berada ditahap yang optima untuk ditugaskan.

- Tajuk : Latihan Pengukuhan Pemegang dan Anjing Pengesan Disiplin UDSAR dan SAR *Cadaver*
- Tempat : Unit Pengesan (K9) JBPM dan Markas SMART
- Tarikh : 11 March 2019 - 15 March 2019
- Jumlah Pegawai Terlibat : 18 Orang
- Tujuan : Menilai dan melatih pemegang dan anjing supaya sentiasa berada ditahap yang optima untuk ditugaskan dalam sebarang bencana seperti bangunan runtuh dan tanah runtuh.



- Tajuk : Kursus *Train of Trainer* (TOT) Pemegang Disiplin SAR *Wilderness* dan SAR *Cadaver*
- Tempat : Unit Pengesan (K9) JBPM
- Tarikh : 21 September 2019 - 04 Oktober 2019
- Jumlah Pegawai Terlibat : 12 Orang
- Tujuan : Memberikan pendedahan dan mengajar peserta kursus untuk merancang, mengendalikan serta melaksanakan latihan anjing pengesan dalam disiplin masing-masing.





PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Pembangunan Modal Insan

LATIHAN DAN KURSUS


A. Merancang dan mengkoordinasi program latihan/ kursus.

Pelaksanaan Program Latihan Formal Yang Dirancang Pada tahun 2019, Bahagian Latihan

- Prestasi Siri kursus 2018 = 868/ 840
- Prestasi Kewangan 2018 = RM 13,640,228.88/ RM 15,829,053.88
- Prestasi Siri kursus 2019 = 837/ 792
- Prestasi Kewangan 2019 = RM 21,083,993.30/ RM 21,152,429.90

PERKARA	BIL. SIRI KURSUS 2019		% PENCAPAIAN
	SASARAN	PENCAPAIAN	
Kursus Wajib	9	9	100%
Kursus Umum	75	75	100%
Kursus <i>Functional</i>	616	661	107.31%
Kursus Institusi Swasta/ Pakar Luar Dalam Negara	92	92	100%
JUMLAH KESELURUHAN	792	837	105.68%

STATISTIK KURSUS 2019



Keseluruhan pencapaian bagi tahun 2019, Jabatan telah melaksanakan sebanyak 837 siri program latihan/ kursus yang meliputi Kursus Wajib, Kursus Umum, Kursus *Functional* dan Kursus Swasta/ Pakar Luar dengan perbelanjaan peruntukan kewangan sebanyak RM21,083,993.30 iaitu sebanyak 99.67% peratus.

- a) Penyertaan Kursus, Persidangan, Seminar, Latihan, Bengkel dan Lawatan Rasmi Ke Luar Negara

Bagi tahun 2019 sebanyak 26 program rasmi ke luar negara telah diluluskan dan dihadiri melibatkan seramai 90 orang pegawai Jabatan. Daripada 26 program tersebut 4 program melibatkan seramai 9 orang pegawai adalah menggunakan peruntukan program khusus luar negara sebanyak RM 690,350.65 manakala selebihnya adalah atas tajaan pihak penganjur program.

KELULUSAN PROGRAM LATIHAN/ KURSUS LUAR NEGARA TAHUN 2019 (PERUNTUKAN ONE OFF)		
Bilangan Program	Bilang Peserta	RM
4	9	690,350.65

PROGRAM LUAR NEGARA TAHUN 2019 (TAJAJAN PENGANJUR)	
Bilangan Program	Bilang Peserta
22	81

PERLAKSANAAN KURSUS DAN LATIHAN 7 HARI

Pekeliling Perkhidmatan JPA Bil.6 Tahun 2005 mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah menggariskan setiap penjawat awam perlu menghadiri/mengikuti latihan atau kursus sekurang-kurangnya tujuh hari dalam tempoh setahun, bagi melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian. Sehingga bulan Disember 2019, jumlah kakitangan di JBPM adalah seramai 13,315 orang. Laporan keseluruhan latihan pembangunan pegawai dan kakitangan JBPM adalah seperti Jadual di bawah:

Kumpulan	Bilangan Perjawatan	Bilangan Anggota yang diisi	7 < Hari	7 > Hari	Peratus (%)
JUSA	5	5	0	5	100%
Pengurusan dan Professional	483	459	0	459	100%
Sokongan I (Gred 29-40)	1,093	1,036	0	1,036	100%
Sokongan II (Gred 1-28)	12,571	11,815	0	11,815	100%
JUMLAH	14,152	13,315	0	13,315	100%

Jadual 2: Bilangan penjawatan dan pegawai yang menghadiri kursus bagi tahun 2019

B. Melaksanakan Program Tahunan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- i. Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali ke-29
- Tema : Kadet Bomba Memupuk Kebersamaan
- Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
- Penyertaan : Ibu Pejabat JBPM
ABPM Wilayah Tengah
ABPM Wilayah Utara
ABPM Wilayah Timur
JBPM Negeri-Negeri
- Tempat : Pusat Kokurikulum JPN Kelantan
Jln Jelawat - Tangok, 16310 Bachok, Kelantan
- Tarikh : 6 hingga 11 April 2019
- Jumlah Peserta : 704 orang terdiri daripada 16 kontinjen
- Aktiviti : Kawad Kaki (Campuran), Kawad Operasi Kering (lelaki/perempuan), ASPEC Challenge (lelaki/perempuan), *Cadet Challenge* (Campuran), Ikatan dan Simpulan (Campuran), *Brain & Brawn Challenge* (lelaki/perempuan), Kuiz (Campuran), *Teacher Challenge* dan Pertandingan Kebudayaan.



Berikut adalah keputusan keseluruhan bagi pertandingan:

- Johan : Kontinjen Negeri Sabah
Naib Johan : Kontinjen Negeri Johor
Ketiga : Kontinjen WP Labuan



ii. Pertandingan Kawad Kecekapan : *Fire Fighters And Rescue Exercise Challenge 2019 (FAREX 2019)*

a) *Fire Fighters And Rescue Exercise Challenge 2019 (FAREX 2019)*

Merupakan program baharu Jabatan yang pertama kalinya diperkenalkan bagi diadakan secara berselang seli dengan pertandingan Kawad Kecekapan yang biasa sebelum ini.

TUJUAN:

- Melahirkan anggota yang profesional dan kompeten dalam memberi perkhidmatan kebombaan yang berkualiti dan berprestasi tinggi.

OBJEKTIF:

- Menilai tahap kompetensi dan kecekapan pegawai dan pasukan dalam bidang operasi kebombaan yang merupakan perkhidmatan teras *core business* jabatan.
- Meningkatkan lagi semangat kerjasama dan persefahaman di kalangan anggota.
- Meningkatkan daya saing dan ketahanan diri dalam menghadapi cabaran semasa pertandingan.

b) Pelaksanaan

Pengelolaan : Bahagian Latihan, Ibu Pejabat Putrajaya
Anjuran : Akademi Bomba Dan Penyelamat Wilayah Tengah

Perasmian : YAS Dato' Hj. Soiman,
Pembukaan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)



Perasmian : YAS Dato' Mohammad Hamdan bin Haji Wahid,
Penutupan Ketua Pengarah JBPM



Penyertaan : 16 Buah Negeri
Tempat : Padang Melinium, Kuala Kubu Bharu, Selangor
Tarikh : 2hb hingga 3hb November 2019
Jumlah Peserta : 176 orang (11 peserta setiap negeri)

Aktiviti / acara : 6 Acara (4 Individu & 2 Kumpulan)

ACARA INDIVIDU	<i>Ultimate Challenge (FAREX ULTIMATE)</i>
	<i>Rescue Challenge (FAREX RESQ)</i>
	<i>Confine Space Challenge (FAREX CONFINE)</i>
	<i>Warrior Challenge (FAREX WARRIOR)</i>
ACARA BERKUMPULAN	<i>Relay Warrior Challenge (FAREX RELAY WARRIOR)</i>
	<i>Rapid Challenge (FAREX RAPID)</i>

1) Ultimate Challenge (FAREX ULTIMATE)



2) Rescue Challenge (FAREX RESQ)



3) Confine Space Challenge (FAREX CONFINE)



4) Warrior Challenge (FAREX WARRIOR)



5) **Relay Warrior Challenge (FAREX RELAY WARRIOR)**



6) **Rapid Challenge (FAREX RAPID)**



Pengisian FAREX 2019

1) **Program Komuniti**



3) **Demonstrasi dan Pameran K9**



2) **Pameran Bhg. Udara/ Pesawat**



c) Keputusan FAREX 2019

Bil	Negeri	Ultimate Challenge (Farex Ultimate)	Rescue Challenge (Farex Resq)	Confine Challenge (Farex Confine)	Warrior Challenge (Farex Warrior)	Relay Warrior Challenge (Farex Warrior)	Rapid Challenge (Farex Rapid)
1	JOHOR	7	4	3	8	6	8
2	KEDAH	13	13	14	7	12	DQ
3	KELANTAN	10	8	13	13	11	13
4	KUALA LUMPUR	1	3	1	5	4	3
5	LABUAN	8	16	16	15	10	10
6	MELAKA	5	7	4	9	14	7
7	NEGERI SEMBILAN	2	6	9	4	3	6
8	PAHANG	12	9	11	10	15	11
9	PERAK	4	1	6	2	1	12
10	PERLIS	14	11	12	DNF	13	4
11	PULAU PINANG	6	2	2	1	2	1
12	SABAH	16	12	7	12	5	14
13	SARAWAK	11	10	8	11	7	5
14	SELANGOR	3	5	5	3	8	2
15	TERENGGANU	15	15	10	6	9	9
16	W.P PUTRAJAYA	9	14	15	14	16	15

KEPUTUSAN KESELURUHAN

Keputusan	JBPM	Pingat
JOHAN	JBPM PULAU PINANG	2 Emas, 3 Perak, 1 Ke-6
NAIB JOHAN	JBPM PERAK	2 Emas, 1 Perak, 1 Ke-4, 1 Ke-6, 1 Ke-12
KETIGA	JBPM WP KUALA LUMPUR	2 Emas, 1 Gangsa, 1 Ke-4, 1 Ke-5
4	JBPM SELANGOR	
5	JBPM NEGERI SEMBILAN	
6	JBPM JOHOR	
7	JBPM MELAKA	
8	JBPM PERLIS	
9	JBPM SARAWAK	
10	JBPM SABAH	
11	JBPM TERENGGANU	
12	JBPM KEDAH	
13	JBPM LABUAN	
14	JBPM KELANTAN	
15	JBPM PAHANG	
16	JBPM PUTRAJAYA	

iii. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat (KIK) Kebangsaan Kali ke-30 Tahun 2019

Anjuran	: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Penyertaan	: JBPM Seluruh Malaysia
Tempat	: Grand Bluewave Hotel, Shah Alam, Selangor
Tarikh	: 11-15 November 2019
Jumlah Peserta	: 160 peserta
Aktiviti	: Pembentangan Projek dan Pameran
Dirasmikan oleh	: YAS Dato' Mohammad Hamdan Bin Hj. Wahid (Ketua Pengarah JBPM)
Turut dihadiri oleh	: Ketua-Ketua Pengarah JBPM Negeri
Tarikh	: 14 November 2019
Tempat	: Grand Bluewave Hotel, Shah Alam, Selangor
Keputusan KIK	:

i. Primer

Kategori	JBPM	Kumpulan	Projek
Pertama	Terengganu	Pelita	MULTIFUNCTION RESCUE TOOLS (MRT)
Kedua	WP Kuala Lumpur	Bara	WATER RESCUE EQUIPMENT (W.A.R.E.Q)
Ketiga	Kelantan	White Sand Warrior	SMART REGULATOR LPG GAS (SR-LPG GAS)
Dokumentasi Terbaik	WP Labuan	Mutiara I	BOMBA TRACK EMERGENCY (BOMBA TRACK.ER)
Persembahan Terbaik	Perak	D'Meru	FR SMART CAM
Pameran Terbaik	Pahang	Cooland	QUICK RELEASE COUPLING OF HOSE REEL (QRC HOSE REEL)
Fasilitator Terbaik	Selangor	Hyperlink	MULTI ADJUSTABLE TOWING (M.A.T) 2.0
Kumpulan Harapan	Perlis	King	EMERGENCY TRAFFIC LIGHT SYSTEM

ii. Hibrid

Kategori	JBPM	Kumpulan	Projek
Pertama	Kedah	ALOR SETAR TROOPERS (JBPM KEDAH & BHG. KEJURUTERAAN JBPM KEDAH)	NON CONTACT CURRENT TESTER
Kedua	Selangor	JBPM SELANGOR & INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS & TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)	LRL BEACON
Ketiga	Perlis	STIGMA	INDICATOR DETECTOR SENSOR SYSTEM (IDSS)
Dokumentasi Terbaik	Kelantan	AGILE (ZON 2, MACHANG & JKR MACHANG)	FLOOD RESQUE STRAINER 2.0
Persembahan Terbaik	Johor	JBPM JOHOR & SIME DARBY	FR 247 PORTABLE PUMP
Pameran Terbaik	Sabah	MARUDU B & SABAH ELECTRIC SDN	POLE CUTTER
Fasilitator Terbaik	WP Kuala Lumpur	ONE STEP (JBPM KUALA LUMPUR & HOSPITAL COLUMBIA)	SMART EVACUATION PLAN (S.E.P)
Kumpulan Harapan	Melaka	BOTEM (JBPM MELAKA & UTeM)	IOT-BASE AUTOMATED EMERGENCY ALERT SYSTEM

Gambar Acara :



C. Melaksanakan program kerjasama latihan kebombaan bersama Institusi dalam dan luar negara.

Kursus Dalam Negara (EMRS)

Program / Latihan : Kursus *First Responder Emergency Medical Rescue Services* (EMRS)
 Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 Tarikh : Siri 1 (13 – 24 Jun 2019)
 : Siri 2 (7 – 18 Julai 2019)
 : Siri 3 (27 Julai – 7 Ogos 2019)
 : Siri 4 (4 – 13 September 2019)
 : Siri 5 (6 – 17 Oktober 2019)
 : Siri 6 (27 Oktober – 7 November 2019)
 Tempat : Siri 1 (ABPM Wilayah Tengah)
 : Siri 2 (ABPM Wilayah Tengah)
 : Siri 3 (ABPM Wilayah Tengah)
 : Siri 4 (Pusat Penyelidikan Kebombaan)
 : Siri 5 (Pusat Penyelidikan Kebombaan)
 : Siri 6 (Pusat Penyelidikan Kebombaan)
 Jumlah Peserta : 240 peserta
 Gambar :



Luar Negara

- i. OPCW
 - Kursus : TIADA
 - Tempat :
 - Tarikh :
 - Jumlah Peserta :

- ii. MTCP
 - Kursus : TIADA
 - Tempat :
 - Tarikh :
 - Jumlah Peserta :

a) Kursus, Persidangan, Seminar, Latihan, Bengkel Dan Lawatan Ke Luar Negara

BIL	NEGARA	JUMLAH PEGAWAI
1	ROMANIA	2
2	HONG KONG	2
3	Singapore	51
4	NEW ZEALAND	2
5	Korea	3
6	CZECH REPUBLIC AND SLOVAK REPUBLIC	1
7	USA	1
8	United Kingdom	6
9	Jepun	1
10	AUSTRALIA	2
11	UKRAINE	3
12	VIETNAM	1
13	Indonesia	5
14	Thailand	1
15	Rusia	2
JUMLAH		83

D. Mengurus perkembangan kerjaya dan kemajuan diri.

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menggalakkan pegawai serta kakitangan JBPM untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan keupayaan dan prestasi dalam bidang kerjaya. Seramai 201 pegawai JBPM telah diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran dari tahun 2009 hingga 2019. Jadual di bawah menunjukkan bilangan pegawai dan kakitangan JBPM yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi:


TAHAP PENGAJIAN	SEDANG BELAJAR	TAMAT BELAJAR	BERHENTI BELAJAR	TANGGUH BELAJAR	JUMLAH
PhD	2	2	2	0	6
Ijazah Sarjana	16	43	1	0	60
Ijazah Sarjana Muda	162	210	0	0	372
Diploma	20	81	0	0	101
JUMLAH	201	335	3	0	539

Pegawai dan kakitangan JBPM yang melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi mengikut peringkat pengajian dari tahun 2009 hingga 2019.


PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN DAN PENGISIAN


Sehingga 31 Disember 2019, kekuatan anggota Jabatan berjumlah 14,910 perjawatan dengan pecahan 14,163 jawatan skim perkhidmatan bomba dan 747 jawatan skim perkhidmatan gunasama. Bagi skim perkhidmatan bomba, terdapat 913 kekosongan pelbagai gred jawatan. Perincian kekosongan mengikut gred seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah:




Rajah 1: Statistik Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Kumpulan Pengurusan & Profesional JBPM sehingga 31 Disember 2019



Rajah 2: Statistik Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Kumpulan Pelaksana JBPM sehingga 31 Disember 2019



Rajah 1: Statistik Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan Kumpulan Pengurusan & Profesional JBPM sehingga 31 Disember 2019



Rajah 3: Jawatan Pegawai Bomba Gred KB19


Secara keseluruhannya, peratus pengisian perjawatan adalah 93%. Angka ini akan meningkat ke 97% apabila pengambilan bagi calon Pegawai Bomba Gred KB 19 pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, Jabatan akan terus menggiatkan usaha untuk memastikan pengisian sepenuhnya dalam meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan Jabatan dan agihan sumber manusia yang saksama.

PENGAMBILAN PEGAWAI

Pada tahun 2019, Bahagian Pengurusan JBPM dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah berjaya melaksanakan urusan pengambilan bagi jawatan Pegawai Bomba Gred KB19. Seramai 1019 orang calon yang telah melepasi Ujian Fizikal dan Temuduga pada tahun 2018. Seramai 1019 orang calon telah hadir melaporkan diri bagi mengikuti Kursus Sijil Sains Kebombaan (KSSK) di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. Daripada 1019 orang calon hanya 899 orang calon yang telah berjaya menghabiskan KSSK, manakala seramai 120 telah menarik diri atas sebab kesihatan dan telah mendapat tawaran jawatan lain.



Rajah 4: Urusan Lapor Diri Pegawai Bomba Gred KB19



Rajah 6: Statistik Pengambilan Jawatan Gred Lantikan Mengikut Tahun JBPM

URUSAN PERTUKARAN

Urusan permohonan pertukaran pegawai bagi Kumpulan Pelaksana adalah menggunakan sistem e-pertukaran iaitu yang dibangunkan secara dalaman oleh JBPM. Tahun 2019, Jawatankuasa Kerja Penempatan dan Pertukaran (JKKPP) Jabatan telah mengadakan empat (4) siri mesyuarat. Mesyuarat akan mencadangkan penempatan bagi pegawai-pegawai yang diluluskan pemangku ke gred kenaikan pangkat. Pada masa akan datang, mesyuarat akan turut mempertimbangkan permohonan pertukaran antara negeri ataupun dalaman. Pertimbangan pertukaran mengambil kira alasan permohonan pertukaran yang kritikal seperti masalah kesihatan pegawai sendiri, masalah kesihatan pasangan atau anak, kepentingan perkhidmatan dan juga kebajikan pegawai.

KENAIKAN PANGKAT

Sepanjang tahun 2019, urusan kenaikan pangkat telah dijalankan melibatkan semua lapisan gred pegawai (gunasama dan bukan gunasama) daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Professional yang melibatkan gred KB44 hingga gred Utama, sebanyak dua (2) urusan pemangku dan tujuh (7) urusan pengesahan kenaikan pangkat telah dilaksanakan dengan jumlah seramai 54 orang pegawai terlibat dalam pelaksanaan urusan tersebut.

Bil	Jawatan / Gred	Pemangku		Kenaikan Pangkat	
		Bil. Urusan	Bil. Pegawai yang diperaku	Bil. Urusan	Bil. Pegawai yang diperaku
1	Penguasa Bomba Gred Utama B	-	-	2	2
2	Penguasa Bomba Gred Utama C	-	-	2	2
3	Penguasa Bomba Gred KB54	1	4	1	1
4	Penguasa Bomba Gred KB52	-	-	1	2
5	Penguasa Bomba Gred KB48	-	-	1	7
6	Penguasa Bomba Gred KB44	1	36	-	-

Jadual 1 : Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Manakala bagi Kumpulan Pelaksana, sebanyak tiga (3) urusan pemangkuan dan dua (2) urusan kenaikan pangkat telah dilaksanakan melibatkan seramai 148 orang pegawai.

Bil	Jawatan / Gred	Pemangku		Kenaikan Pangkat	
		Bil. Urusan	Bil. Pegawai yang diperaku	Bil. Urusan	Bil. Pegawai yang diperaku
1	Penolong Penguasa Bomba Gred KB40	1	7	-	-
2	Penolong Penguasa Bomba Gred KB38	-	-	1	3
3	Penolong Penguasa Bomba Gred KB32	1	35	-	-
4	Pegawai Bomba Gred KB28	1	6	-	-
5	Pegawai Bomba Gred KB26	-	-	-	-
6	Pegawai Bomba Gred KB24	-	-	-	-
7	Pegawai Bomba Gred KB22	-	-	1	97

Jadual 2 : Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana

Selain itu, Unit Naik Pangkat dan Prestasi juga turut melaksanakan urusan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Base* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi skim perkhidmatan Pegawai Bomba Gred KB19 ke Gred KB22. Seramai 3,422 orang pegawai telah diperakukan kenaikan pangkat ke Gred KB22 (TBK1) di JBPM seluruh negara.

Semua urusan kenaikan pangkat ini dibuat berasaskan merit dengan mengambil kira prestasi, kelayakan akademik, pengalaman kerja, pengetahuan, peribadi, kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada Jabatan. Semua urusan ini dibuat bagi mengisi kekosongan jawatan kecuali urusan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Base* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK).

PRESTASI

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan pengiktirafan yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi menginstitusikan kecemerlangan dan memartabatkan perkhidmatan awam ke tahap tertinggi di negara ini amnya dan Jabatan khususnya. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan demi kepuasan pelanggan serta menjadi pendorong kepada sesebuah organisasi untuk sentiasa kekal dinamik dalam menghadapi arus perubahan. Selaras dengan usaha itu, Jabatan telah menganugerahkan 149 orang pegawai bagi menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2019. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2019 telah diadakan di Dewan A, Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 14 Februari 2019.

PERKHIDMATAN DAN SARAAAN

Perkhidmatan seseorang pegawai adalah penting dan perlu dijaga dengan teratur serta kemas. Berlandaskan kepada objektif Unit Perkhidmatan iaitu sistem penyampaian perkhidmatan sokongan berprinsipkan kompetensi, integriti dan akauntabiliti dalam mentadbir aktiviti-aktiviti kewangan, pentadbiran, sumber manusia dan teknologi maklumat yang cekap dan berkesan.

Urusan perkhidmatan dan saraan pada tahun 2019 masih mengekalkan pendekatan yang sama seperti tahun-tahun sebelum ini yang mana pendekatan turun padang telah dilaksanakan bagi maksud menyantuni kesemua warga JBPM berkaitan urusan perkhidmatan. Ini termasuk pengeluaran garis-garis panduan berkaitan hal-hal perkhidmatan dan saraan, memudahkan serta mempercepatkan proses-proses urusan perkhidmatan dan melaksanakan Hari Semakan Buku Perkhidmatan untuk semua warga JBPM.

Berikut adalah perincian urusan perkhidmatan dan saraan yang telah diproses dan diselesaikan pada tahun 2019:

Bil.	Urusan	Jumlah
1	Urusan Gaji dan Elaun	1432
2	Kelulusan Kemudahan	
	• Elaun Tanggung Kerja	44
	• Permohonan Sara Ubat	530
	• Pinjaman Perumahan	25
	• Keahlian Kelab Rekreasi	-
	• Komunikasi Mudah Alih	5
	• Elaun Pakaian Istiadat / Upacara Rasmi / <i>Black Tie</i>	65
	• Elaun Pakaian Panas	10
	• Tambang Percuma Wilayah Asal	48
	• Tambang Percuma 3 Tahun Sekali	-
	• Elaun Perpindahan Rumah	65
	• Elaun Pertukaran Luar Stesen	45
	• Permohonan Lawatan Ke Luar Negara	85
	• Subsidi Taska	1
	• Elaun Ketukangan	4
	• BITPS	5
	• BITK	3
	• Permohonan Pekerjaan Luar	-
	• Permohonan penyertaan dalam politik	-
	• Permohonan Tanah	20
3	Persaraan / Penamatan Perkhidmatan/ Peletakan Jawatan	9

BILANGAN PERMOHONAN CUTI TAHUN 2019



LATIHAN

Setiap pegawai perlu menghadiri kursus atau latihan yang telah disediakan oleh Jabatan atau mengambil inisiatif dalam memilih kursus yang sesuai untuk kompetensi diri. Latihan dan kursus yang sesuai membolehkan seseorang pegawai dapat mencapai hasrat Jabatan dan seterusnya memajukan kebolehan diri sendiri dan berkemungkinan boleh menjadi pakar rujuk bagi sesuatu bidang.

Pada tahun 2018, Unit HRMIS & Latihan Sumber Manusia telah melaksanakan sebanyak 71 kursus umum dan 3 siri kursus wajib dengan jayanya.

Bagi tahun 2019, 75 kursus dan 5 siri kursus wajib iaitu Program Transformasi Minda (Minda) telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Kementerian. Kursus PTM bagi tahun 2019 telah dilaksanakan sebanyak 3 siri iaitu pada 19-23/6/2019 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur Wakaf Tapai Terengganu. Manakala pada 26-30/6/2019 telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Sarawak yang melibatkan sekurang-kurangnya 700 rekrut KB19.

Untuk tahun 2019, Kursus Pra Persaraan telah dilaksanakan bagi memberi pendedahan awal kepada pegawai yang bakal bersara dalam menghadapi situasi dan cabaran dari aspek kewangan dan kesihatan. Kursus ini telah dilaksanakan pada 17 hingga 19 April 2019 di MARDI Cameron Highland yang dihadiri seramai 40 orang peserta. Berbeza dengan tahun 2018, untuk tahun 2019 kursus *English Language Proficiency Assessment (ELPA)* telah dilaksanakan bagi pegawai bomba gred KB41 dan KB44 yang akan naik pangkat untuk ke gred KB44 dan KB48. Dengan kerjasama INTAN, kursus telah dilaksanakan selama 3 hari iaitu pada 21/8/2019 dan 27-28/8/2019. Kursus ini merangkumi pemahaman, penulisan dan percakapan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium perantaraan.

Berbeza dengan tahun 2018, kursus pengukuhan berpasukan dilaksanakan sebanyak 2 siri. Untuk tahun 2019, kursus pengukuhan berpasukan bagi pegawai gunasama telah dilaksanakan sebanyak 3 siri. 2 siri dilaksanakan untuk pegawai gunasama yang baharu dan 1 siri dilaksanakan untuk pegawai di Bahagian Pengurusan untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama di dalam satu Cawangan.



KURSUS PRA PERSARAAN 17 HINGGA 19 APRIL 2019
INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN
MALAYSIA MARDI CAMERON HIGHLAND PAHANG



PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) SIRI 1 2019
PADA 19 HINGGA 23 JUN 2019
AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
WILAYAH TIMUR

Semua kursus pengukuhan berpasukan telah dilaksanakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah Kuala Kubu Bharu yang disusuli dengan program Hiking dan Water Rafting bagi Cawangan Pengurusan yang dihadiri seramai 40 peserta pada 4 hingga 6 Oktober 2019 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah Kuala Kubu Bharu Selangor.

Unit pengurusan psikologi juga telah memainkan peranan dengan melaksanakan Program Pemantapan Kendiri "Give 100%" sebanyak 2 siri diadakan di Kem El-Azzhar Jalan Morib Banting Selangor yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman kepada pegawai tentang kepentingan perkhidmatan dan kerja yang lebih cemerlang demi kejayaan individu dan organisasi. Kursus ini telah dilaksanakan di Kem Azzhar Morib Banting, Selangor.



KURSUS ELPA 1.0 PADA 21 OGOS 2019
BERTEMPAT DI INTAN KAMPUS JLN ELMU



PROGRAM PEMANTAPAN
KENDIRI GIVE 100% JBPM
PADA 22 HINGGA 24
OKTOBER 2019
DI KEM EL-AZZHAR
JALAN MORIB BANTING
SELANGOR



KURSUS PENGUKUHAN BERPASUKAN SIRI 2
PADA 4 HINGGA 6 OKTOBER 2019
DI AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH TENGAH KUALA KUBU BHARU

HRMIS

Bagi tahun 2018, pelaksanaan HRMIS telah mencapai 100% yang merangkumi 6 elemen di dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) dan dinilai sebagai *Key Performance Index* (KPI) Ketua Setiausaha KPKT.

Sehingga Disember tahun 2019, 5 elemen telah dinilai iaitu Pengemaskinan Data Perjawatan, pemurniaan Data bagi 21 elemen di Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan, Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan dan Pelaksanaan Pengisytiharan Harta dan juga telah mencapai 100%.

Tindakan proaktif semua anggota dalam mengemaskini maklumat dan data di dalam sistem HRMIS menyumbang kepada pencapaian ini perlu dipuji dan dikekalkan untuk masa akan datang.



BENGKEL HRMIS BAGI PENTADBIR SISTEM HRMIS DI NEGERI DAN
AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA PADA 1 DAN 2 OKTOBER 2019
DI MAKMAL ICT IBU PEJABAT JBPM PUTRAJAYA



PENGIKTIRAFAN & PENGANUGERAHAN



Pengiktirafan dan Penganugerahan

i. Peringkat Antarabangsa

BIL	KATEGORI	KUMPULAN	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH
1	Singapore Civil Defence Force (SCDF) Ready Week 2019	Sarawak	Tempat Ketiga
2	International Elite Rescuers Exchange (IERE) Singapore-Global Fire Fighters & Pharamedic Challenge 2019	Pahang	Tempat Ketiga
3	Indonesia APNEA Freediving Competition 2019	Negeri Sembilan	Yashry bin Kili – Best New Comer Champion

ii. Peringkat Kebangsaan

BIL	KATEGORI	KUMPULAN	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH
1	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPKT Tahun 2019 - Cooltech	Sarawak	Johan
2	Konvensyen Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Sarawak Tahun 2019 - Diamond		3 Bintang
3	Penarafan Bintang Bahagian Keselamatan Kebakaran Cemerlang	Pahang	5 Bintang
4	Penarafan Bintang Bahagian Kejuruteraan Cemerlang		5 Bintang
5	Penarafan Bintang Bahagian Pengurusan Cemerlang		4 Bintang
6	Penarafan Bintang Bahagian Pengurusan Cemerlang		4 Bintang
7	Anugerah Inovasi Menteri, Program Inovasi Peringkat KPKT		
8	Pertandingan Inovasi Sempena Sambutan Hari Inovasi JBPM 2019		Naib Johan
9	Kategori Primer Pameran Terbaik Sempena Sambutan Hari Inovasi JBPM 2019		Johan
10	Penjurian Akhir Pertandingan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan 2019		5 Terbaik dalam Penjurian Akhir
11	Inovasi Runway II	Selangor	Naib Johan Anugerah Inovasi Menteri – KPKT
12	Inovasi Runway II		Johan Pertandingan Inovasi JBPM
13	Bahagian Cemerlang Sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Kebangsaan 2019 - Bahagian Keselamatan Kebakaran, Kejuruteraan dan Operasi	Negeri Sembilan	5 Bintang
14	Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Do-It-Yourself (DIY)		Cemerlang
15	Anugerah Inovasi Menteri (AIM) Kategori Primer – Marble BBP Langkawi	Kedah	Tempat Ketiga
16	Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kategori Hybrid		Johan
17	Balai Cemerlang – BBP Kuala Terengganu	Terengganu	5 Bintang
18	Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Kategori Primer)		Johan
19	SUKBOM 2019 – Pasukan Takraw		Johan
20	SUKBOM 2019 – Pasukan Futsal		Johan

i. Peringkat Negeri

BIL	KATEGORI	KUMPULAN	PENGIKTIRAFAN / ANUGERAH
1	Laporan Naziran Gaji 2019	Pahang	Anugerah Cemerlang JANM Pahang
2	Pertandingan KIK Peringkat JBPM Negeri Pahang		Johan
3	Pertandingan Keceriaan Bulan Kemerdekaan Peringkat Negeri Pahang kategori Bangunan Kerajaan		Johan
4	Pesta Bola Sawah, Negeri Sembilan	Negeri Sembilan	Johan
5	Pertandingan Futsal Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan 2019		Johan
6	Trail Hunt Eco-Rimba Ulu Bendul Negeri Sembilan		Ketiga
7	Sukan MAKSAK Terengganu – Pasukan Sepak Takraw	Terengganu	Johan



Anugerah Inovasi Menteri - KPKT



Kategori Primer Pameran Terbaik
Sempena Sambutan Hari Inovasi JBPM 2019




Tempat Ketiga International Elite Rescuers Exchange (IERE)
Singapore Global Fire Fighters & Pharamedic Challenge
2019



Tempat Ketiga Singapore Civil Defence Force (SCDF) Ready Week 2019



PROGRAM & AKTIVITI BAHAGIAN-BAHAGIAN



Program dan Aktiviti Bahagian OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT

CAWANGAN PENGURUSAN PASUKAN PENYELAMAT

1. KURSUS ASAS PENTAULIAHAN PASUKAN KHAS HAZMAT

Kursus asas *Hazardous Material* (HAZMAT) ini diadakan bagi memberi latihan, pengetahuan dan maklumat kepada anggota yang akan menganggotai pasukan Hazmat jabatan mengenai kemungkinan wujudnya kemerbahayaan bahan-bahan berbahaya (*Hazardous Materials*) di dalam menangani insiden-insiden kecemasan serta tindakan-tindakan awal yang harus dilakukan dengan selamat bagi melindungi diri, orang lain, harta benda dan alam sekitar.

Kursus Asas Pentaualiahan Pasukan Khas HAZMAT siri 1 telah diadakan pada 13 Oktober 2019 hingga 1 November 2019 di Balai Bomba dan Penyelamat Tangga Batu, Melaka. Seramai 40 orang terlibat dalam kursus ini dan berjaya menyelesaikan semua modul yang ditetapkan.

Majlis penutupan kursus telah diadakan pada Jumaat 1 November 2019 dan dirasmikan oleh YAS Dato' Mohamad Hamdan bin Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

YAS Dato' Ketua Pengarah berharap perlantikan pegawai HAZMAT yang baru ini akan dapat membantu pasukan HAZMAT yang sediaada untuk lebih cemerlang dalam memberi perkhidmatan penyelamatan ketika menangani insiden melibatkan bahan-bahan berbahaya. Untuk menjadi seorang pegawai yang lebih kompetan, pegawai berkenaan perlulah mencari ilmu dan kemahiran tambahan menggunakan inisiatif dan kreativiti sendiri.

2. OPS SUNGAI KIM KIM, TAMAN PASIR PUTIH, PASIR GUDANG, JOHOR

Pada 11 Mac 2019 (Isnin) jam 11:58:00 Pusat Gerakan Operasi Negeri Johor telah menerima panggilan kecemasan melalui MERS 999 berkaitan Pencemaran Bahan Kimia beralamat di Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor. Makluman awal diterima daripada pemanggil menyatakan terdapat 20 orang mangsa yang berada di dalam kelas di tingkat 3 mengalami pening-pening dan ada mangsa yang muntah.

Kejadian ini disebabkan berlakunya pencemaran Udara di sekitar kawasan Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor.

Pasukan HAZMAT negeri telah diminta untuk mengendalikan operasi ini dengan membuat pemeriksaan kepada semua mangsa dan menyahcemar serta merawat mangsa yang terlibat. Di samping itu membuat pengesanan serta pemantauan di lokasi yang dikenalpasti dan ditetapkan secara berjadual bagi memantau bacaan udara di lokasi yang berkaitan sehingga bacaan selamat. Antara tindakan yang diambil dengan membuat kerja-kerja taktikal iaitu:

- i. **Pengungsian**
Pengungsian Menyeluruh, Pengungsian sebahagian, Perlindungan di lokasi
- ii. **Nyahcemar**
Petugas, Kes-kes kritikal, Pekerja/ Kontraktor, mangsa/Medic Bay
- iii. **Pengesanan**
Lokasi kerja-kerja projek, Lokasi kejadian/ panggilan diterima
- iv. **Intervention**
Kes-kes kecemasan/ Insiden, Keselamatan (Safety)
- v. **Plotting**
Incident, Cases/ Patient, Detection

Tindakan awal yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor, dengan menghantar *Fire Rescue Tender* (FRT) Pasir Gudang dan jentera EMRS Pasir Gudang tiba di lokasi Sekolah Kebangsaan Pasir Putih mendapati benar terdapat 20 orang mangsa yang mengalami pening-pening di dalam kelas yang berada di tingkat 3. Operasi pasukan HAZMAT yang terdiri dari HAZMAT Negeri Melaka, Pahang, Selangor, Perak dan Kuala Lumpur bersama jentera HAZMAT telah dijalankan secara bersepadu dengan pecahan secara syif bersama pasukan Jabatan Alam Sekitar untuk membuat pemantauan bacaan udara dilokasi yang telah ditetapkan secara berjadual. Satu pasukan juga bersedia di PKB untuk sebarang kecemasan.

Pasukan perubatan daripada KKM dibantu oleh pasukan perubatan lain termasuk NGO melakukan saringan dan rawatan kepada mangsa yang hadir di *Medic Bay* dan mangsa yang dikesan terjejas, dihantar ke hospital.

YB Tuan Dr Sahrudin Bin Jamal Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar Dan Pertanian Negeri Johor telah mengadakan satu sidang media yang menerangkan situasi kejadian. Operasi juga telah ditutup pada 20 Mac 2019 (Rabu) jam 1200 hasil daripada penilaian yang dijalankan sebagaimana kenyataan sidang media, namun begitu, pemantauan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar diteruskan di lokasi kejadian bagi memastikan keadaan berada di dalam situasi yang terkawal.

3. OPS MAWAR DI PASIR GUDANG INSIDEN GANGGUAN KESIHATAN (SESAK NAFAS DAN MUNTAH-MUNTAH) PELAJAR SEKOLAH DI SEKITAR PASIR GUDANG, JOHOR

Pada 20 Jun 2019 (Khamis) jam 15:39:31 Pusat Gerakan Operasi (PGO) Negeri Johor telah menerima panggilan kecemasan daripada MECC (Hospital Sultanah Aminah, Johor) memohon bantuan untuk tindakan penyelamatan insiden pelajar muntah-muntah dan pengsan di Sekolah Agama Taman Mawar, Pasir Gudang Johor. EMRS daripada Pasukan Keluaran Operasi Pasir Gudang hadir ke lokasi kejadian dan menghantar 5 orang mangsa yang terdiri daripada 1 pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan dari Sekolah Agama Taman Mawar ke Hospital Sultan Ismail (HIS) Johor Bahru. Proses Decon bagi 5 pelajar ini dibuat di HIS. Pasukan Penyelamat daripada Pasukan Keluaran Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang membuat pengungsian keseluruhan di Sekolah Agama Taman Mawar serta mendirikan *Decon Station* di lokasi bagi tujuan menyahcemar pelajar-pelajar dan petugas keselamatan.

Team Detection membuat pemantaun kualiti udara di tempat kejadian dan lokasi-lokasi yang mempunyai kebarangkalian berisiko tinggi dalam lingkungan radius 1.1 km dari *Hot Zone*. Pada hari keempat 23 Jun 2019, radius pemantauan udara di perluaskan kepada 3.1KM dari *hot zone*. operasi ini berlaku selama lapan hari dan mendapat liputan luas media dan menjadi satu berita yang mempunyai liputan seluruh negara. Kejayaan pasukan HAZMAT dan semua anggota JBPM khususnya JBPM Negeri Johor amat berkesan dan kerjasama pelbagai agensi berganding bahu dalam menjayakan operasi Ops Mawar.

4. OPS PENCEMARAN ALAM SEKITAR YANG MENYEBABKAN KEMATIAN ORANG ASLI DI KUALA KOH, POS LEBIR, GUA MUSANG, KELANTAN.

Pada 10 Jun 2019 (Isnin) jam 08:30 Pusat Gerakan Operasi (PGO) Negeri Kelantan telah menerima panggilan kecemasan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kelantan permohonan bantuan untuk mengambil sampel air dan tanah di tapak Lombong Felda Aring kerana disyaki punca pencemaran air.

Seramai 14 orang asli disahkan meninggal dunia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan disyaki terdedah dengan pencemaran air. Tugasan JBPM pada kali ini adalah membantu melakukan pemeriksaan di semua kawasan yang mempunyai sumber air terbuka yang dipercayai digunakan oleh orang asli sebagai sumber makanan dan minuman harian.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menghantar pasukan HAZMAT untuk membuat ujian sampel air (*sampling*) di kawasan yang didakwa tercemar. Ujian menggunakan *gas met*, *gas tec sampling pump*, *gas tube hydrogen cyanide*, kertas PH dan *radiation servery meter*. Keputusan bacaan bahan kimia berada pada tahap normal. Pasukan HAZMAT juga melakukan ujian *sampling* tanah dan air di 3 lokasi berbeza dan keputusan bacaan bahan kimia berada pada tahap normal.

5. KURSUS PASUKAN PENYELAMATAN DI AIR (PPDA)

Perlaksanaan kursus *Public Safety Diver* (PSD) bagi pelantikan anggota baru Pasukan Penyelamat di Air (PPDA) telah dilaksanakan sebanyak 3 siri di ABPM Wilayah Utara.

- i. Siri 1 bermula pada 18 Julai 2019 hingga 6 Ogos 2019 melibatkan seramai 20 orang
- ii. Siri 2 bermula pada 19 Ogos 2019 hingga 17 September 2019 juga melibatkan seramai 20 orang
- iii. Siri 3 bermula pada 29 Oktober 2019 hingga 20 November 2019 melibatkan seramai 20 orang.

6. PEMERIKSAAN KESIHATAN PASUKAN PENYELAMAT DI AIR TAHUN 2019

- i. Siri 1 FRAM Kuala Kubu Bharu (zon semenanjung) bermula pada 15 April 2019 hingga 18 April 2019
- ii. Siri 2 Zon Borneo melibatkan keanggotaan PPDA dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Serawak dan Labuan pada 3 hingga 10 Ogos 2019.
- iii. Siri 3 FRAM Kuala Kubu Bharu melibatkan zon semenanjung bagi kali yang kedua pada 11 hingga 15 November 2019

7. KURSUS RAPID INTERVENTION MOTORCYCLE (R.I.M)

Kursus pengendalian *Rapid Intervention Motorcycle* (RIM) bagi perolehan 99 buah unit Motorsikal Kawasaki Versys 650 ABS yang akan diagihkan ke balai-balai melibatkan 99 Unit pada 18 September 2019.

- i. Kursus Pengendalian RIM Siri 1/2019 melibatkan Zon Borneo pada 4 hingga 8 November 2019 di Khidmat Memandu Kinabalu Jalan Penampang Sabah melibatkan seramai 20 orang pengendali motorsikal.
- ii. Siri 2/2019 melibatkan Zon Selatan berlangsung pada 24 hingga 29 November 2019 yang diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Nilai melibatkan seramai 20 orang.
- iii. Siri 3/2019 pula melibatkan balai di Zon Utara yang telah diadakan pada 2 hingga 6 Disember 2019 FRAM Wilayah Utara, Tronoh Perak melibatkan seramai 20 orang
- iv. Siri 4/2019 melibatkan Zon Tengah yang telah diadakan pada 16 Disember hingga 20 Disember 2019 di FRAM Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu melibatkan seramai 20 orang.
- v. Siri 5/2019 melibatkan Zon Timur pada 13 Januari hingga 17 Januari 2020 FRAM Wilayah Timur, Wakaf Tapai melibatkan seramai 20 orang

8. SPECIAL TACTICAL OPERATION AND RESCUE TEAM of MALAYSIA (STORM) - SINGAPORE GLOBAL FIREFIGHTERS AND PARAMEDICS CHALLENGE

The Singapore-Global Firefighters & Paramedics Challenge (SGFPC) acara tahunan yang dianjurkan oleh Singapura yang disertai oleh pasukan penyelamat *elite* dari seluruh dunia. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menghantar pasukan elitnya iaitu *Special Tactical Operation and Rescue team of Malaysia* (STORM) untuk menyertai acara tahunan ini. Acara yang dipertandingkan adalah *Brave Heart* (kecergasan dan stamina di dalam disiplin kebombaan) dan *Rip It Off* (Penyelamatan di dalam situasi kemalangan yang kompleks). Di antara acara lain yang diadakan adalah *International Elite Rescuers' Exchange* (IERE) *Workshop* dimana di dalam program ini pasukan elit ini akan saling berkongsi atau bertukar pendapat tentang perkara berkaitan pamadaman dan penyelamatan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Diantara pasukan yang menyertai program ini pada tahun 2019 adalah seperti;

1. Brunei Fire and Rescue Department
2. Bureau of Fire Protection, Philippines

3. Department of Disaster Prevention and Mitigation, Thailand
4. Department of Fire and Emergency Services, Western Australia
5. Disaster Risk Reduction Management Office (DRRMO), Pasig City
6. Fire Services and Civil Defence Directorate, Bangladesh
7. Hong Kong Fire Services Department
8. Jakarta Fire and Rescue Department
9. Macau Fire Services Bureau
10. Malaysia Civil Defence Force (MCDF)
11. Malaysia Fire and Rescue Department, Bomba
12. Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team (SMART)
13. Vietnam Fire and Rescue Police Department

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menyertai pertandingan ini pada setiap tahun dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga sentiasa digeruni di dalam pertandingan ini, pencapaian terbaik Jabatan Bomba pernah kecap ialah:

- Pada Tahun 2016 - Johan bagi acara *Rip It Off*
 Pada Tahun 2018 - Tempat Ketiga acara *Rip It Off*
 - Tempat Ketiga acara *Brave Heart*
 Pada Tahun 2019 - Tempat Ketiga acara *Rip It Off*
 - Tempat Keempat acara *Brave Heart*

Peserta yang akan memasuki pertandingan ini akan dipilih berdasarkan kekuatan fizikal, mental, ilmu pengetahuan dan jati diri yang tinggi. Peserta ini juga dipilih dikalangan anggota pasukan elit Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia iaitu *Special Tactical Operation and Rescue Team of Malaysia* atau biasa dengan panggilan STORM. Pasukan ini adalah pasukan yang dibina dengan keupayaan fizikal, mental, pengetahuan dan jati diri yang tinggi. Pasukan ini juga adalah pasukan yang pakar dalam bidang *Urban Search and Rescue* (USAR). Latihan tambahan berpusat diberikan kepada peserta ini berbentuk latihan fizikal yang tinggi dan teknikal menyelamat di dalam kemalangan yang kompleks selama 3 minggu.

Tahap efisiensi pihak Jabatan Bomba ini didorong oleh pelbagai faktor. Yang paling utama sekali adalah Latihan yang berterusan samada bersekala kecil dan besar dijalankan di peringkat balai hinggalah ke peringkat antarabangsa. Penambahbaikan berterusan kepada taktikal operasi penyelamatan jika terdapat ruang untuk penambahbaikan yang boleh didapati daripada *lesson learn* dalam operasi dan latihan yang telah dijalankan. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan sentiasa cuba mempertingkatkan kompetensi pegawai jabatan ini di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

9. KURSUS *EMERGENCY MEDICAL RESCUE SERVICES* (EMRS)

Perlaksanaan kursus asas ini adalah bagi perlantikan anggota baru Pasukan *Emergency Medical Rescue Services* (EMRS). Kursus ini dijalankan sebanyak 6 siri iaitu di ABPM Wilayah Tengah sebanyak 3 siri dan Pusat Penyelidikan Kebommbaan juga sebanyak 3 siri yang dihadiri seramai 226 orang peserta.

- i. Siri 1 bermula pada 13 hingga 24 Jun 2019
- ii. Siri 2 telah diadakan pada 7 hingga 18 Julai 2019
- iii. Siri 3 telah diadakan pada 27 Julai hingga 7 Ogos 2019
- iv. Siri 4 telah diadakan pada 3 hingga 13 September 2019
- v. Siri 5 telah diadakan pada 6 hingga 17 Oktober 2019
- vi. Siri 6 telah diadakan pada 27 Oktober hingga 7 November 2019

Semua pegawai ini dilatih supaya dapat mengendalikan kes kes kecemasan dengan sebaik mungkin dan dapat mempertingkatkan imej jabatan.

CAWANGAN PENGURUSAN BALAI

10. PROGRAM PEMANTAPAN KETUA-KETUA ZON DAN BALAI

Merupakan suatu program yang dirangka khusus bagi melahirkan Ketua Zon dan Ketua Balai yang cemerlang seiring dengan visi jabatan iaitu "Menjadi Sebuah Organisasi Kebommbaan dan Penyelamatan Berprestasi Tinggi". Program ini dahulunya dikenali sebagai Lab Ketua-Ketua Zon dan Balai melalui proses penambahbaikan dari semasa ke semasa agar jabatan sentiasa relevan dan berada di hadapan dalam pelaksanaan operasi pemadaman kebakaran, penyelamatan, keselamatan kebakaran dan lain-lain lagi.

- Program Pemantapan Ketua-Ketua Zon dan Balai Siri 1/2019 telah diadakan di Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu Selangor, pada 5-9 Ogos 2019. Melibatkan seramai 70 orang peserta.
- Program Pemantapan Ketua-Ketua Zon dan Balai Zon Borneo Siri 2/2019 telah diadakan di Penview Hotel, Kuching Sarawak, bermula pada 30 September – 4 Oktober 2019. Melibatkan seramai 70 orang peserta. Program ini merupakan program yang telah ditetapkan di dalam kalendar jabatan.

CAWANGAN PENGURUSAN PASUKAN BOMBA SUKARELA DAN BOMBA BANTUAN

11. KONVENSYEN PASUKAN BOMBA SUKARELA

Konvensyen ini bertujuan mewujudkan kordinasi dan antara pasukan Bomba Sukarela serta menguji kemampuan anggota Bomba Sukarela dalam acara yang dipertandingkan. Selain dari itu, ia juga dapat menguji keupayaan fizikal, mental dan tahap keupayaan ahli pasukan.

- i. Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Siri 1/2019 telah diadakan di Perkarangan Sutera Mall, Johor Bahru, pada 29 November hingga 01 Disember 2019. Melibatkan seramai 12 buah Pasukan Bomba Sukarela, seluruh negara.
- ii. Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Zon Borneo Siri 2/2019 telah diadakan di Perkarangan Ibu Pejabat, JBPM Sarawak pada 29 November hingga 01 Disember 2019. Melibatkan seramai 14 buah Pasukan Bomba Sukarela, dari Sarawak sebanyak 12 pasukan dan 2 pasukan dari Labuan.

12. KURSUS ASAS PELANTIKAN DAN PENTAULIAHAN PEGAWAI BOMBA BANTUAN (PBB)

Kursus ini merupakan kursus asas bagi melantik Pegawai Bomba Bantuan yang mengambil masa selama sepuluh (10) hari dengan Student Learning Time selama 10 jam setiap hari. Seseorang pelatih yang melengkapkan kursus pentauliahan ini dengan jayanya layak dilantik sebagai Pegawai Bomba Bantuan.

- i. **Kursus Asas Pelantikan dan Pentauliahan PBB Siri 1/2019** bertempat di JBPM Labuan, bertarikh; 02 hingga 11 Mac 2019. Melibatkan seramai 21 orang peserta.
- ii. **Kursus Asas Pelantikan dan Pentauliahan PBB Siri 2/2019** bertempat di Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam, JBPM Selangor, bertarikh 10 Jun hingga 19 Jun 2019. Melibatkan seramai 69 orang peserta.
- iii. **Kursus Asas Pelantikan dan Pentauliahan PBB Siri 3/2019** bertempat di JBPM Sabah, bertarikh 08 Julai hingga 17 Julai 2019. Melibatkan seramai 33 orang peserta.
- iv. **Kursus Asas Pelantikan dan Pentauliahan PBB Siri 4/2019** Zon Utara bertempat di JBPM Pulau Pinang, bertarikh 01 Julai hingga 10 Julai 2019. Melibatkan seramai 60 orang peserta dari 2 buah negeri iaitu Pulau Pinang dan Perlis.

- v. **Kursus Asas Pelantikan dan Pentauliah PBB Siri 5/2019** Zon Pantai Timur, bertempat di JBPM Pahang, bertarikh 30 September hingga 10 Oktober 2019. Melibatkan seramai 102 orang peserta dari 4 buah negeri iaitu dari Negeri Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perak).
- vi. **Kursus Asas Pelantikan dan Pentauliah PBB Siri 6/2019** Zon Selatan, bertempat di JBPM Johor, bertarikh 30 September hingga 10 Oktober 2019. Melibatkan seramai 127 orang peserta dari 4 buah negeri antaranya Johor, Negeri Sembilan dan Melaka.

13. KURSUS PENGURUSAN DAN PENYELARASAN SISTEM e-PBS

Kursus ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pegawai bomba, khususnya pegawai di peringkat balai yang terlibat secara langsung dengan pengurusan Bomba Sukarela. Kursus ini bertujuan memberi maklumat berkaitan tatacara pengendalian pendaftaran PBS secara dalam talian.

- i. Siri 1, bertempat di Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya
Tarikh: 11 - 12 SEPT 2019
Melibatkan seramai 30 orang dari JBPM Perak/ Selangor dan Kuala Lumpur
- ii. Siri 2, bertempat di Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya
Tarikh: 18 - 19 SEPT 2019
Melibatkan seramai 30 orang dari JBPM Negeri Kedah/ Pulau Pinang dan Perlis
- iii. Siri 3- bertempat di JBPM Terengganu
Tarikh: 23 - 25 Sept 2019
Melibatkan seramai 30 orang dari JBPM Negeri Pahang/ Terengganu dan Kelantan
- iv. Siri 4- bertempat di FRAM SABAH, anjuran JBPM Sabah
Tarikh: 09 hingga 11 Oktober 2019
Melibatkan seramai 25 orang dari JBPM Sarawak/ Sabah dan Labuan
- v. Siri 5- bertempat di Politeknik Nilai, anjuran JBPM Negeri Sembilan
Tarikh: 25 - 24 Oktober 2019
Melibatkan seramai 30 orang dari JBPM Negeri Sembilan/ Melaka dan Johor

CAWANGAN PUSAT PENGURUSAN OPERASI

14. BENGKEL KOMUNIKASI

Bertujuan bagi mewujudkan sebuah Pasukan Komunikasi JBPM sebagai langkah persediaan mengatasi sebarang masalah komunikasi radio yang timbul ketika operasi dijalankan. Bengkel ini diadakan pada 19 hingga 22 Februari bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu yang dihadiri seramai 30 peserta.

15. BENGKEL RAPID DEPLOY UNIT (RDU)

RDU merupakan sebuah kenderaan yang dilengkapi dengan peralatan komunikasi berteknologi tinggi "TETRA system" (*Terrestrial Trunk Radio*). Sistem bertaraf antarabangsa ini telah digunakan secara meluas di Eropah, Amerika Utara, Timur Tengah, Africa, Oceania, Benua Asia dan tidak ketinggalan Malaysia. Seajar dengan visi JBPM "Menjadi sebuah organisasi kebomba dan penyelamat berprestasi tinggi", kenderaan ini berupaya membantu meningkatkan pengoperasian jabatan khususnya dari aspek komunikasi.

Kenderaan ini berupaya mewujudkan litupan sementara GIRN semasa operasi dijalankan di luar kawasan litupan. Hal ini membantu dan meningkatkan keupayaan operasi dengan lebih cepat dalam menyampaikan maklumat penting ketika operasi dijalankan. 2 bengkel telah diadakan pada tahun 2019;

- i. Bengkel *Rapid Deploy Unit* Siri 1/2019, bertempat di Sungai Gabai, Selangor pada 23 Ogos 2019 melibatkan seramai 30 peserta.
- ii. Bengkel *Rapid Deploy Unit* Siri 2/2019, bertempat di Kuala Razila, Gopeng, Perak pada 21 - 23 Oktober 2019 melibatkan seramai 30 peserta.

16. BENGKEL AKREDITASI GIRN

Bengkel ini diadakan bagi mengakreditasi pegawai JBPM dalam pengoperasian terminal GIRN. Ia telah dihadiri oleh tenaga pengajar daripada syarikat Sapura Secured Sdn. Bhd. Bengkel yang bermula pada 21 April dan berakhir pada 23 April ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta daripada JBPM.

17. KURSUS MERS 999

- i. Kursus *Professional Emergency Dispatcher* (PED) Siri 1/2019, bertempat di Pusat Latihan MERS 999, Taman Desa, Kuala Lumpur bertarikh 05 hingga 09 Ogos 2019 melibatkan 15 orang pegawai PGO dari Semenanjung Malaysia.
- ii. Kursus *Professional Emergency Dispatcher* (PED) Siri 2/2019, bertempat di Pusat Latihan MERS 999, Taman Desa, Kuala Lumpur bertarikh 19 hingga 23 Ogos 2019 melibatkan 15 orang pegawai PGO dari Semenanjung Malaysia.
- iii. Kursus *Professional Emergency Dispatcher* (PED) Siri 3/2019, bertempat di Pusat Latihan MERS 999 Telekom Malaysia, Jalan Simpang Tiga, Kuching, Sarawak, bertarikh 23 hingga 27 September 2019 melibatkan 15 orang pegawai PGO dari Sabah, Sarawak dan Labuan.

- iv. Kursus *Professional Emergency Dispatcher* (PED) Siri 4/2019, bertempat di Pusat Latihan MERS 999, Taman Desa, Kuala Lumpur bertarikh 29 Oktober hingga 01 November 2019 melibatkan 15 orang pegawai PGO daripada Semenanjung Malaysia.
- v. Kursus *Supervisor* MERS 999 Siri 1/2019, bertempat di Pusat Latihan MERS 999, Taman Desa, Kuala Lumpur bertarikh 07 hingga 11 Oktober 2019 melibatkan 15 orang pegawai PGO daripada Semenanjung Malaysia.

LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN OPERASI BAGI TAHUN 2019

Program Pementapan Ketua Zon Dan Balai Siri 1/2019

Tarikh: 5-9 Ogos 2019

Tempat: **Fram Wilayah Tengah (KKB)**

Perasmian Program:

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Dato' Haji Amer bin Haji Yusof

Penglibatan:

Terdiri Dari 134 Org Penguasa Zon Dan Ketua Balai



Rajah 1 :
Suasana
sesi
ceramah



Rajah 2 : Perbincangan 2 hala mengenai isu dan permasalahan di balai



Rajah 3 : Cenderahati yang disampaikan kepada YAS TKP(O).



Rajah 4 : Ceramah motivasi yang disampaikan oleh Dr. Zawawi Ismail.

Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Peringkat Borneo 2019

Tarikh: 29 Nov – 1 Dis 2019

Tempat: **Perkarangan Ibu Pejabat Jbpm Sarawak**

Perasmian Program:

YAS Ketua Pengarah

Dato' Mohammad Hamdan Bin Hj Wahid

Penglibatan: **Terdiri Dari 14 PBS (Sarawak 12 Dan Labuan 2 PBS)**

Konvensyen Pasukan Bomba Sukarela Zon Semenanjung 2019

Tarikh: 29 Nov – 1 Dis 2019

Tempat: **Perkarangan Sutera Mall, Johor Bahru**

Perasmian Program:

YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Dato' Abdul Wahab B Mat Yasin

Penglibatan: **Terdiri Dari 12 Pbs Seluruh Negara**



Program dan Aktiviti Bahagian KESELAMATAN KEBAKARAN

KEMPEN KESELAMATAN KEBAKARAN DAN PROGRAM KESELAMATAN KEBAKARAN DI *FOOD TRUCK*

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Perniagaan trak bergerak ini telah berkembang bermula pada tahun 2000 yang mana penglibatan perniagaan ini dimulakan di Kuala Lumpur. Perniagaan mengguna trak bergerak ini meliputi perniagaan makanan, perkhidmatan dan barangan. Sehingga kini dianggarkan terdapat 15,000 buah trak bergerak telah beroperasi diseluruh Malaysia.
- 1.2 Beberapa kejadian kebakaran trak bergerak yang menjalankan perniagaan makanan telah berlaku di negara luar seperti Amerika Syarikat dan jugan di negara ini menjadikannya sesuatu yang perlu dinilai dari aspek keselamatan kebakaran kerana operasi trak bergerak kini melibatkan orang ramai sebagai pelanggannya.
- 1.3 Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 2 Tahun 2018 : Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, barangan dan perkhidmatan) di Pihak berkuasa Tempatan, para 4.41(viii) sijil pemeriksaan dan kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ke atas trak bergerak dan juga para 4.7.1(i) mensyaratkan spesifikasi kenderaan trak bergerak wajib mendapatkan kelulusan pelan teknikal kenderaan daripada JBPM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 11 November 2018.

2. TUJUAN

- 1.1 Sebagai satu penetapan garis panduan untuk sokongan lesen perniagaan *food truck*.
- 1.2 Untuk menentukan syarat-syarat dan hal-hal yang berkaitan keselamatan kebakaran *food truck* kepada penjaja / peniaga kecil.
- 1.3 Untuk menetapkan tatacara bagi memberi kelulusan kepada penjaja / peniaga kecil *food truck*.

3. TAFSIRAN

Bagi tujuan perintah tetap ini, berikut adalah beberapa tafsiran dan ringkasan

"Trak Bergerak" ertinya kenderaan yang dipandu atau ditunda yang mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan perniagaan makanan, barangan dan perkhidmatan.

"Orang yang Berkelayakan" ertinya seseorang Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis Pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan pendaftarannya.

4. PELAKSANAAN KELULUSAN *FOOD TRUCK*

- 3.1 Bagi tujuan untuk memberi kelulusan kepada binaan *food truck* ini, ianya hendaklah berdasarkan kepada pelan teknikal kenderaan *food truck*.
- 3.2 JBPM juga menetapkan bahawa untuk perakuan bagi binaan *food truck*, ianya perlu melalui proses sepertimana perakuan pelan bangunan. Tatacara pemprosesan perlu menurut Perintah Tetap Bilangan 1 Tahun 2007
- 3.3 Penilaian keselamatan kebakaran hanya melibatkan bahagian yang digunakan bagi tujuan penyediaan makanan (bahagian belakang) sahaja, manakala bahagian pemandu dan penumpang serta enjin tidak termasuk dalam penilaian dan perakuan JBPM.

5. KAEDAH TAKLIMAT

Taklimat akan dijalankan dengan beberapa kaedah seperti syarahan dan praktikal terus ke tempat contoh food truck yang memiliki spesifikasi yang ditetapkan oleh JBPM.

6. RASIONAL

JBPM mengambil ketetapan kawalan keselamatan kebakaran hanya ke atas trak bergerak yang menjalankan perniagaan makanan yang meliputi aktiviti memasak atau lebih dikenali sebagai *food truck*.

7. KUMPULAN SASARAN

7.1 Penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang menjalankan perniagaan *food truck*

7.2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daerah Kuantan

7.3 Pegawai-pegawai kanan Zon (Bhg. keselamatan kebakaran) JBPM Pahang

8. PENUTUP

Kertas kerja ini dibuat untuk memberikan pendedahan kepada penjaja/peniaga-peniaga kecil di Negeri Pahang yang menjalankan perniagaan *food truck* dalam menetapkan syarat-syarat serta hal-hal yang berkaitan dengan *food truck*.

Cadangan penubuhan Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MCAA) ini amat perlu ekoran daripada isu dan masalah yang timbul berpunca daripada bilangan kes-kes kematian yang meningkat akibat kelemahan dan kemalangan di badan-badan air. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersama Bahagian Dasar dan Inspektorat (BDI), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta pelbagai agensi di Malaysia yang terlibat dengan program atau aktiviti yang berkaitan keselamatan di air.

Tujuan MCAA Menggalakkan Kesedaran Keselamatan Air secara holistik dan komprehensif merangkumi segenap lapisan masyarakat dan tempat.



Pantai Awam Desaru, Bandar Penawar



Pantai Chenang,
Langkawi, Kedah



Pantai Teluk
Cempedak,
Kuantan, Pahang

Pada tahun 2019, sebanyak tiga (3) pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Air peringkat kebangsaan dijalankan secara serentak di tiga (3) buah negeri iaitu Pahang, Johor dan Kedah. Pelancaran di Pahang telah berlangsung di Pantai Teluk Cempedak yang dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri KPKT, Negeri Johor berlangsung di Pantai Awam Desaru, Bandar Penawar dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kesejahteraan Bandar, KPKT, manakala di Negeri Kedah telah berlangsung di Pantai Chenang, Langkawi di rasmikan oleh YB Menteri, KPKT.

Program dan Aktiviti Bahagian PENYIASATAN KEBAKARAN

Kunjungan Hormat Ke Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN)

Pada 14 Februari 2019, PKPjB Ahmad Izram bin Osman bersama-sama beberapa orang pegawai kanan di Bahagian Penyiasatan Kebakaran mengadakan kunjungan hormat ke Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN).

Beliau disambut oleh Pengarah IPFN Dr. Mohd Shah Mahmood. Disamping mengeratkan hubungan baik antara kedua-dua pihak, pertemuan ini turut membincangkan hal berkaitan kerjasama dalam bidang tugas siasatan terutamanya apabila melibatkan kes kebakaran melibatkan kematian.



Kunjungan Hormat Ke DRB Hicom University

Pada 19 Februari 2019, PKPjB Ahmad Izram bin Osman bersama beberapa pegawai kanan Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah mengadakan kunjungan hormat ke DRB Hicom University di Pekan, Pahang. Hasil kunjungan ini dan sesi perbincangan yang turut diadakan bersama, kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang berkaitan kebakaran kenderaan. Perancangan akan diadakan untuk mewujudkan *Centre Of Excellence (COE)* sebagai pusat pembelajaran, pengujian, penyelidikan dan latihan berkaitan kebakaran kenderaan. Kerjasama dalam bidang latihan berkaitan teknologi enjin, sistem pendawaian kenderaan dan simulasi juga turut akan diadakan.



Kursus dan Bengkel MS ISO 17025:2017

Seiring dengan kehendak MS ISO 17025:2017 - *General requirements for the competence of testing and calibration laboratory*, Pegawai Sains di Makmal Penyiasatan Kebakaran (MPK) perlu sentiasa mengekalkan "impartiality" dan "confidentiality" dalam menjalankan aktiviti makmal bermula dari penerimaan bahan bukti sehinggalah pengeluaran laporan dan penyerahan semula bahan bukti serta laporan kepada pegawai penyiasat. Bagi meningkatkan pemahaman dikalangan pegawai sains dalam pelaksanaan MS ISO 17025:2017 tenaga pengajar bertauliah dari pihak SIRIM telah dijemput menyampaikan ceramah dalam kursus yang diadakan di JBPM Negeri Johor pada 5 – 7 Mac 2019. Pegawai Sains MPK juga perlu sentiasa menjaga integriti bahan bukti dan analisis yang dijalankan hendaklah sentiasa mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* "Pengendalian Bahan Bukti" dan "Jaminan Kualiti Keputusan Ujian" yang mana kedua-dua SOP ini telah dikemaskini semasa Bengkel Penyelerasan SOP Makmal Penyiasatan Kebakaran yang telah diadakan di JBPM Sarawak pada 15 – 17 April 2019.



Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran Dan Pegawai Makmal

Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Bilangan 1/2019 telah diadakan pada 23 – 25 April 2019 di Ibu Pejabat JBPM Negeri Perlis dan Bilangan 2/2019 pada 4 – 6 November di Hotel Holiday Inn, Melaka. Mesyuarat diadakan bagi membincangkan pencapaian bagi tahun 2018 dan perancangan Bahagian Penyiasatan Kebakaran bagi Tahun 2019. Pelbagai perkara berkaitan isu penyiasatan kebakaran, perundangan dan pendakwaan kebommbaan dibincangkan serta langkah-langkah yang perlu diambil dalam merealisasikan peranan Penyiasatan Kebakaran. Ini penting agar apa yang dirancang dan ditetapkan di peringkat Ibu Pejabat dapat disampaikan kepada semua Penolong-Penolong Pengarah Negeri.



Bengkel Road to Professional Engineer (PE)

Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah mengadakan Bengkel *Road to Professional Engineer (PE)* pada 29 April 2019 di Bilik Mesyuarat Kekwa, Ibu Pejabat JBPM. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai kanan jabatan yang mempunyai latarbelakang pendidikan dibidang kejuruteraan. Bengkel ini diadakan bagi memberi panduan dan kaedah langkah demi langkah untuk mencapai pengiktirafan sebagai *Professional Engineer (PE)* yang telah disampaikan oleh tenaga pakar dalam bidang ini yang juga merupakan penulis buku *Professional Engineer Interview* iaitu Tuan Ir. Hj. Shamil bin Hj. Abu Hassan, Dekan Kanan Institut Latihan Korporat, DRB-HICOM University of Automotive Malaysia.



Mesyuarat Pegawai-Pegawai Pendakwaan Negeri Bersama Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran

Mesyuarat Pegawai-Pegawai Pendakwaan Negeri bersama Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran Siri 1/ 2019 telah diadakan pada 27 – 29 Mei 2019 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Seramai 39 orang ahli mesyuarat yang terlibat terdiri daripada Penolong Pengarah Negeri dan Pegawai Pendakwaan Negeri seluruh Malaysia. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YS Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran, PKPjB Ahmad Izram bin Osman dan turut hadir bersama memberikan pandangan dan nasihat undang-undang daripada Bahagian Undang-Undang Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Tuan Shafiq bin Hasim. Mesyuarat ini telah membincangkan pelbagai perkara berkaitan cabaran dan isu aktiviti Cawangan Pendakwaan dan mengenalpasti langkah-langkah penyelesaian yang sesuai bagi meningkatkan lagi kualiti dan prestasi kerja.



Bengkel Pindaan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP)

Bengkel Pindaan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) Penyiasatan Kebakaran telah diadakan sebanyak 2 siri di ABPM Wilayah Tengah. Siri pertama berlangsung pada 22 – 24 Julai 2019 dan siri kedua pada 3 – 5 September 2019 telah melibatkan 25 orang peserta bengkel dan fasilitator dikalangan pegawai penyiasat kebakaran dari Ibu Pejabat dan JBPM Negeri bagi memperhalusi 11 Garis Panduan khusus di dalam PTKP Penyiasatan Kebakaran.



Perbincangan Mewujudkan Kerjasama dengan Centre for Instructor and Advanced Skill Training (CIAST)

Pada 27 Ogos 2019, satu sesi perbincangan telah diadakan di Centre for Instructor and Advanced Skill Training (CIAST), Shah Alam Selangor bagi mewujudkan kerjasama dalam penganjuran kursus berkaitan kenderaan. Dengan kelengkapan dan kemudahan tempat latihan, peralatan bantuan mengajar, perkakasan dan tenaga pengajar yang mahir berkaitan kenderaan, pihak CIAST telah menyatakan persetujuan untuk bekerjasama dalam bidang latihan berkaitan kenderaan termasuk kenderaan hybrid dan elektrik kepada pegawai penyiasatan kebakaran.



Bengkel Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) Penyediaan Kertas Siasatan

Bengkel Pindaan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) Penyediaan Kertas Siasatan telah diadakan pada 25 – 26 September 2019 di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya. Peserta bengkel terdiri 14 orang pegawai pendakwaan negeri yang mempunyai pengalaman dalam penyediaan kertas siasatan bagi pelanggaran Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341). Bagi memudahkan sesi perbincangan sepanjang bengkel diadakan, para peserta telah dibahagikan kepada 3 kumpulan dan ditugaskan untuk membentangkan hasil perbincangan mengikut tajuk yang diberikan. Bengkel diadakan bertujuan untuk membuat pindaan dan penambahbaikan Arahan Penyediaan Kertas Siasatan yang sedia ada. Antara topik yang dibincangkan adalah punca kuasa pegawai Bomba, tatacara penyediaan kertas siasatan, tafsiran dalam PTKP Penyediaan Kertas Siasatan, pelantikan pegawai penyiasat dan pegawai pendakwa dalam penyediaan kertas siasatan. Selain itu, topik lain

yang dibincangkan dalam bengkel PTKP Penyediaan Kertas Siasatan adalah garis panduan menyediakan pertuduhan, bagaimana mendapatkan permohonan izin mendakwa dan penyediaan fail dalam membuka kertas siasatan sehingga penutupan kertas siasatan.



Taklimat dan Lawatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi Permohonan Elaun Kepakaran Forensik Kebakaran

Jabatan telah mengemukakan permohonan Elaun Kepakaran Forensik Kebakaran kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Justeru itu, satu sesi taklimat dan lawatan oleh pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diadakan pada 21 Oktober 2019 bagi mendapat gambaran yang lebih jelas berkaitan kepakaran forensik kebakaran. Mereka juga turut dibawa untuk meninjau sendiri sesi demonstrasi forensik kebakaran, Unit Pengesan K9, Makmal Penyiasatan Kebakaran (MPK) dan Makmal Fire Investigation Electrical Laboratory (FivEL) di JBPM Negeri Selangor.



Bengkel Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) Pengkompaunan Kesalahan

Bengkel Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) Pengkompaunan Kesalahan telah diadakan pada 23 hingga 24 Oktober 2019 bertempat di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya. Seramai 14 orang pegawai Cawangan Pendakwaan yang terlibat dari beberapa buah negeri yang berpengalaman dalam pelaksanaan aktiviti pengkompaunan kesalahan di peringkat negeri. Para peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan dan ditugaskan untuk membincangkan tajuk yang telah diberikan dalam membuat penambahbaikan serta pindaan bagi Arahan Pengkompaunan Kesalahan yang digunakan sebelum ini. Topik yang perbincangan dalam kumpulan adalah punca kuasa seorang pegawai dalam melaksanakan kompaun, tafsiran dalam PTKP Pengkompaunan Kesalahan, kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun, kadar bayaran kompaun dan kaedah pelaksanaan kompaun. Selain itu, topik yang dibincangkan juga adalah bagaimana pengeluaran notis kompaun dibuat, rekod kompaun yang telah dikeluarkan untuk dicatit dalam buku rekod, bagaimana bayaran kompaun dibuat, panduan merekodkan bayaran kompaun, penarikan balik dan pengurangan kompaun bayaran kompaun sehingga tindakan jabatan sekiranya kompaun tidak dibayar.



Kunjungan Hormat ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM)

Pada 29 November 2019, PKPjB Ahmad Izram bin Osman bersama Ketua Unit Makmal Penyiasatan Kebakaran dan beberapa pegawai kanan Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia (JKM) di Petaling Jaya, Selangor. Sesi ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan antara pihak JKM dengan Bahagian Penyiasatan Kebakaran, JBPM yang sedia terjalin memandangkan Ketua Pengarah JKM merupakan Ketua Perkhidmatan kepada Pegawai Sains yang bertugas di Makmal Penyiasatan Kebakaran JBPM.



Kursus Sains Forensik kepada Pelajar Universiti Sains Malaysia

Bahagian Penyiasatan Kebakaran melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai dengan Universiti Sains Malaysia telah meneruskan kerjasama dalam bidang forensik. Kepakaran pegawai dari bahagian Penyiasatan Kebakaran telah dimanfaatkan dengan menjadi tenaga pengajar dan fasilitator bagi subjek forensik kebakaran kepada universiti tersebut. Kursus Sains Forensik kepada pelajar Universiti Sains Malaysia telah diadakan pada 24 – 28 November 2019 di ABPM Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Terengganu. Sesi simulasi kebakaran juga turut diadakan kepada pelajar yang merupakan sebahagian dari silibus kursus tersebut.

Penyiasatan Kebakaran Bagi Kes Kebakaran Besar (Major Fire)

Kebakaran Pusat Hiburan New De Nest Entertainment, Ipoh

Pada 20 Februari 2019 telah berlaku kejadian kebakaran melibatkan premis pusat hiburan beralamat di New De Nest Entertainment, Bangunan Perdagangan Casuarina 1, Blok B-G-2, Jalan Raja Dr. Nazrin Shah, Ipoh Perak. Kejadian ini telah mengorbankan 6 orang mangsa yang ditemui rentung di tingkat 4. Pasukan Penyiasatan Kebakaran bagi kes kebakaran ini telah diketuai oleh PgKB I Md Gezani bin Md Ghazi bersama-sama pegawai penyiasatan kebakaran dari Ibu Pejabat dan JBPM Negeri Perak.



Kebakaran Feri Dragon Star 1, Langkawi

Pada 25 Februari 2019 telah berlaku kejadian kebakaran melibatkan sebuah feri yang sarat dengan penumpang di perairan Langkawi yang sedang dalam perjalanan dari Jeti Kuah, Langkawi menuju ke Jeti Kuala Perlis. Pasukan Penyiasatan Kebakaran bagi kes ini telah diketuai oleh PgKB I Rusmaini bin Ahya dan disertai pegawai-pegawai dari Bahagian Penyiasatan Kebakaran JBPM Negeri Kedah.

Kebakaran Loji Penapisan Minyak Rapid Pengerang, Johor

Pada 12 April 2019 telah berlaku kejadian kebakaran melibatkan loji penapisan minyak di Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Dan Petrokimia (RAPID) Pengerang, Johor. Kebakaran di Unit-2 Atmospheric Residue Desulphurisation (ARDS-2) milik PRPC Refinery and Cracker Sendirian Berhad ini telah menyebabkan berlaku kejadian letupan besar yang turut dirasai oleh sebahagian besar penduduk di kawasan Pengerang. Pasukan Penyiasatan Kebakaran bagi kes ini telah diketuai oleh PKPjB Ahmad Izram bin Osman bersama-sama pegawai penyiasatan kebakaran dari Ibu Pejabat dan JBPM Negeri Johor.



Kebakaran 2 blok rumah kedai dan 1 blok rumah teres di Pekan Sungai Lembing, Pahang

Kebakaran yang memusnahkan lebih 20 buah rumah kedai dan 12 buah rumah teres di Pekan Sungai Lembing, Pahang berlaku pada awal pagi 31 Ogos 2019 turut mengakibatkan kematian 2 orang mangsa yang ditemui rentung di lokasi kejadian. Kes ini telah disiasat oleh pasukan penyiasatan kebakaran daripada Ibu Pejabat, yang diketuai oleh PgKB I Mohd Saharul Nizam bin Abdul Rahim dan pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran dari JBPM Negeri Pahang.



Lain-lain Kes Kebakaran Besar (Major Fire) yang disiasat

- i. Kebakaran Depoh Simpanan Kereta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Taman Chan Sow Lin, Kuala Lumpur. (melibatkan lebih 500 buah kenderaan – 12 Januari 2019)
- ii. Kebakaran Kwarters KTMB di Jalan Lengkok Abdullah, Bangsar, Kuala Lumpur. (melibatkan 10 unit kwarters – 27 Januari 2019)
- iii. Kebakaran rumah kediaman di Taman Desa Vista, Selangor. (melibatkan kematian 2 orang mangsa – 28 Januari 2019)
- iv. Kebakaran rumah berhampiran Restoran Nelayan, Sungai Tapa, Bukit Malut, Langkawi, Kedah. (kes sengaja dibakar melibatkan kematian 3 orang mangsa – 27 Januari 2019)
- v. Kebakaran Kilang BRB Silicone Synthesis Sdn Bhd, Jalan Perigi Nanas 7/2, Taman Perindustrian Pulau Indah, Klang, Selangor. (melibatkan kerugian besar – 12 April 2019)
- vi. Kebakaran rumah teres tiga tingkat di Jalan PJS 6/2, Kampung Lindungan, Petaling Jaya, Selangor. (melibatkan kematian 3 orang mangsa – 14 Jun 2019)
- vii. Kebakaran rumah di No.37 & 39, Lorong Sungai Isap 98, Perkampungan Sungai Isap 2, Kuantan, Pahang. (melibatkan kematian 2 orang mangsa – 21 Julai 2019)
- viii. Kebakaran rumah di Jalan Melati 21, Taman Desa Melati, Nilai, Negeri Sembilan. (kes sengaja dibakar melibatkan kematian 2 orang mangsa – 24 Julai 2019)
- ix. Kebakaran rumah di Kampung Alah Batu, Jalan Kuala Slim, Slim River, Perak. (melibatkan kematian 3 orang mangsa – 19 Ogos 2019)
- x. Kebakaran 2 buah kilang di Jalan Industri, Kampung Baru Sungai Buloh. (melibatkan kematian 1 orang mangsa – 10 September 2019)
- xi. Kebakaran Pangsapuri King's Height, Ipoh, Perak. (melibatkan kematian 2 orang mangsa – 24 November 2019)
- xii. Kebakaran rumah di Kampung Menara Pamilaan, Tenom, Sabah. (melibatkan kematian 5 orang mangsa – 31 Disember 2019)

PENCAPAIAN BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah berjaya meningkatkan jumlah penyiasatan kes-kes kebakaran samada kebakaran struktur ataupun kebakaran kenderaan. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 10,780 kes kebakaran (kebakaran struktur dan kebakaran kenderaan) telah disiasat oleh pegawai penyiasatan kebakaran di seluruh negara berbanding pada tahun 2018 dengan pertambahan sebanyak 1,320 kes. Bahagian Penyiasatan Kebakaran juga telah berjaya mencatatkan kadar pengenalpastian punca kebakaran sebanyak 99.96% dan hanya 4 kes sahaja yang tidak dapat dipastikan punca kebakaran. Pengalaman dan ilmu pengetahuan yang luas dalam bidang penyiasatan kebakaran telah membantu dan memberi impak positif kepada Jabatan dalam usaha mengurangkan bilangan kes kebakaran yang tidak dapat dipastikan puncanya.

Penemuan siasatan secara saintifik oleh pasukan forensik kebakaran bomba telah menjadi *turning point* dalam siasatan kes kebakaran terutamanya kes-kes yang melibatkan kes bunuh yang disiasat di bawah Seksyen 302, Kanun Keseksaan (Akta 574) yang membawa hukuman mati. Laporan Penyiasatan Kebakaran yang komprehensif menjadi pelengkap kepada kertas siasatan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sebelum prosiding pendakwaan dapat dijalankan ke atas pesalah atau suspek.

Sepanjang tahun 2019, terdapat peningkatan pegawai penyiasatan kebakaran yang telah di sapina oleh mahkamah bagi memberi keterangan sebagai saksi pakar bagi kes-kes civil dan jenayah. Sebagai contoh, kes berprofil tinggi melibatkan kematian CEO Cradle Fund Sdn. Bhd. di mana proses prosiding mahkamah yang sedang berjalan, turut melibatkan pegawai-pegawai forensik kebakaran dalam memberi keterangan pakar untuk membantu pihak mahkamah. Begitu juga dengan kes kebakaran Pusat Tahfiz Ittifaqiyah yang telahpun selesai proses penghakiman di mana pesalah yang terlibat telah disabitkan kesalahan. Malahan, satu lagi prosiding yang membabitkan kes sivil juga sedang berlangsung dan sekali lagi, kepakaran forensik kebakaran diperlukan untuk membantu pihak Mahkamah bagi memastikan keputusan yang diambil adalah tepat dan adil.

Jelaslah di sini bahawa tugas dan tanggungjawab pegawai forensik kebakaran adalah sangat berat dan mencabar. Cabaran yang sedang dan bakal dihadapi ini tidak boleh sewenangnyanya diberikan kepada sebarang pegawai kerana tatkala inilah kepakaran pegawai kita akan benar-benar diuji oleh peguam-peguam yang cukup hebat dan berpengalaman tinggi.

Dalam pelaksanaan kes pendakwaan di mahkamah, sebanyak 198 kes telah pun didaftarkan di mahkamah di sepanjang tahun 2019. Dari jumlah tersebut sebanyak 140 pertuduhan telah disabitkan kesalahan dengan amaun yang dikutip sebanyak RM273,600. Dalam pelaksanaan aktiviti pengkompaunan kesalahan pula, sebanyak 1,127 notis tawaran pengkompaunan kesalahan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2019. Ini menunjukkan kredibiliti pegawai pendakwaan dalam aktiviti penghapusan kesalahan dan pendakwaan kes pelanggaran bawah Akta 341 menunjukkan peningkatan.

KESIMPULAN

Tugas dan tanggungjawab Bahagian Penyiasatan Kebakaran di jabatan ini sangatlah besar walaupun aliran perjuangannya lebih kepada "*behind the scene*". Tugas dan tanggungjawab ini tidak seharusnya dipandang sepi kerana sememangnya ianya sangat signifikan bukan sahaja terhadap jabatan malah yang lebih pentingnya adalah kepada masyarakat sejagat. Justeru, Bahagian ini turut memainkan peranan dalam mendukung aspirasi jabatan, khususnya dalam penyampaian perkhidmatan yang berkesan bagi membawa perubahan yang dinamik demi kesejahteraan rakyat.

Bahagian Penyiasatan Kebakaran sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pegawai serta mempersiapkan mereka dengan peralatan terkini, supaya pegawai penyiasat jabatan ini dapat berdiri sebaris dengan pakar-pakar forensik kebakaran di persada antarabangsa.

Sejajar dengan hasrat jabatan untuk menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi, kemahiran pegawai penyiasat ditingkatkan dengan menghantar mereka untuk menghadiri pelbagai aktiviti seperti seminar, kursus-kursus dalaman mahupun kursus di luar negara.

Selain itu, program kolaborasi atau penyelidikan yang dijalankan bersama institusi pendidikan awam dan swasta dilihat mampu untuk melahirkan ramai pakar dalam bidang forensik kebakaran di negara ini pada masa akan datang.

Usaha serta langkah proaktif dalam penyiasatan kebakaran yang melibatkan kes-kes kebakaran besar telah memberi impak positif dengan penemuan-penemuan yang boleh dijadikan pengajaran pada pihak yang terlibat.

Pemahaman masyarakat terhadap bahaya kebakaran perlu diberi perhatian terutamanya dalam aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran. Masyarakat perlu didedahkan dengan lebih jelas faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kebakaran serta langkah-langkah pencegahan supaya risiko kebakaran dapat dikurangkan.

Dari aspek perundangan, 2 peraturan perkhidmatan bomba iaitu Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan Bomba) dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perkompaunan Kesalahan) dalam proses akhir gubalan dan satu perintah perkhidmatan bomba (premis ditetapkan) juga dalam proses akhir gubalan. Bahagian penyiasatan kebakaran berhasrat lebih banyak peraturan dan perintah digubal pada tahun 2020 bagi memperkasakan Akta 341.

Dalam aspek pendakwaan pula, penguatkuasaan melalui aktiviti pengkompaunan kesalahan dan pendakwaan bagi kes pelanggaran Akta Perkhidmatan Bomba 1988 di mahkamah sentiasa berada di tahap yang baik dan memberikan komitmen yang tinggi. Kesan dan impaknya di masa hadapan adalah memberi kesedaran kepada masyarakat sejagat dalam pencegahan dan penghapusan bahaya kebakaran.

Bagi memperkemas dan memperkukuhkan lagi usaha dalam aspek pendakwaan di mahkamah beberapa perancangan akan dilaksana dalam masa terdekat dan juga kredibiliti pegawai pendakwaan sentiasa ditingkatkan. Antaranya ialah perancangan dalam menyediakan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) bagi Pengurusan Pendakwaan dan Dendaan Seratus Ringgit Selepas Sabitan Kesalahan. Manakala bagi meningkatkan ilmu pengetahuan berkenaan pendakwaan dalam kalangan pegawai mereka perlu menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan dan agensi-agensi luar yang berkaitan. Hal ini sekaligus dapat merealisasikan hasrat Jabatan iaitu *High Performance Organization* melalui pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi.



Program dan Aktiviti Bahagian PERANCANGAN & PENYELIDIKAN

1. Piagam Pelanggan:

- 1.1. Komitmen kami adalah untuk memastikan pelaksanaan perancangan dan penyelidikan berkaitan aspek kebombaan dilaksanakan secara professional.
- 1.2. Dengan itu kami berjanji:
 - 1.2.1. Mengeluarkan hasil penyelidikan dan Kajian (Empirikal dan Konsep) dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat penyelidikan dan Kajian.
 - 1.2.2. Mengeluarkan hasil analisa keberkesanan produk dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat kajian dan analisa.
 - 1.2.3. Mengeluarkan hasil spesifikasi dan rekomendasi perolehan jabatan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat kajian.

2. Fungsi

- 2.1. Kajian Operasi Pemadaman Kebakaran:
 - 2.1.1. Menganalisa data-data berkaitan dengan kebakaran
 - 2.1.2. Kajian & penyelidikan keberkesanan peralatan/ perkakasan pemadaman kebakaran
 - 2.1.3. Penyelidikan mengenai taktik-taktik operasi pemadaman kebakaran yang baru dan berkesan
 - 2.1.4. Mengkaji & membuat penyelidikan spesifikasi teknikal peralatan/ perkakasan baru pemadaman kebakaran
 - 2.1.5. Membuat ujian produk/ peralatan pemadaman kebakaran terkini
 - 2.1.6. Membuat kajian keberkesanan pemadaman kebakaran untuk risiko kebakaran khas
 - 2.1.7. Membuat kajian & penyelidikan keberkesanan pengendalian bencana yang melibatkan CBRNE (Chemical, Biology, Radiology, Nuclear & Explosion)
- 2.2. Kajian Operasi Penyelamatan:
 - 2.2.1. Menganalisa data-data berkaitan dengan penyelamatan
 - 2.2.2. Kajian & penyelidikan keberkesanan peralatan/ perkakasan penyelamatan
 - 2.2.3. Penyelidikan mengenai taktik-taktik operasi penyelamatan yang baru dan berkesan
 - 2.2.4. Mengkaji & membuat penyelidikan spesifikasi teknikal peralatan/ perkakasan baru penyelamatan
 - 2.2.5. Membuat ujian produk/ peralatan penyelamatan terkini
 - 2.2.6. Membuat kajian keberkesanan penyelamatan untuk bencanaindustri & bencana alam
- 2.3. Kajian Pemasangan Keselamatan Kebakaran:
 - 2.3.1. Membuat kajian & penyelidikan ke atas PKK bangunan
 - 2.3.2. Penyelidikan mengenai faktor kemanusiaan & persekitaran berkaitan keselamatan kebakaran bangunan
 - 2.3.3. Melaksanakan ujian keberkesanan & Perakuan PKK bangunan yang terkini / baru
 - 2.3.4. Kajian ke atas piawaian/ standard/ spesifikasi PKK bangunan
 - 2.3.5. Membuat cadangan kajian dan penyelidikan untuk digunapakai dan dipasarkan di Negara
 - 2.3.6. Membuat kajian Sains & Teknologi Keselamatan Kebakaran
 - 2.3.7. Menyelaras penyelidikan & pembangunan industri Keselamatan Kebakaran
- 2.4. Kajian *Fire Behaviour*:
 - 2.4.1. Kajian *human behaviour, fire science* & persekitaran semasa kebakaran, bencana industri & alam

- 2.4.2. Mengkaji & membuat penyelidikan *behavioural* anggota kecemasan dalam pelaksanaan operasi pemadaman
 - 2.4.3. Menjalankan kajian saintifik *fire behaviour* bahan binaan & kaitannya keselamatan kebakaran bangunan.
- 2.5. Carta organisasi Bahagian Perancangan dan Penyelidikan sebagaimana di Lampiran.

KAJIAN PENILAIAN *OUTCOME* JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) BAGI TAHUN 2019

1.0 Pendahuluan

Kajian *outcome* merupakan kajian bagi menilai keberkesanan projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh agensi yang berlandaskan Rancangan Malaysia 5 Tahun. Bagi projek-projek pembangunan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), ianya diurus sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan dan penilaian *outcome* projek tersebut akan dibuat oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan atau dikenali juga Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK).

Perlaksanaan kajian penilaian *outcome* akan dipantau oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) dan Unit Penyelaras Perlaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri melalui mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Outcome (JKPO). Laporan hasil kajian *outcome* yang telah disediakan akan dibentangkan di peringkat jabatan, KPKT dan ICU untuk dinilai.

2.0 Objektif

- 2.1. Kajian Penilaian *Outcome* ialah satu kaedah dalam mengukur pencapaian program/projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri termasuk Badan-Badan Berkanun serta Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi tahun 2019, PUSPEK telah diarahkan untuk melaksanakan 3 kajian *outcome* yang perlu dibentangkan pada bulan Ogos 2019. Penemuan hasil kajian penilaian *outcome* perlu dibentangkan dalam mesyuarat JKPO di ICU. Jawatankuasa terdiri daripada beberapa panel penilai dari pelbagai agensi seperti;
 - i. Wakil Unit Penyelaras Ekonomi (EPU)
 - ii. Wakil Jabatan Audit Negara
 - iii. Wakil Kementerian Kewangan dan
 - iv. Wakil Unit Penyelaras Perlaksanaan (ICU).
- 2.2. Keperluan perlaksanaan kajian ini adalah apabila memfokuskan kepada faedah-faedah yang bakal diperolehi iaitu:
 - i. Memenuhi keperluan dan memberi manfaat kepada rakyat;
 - ii. Memenuhi kehendak *stakeholder*;
 - iii. Memastikan projek mempunyai nilai pulangan (ROI); dan
 - iv. Meningkatkan sistem penyampaian kerajaan melalui penambahbaikan secara berterusan.

3.0 Tajuk

Pada tahun 2019, pihak urusetia JKPO Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memilih sebanyak 3 projek di bawah JBPM bagi tujuan kajian *outcome*. Tajuk projek yang telah dipilih adalah seperti berikut:-

- 3.1. Perolehan 28 Ekor Anjing Pengesan
- 3.2. Perolehan 19 Unit Aerial Ladder Platform Tender (ALPT)
- 3.3. Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Beluran, Sabah

4.0 Methodologi

Methodologi kajian yang dijalankan oleh JBPM adalah berlandaskan garis panduan yang diberikan oleh JKPO selain pemantauan berterusan yang dijalankan. Berikut adalah langkah-langkah yang telah dijalankan dalam penyediaan kajian outcome tersebut:-

- 4.1. Pengenalpastian Projek
- 4.2. Pengubalan Terma Rujukan atau *Terms of Reference* (TOR)
- 4.3. Penubuhan Jawatankuasa Kerja/Pasukan Kajian
- 4.4. Pembentukan Kerangka Keberhasilan
- 4.5. Pengumpulan Data
- 4.6. Analisis Data
- 4.7. Rumusan Penilaian
- 4.8. Penulisan Laporan
- 4.9. Penyerahan Laporan

5.0 Perolehan 28 Ekor Anjing Pengesan

Tujuan

Membuat Penilaian Outcome Bagi Perolehan 28 Ekor Anjing Pengesan Berserta Kenderaan (4WD) Kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Latar Belakang

LATAR BELAKANG	
KAJIAN PENILAIAN <i>OUTCOME</i> PEROLEHAN 28 EKOR ANJING PENGESAN BESERTA KENDERAAN (4WD) KEPADA JBPM	
KOD PROJEK	P43310000370016
KOS PROJEK	RM 3,850,000.00
TARIKH	Tarikh Mula : 19 April 2017 Tarikh Siap : 30 April 2018
KONTRAKTOR	ZATB SDN BHD
KAEDAH PEROLEHAN	TENDER TERBUKA
SKOP PROJEK	Membekalkan "Ten (10) Fully Operational Cadaver Dogs, Ten (10) Fully Operational Wilderness Dogs and Eight (8) Fully Operational Fire Investigation Dogs inclusive of Acclimatisation, bonding, training handover and accessories of dog" kepada JBPM.
KOD PROJEK	P43310000370016
KOS PROJEK	RM 745,312.50
TARIKH	Tarikh Mula : 01 April 2017 Tarikh Siap : 24 Julai 2018
KONTRAKTOR	ARTABARA TEKNIK SDN BHD
KAEDAH PEROLEHAN	TENDER TERBUKA
SKOP PROJEK	Membekalkan, menguji, mentauliahkan & menghantar tiga (3) unit kenderaan anjing kepada JBPM.

Golongan Sasar Kajian

- Pegawai penyiasatan kebakaran JBPM seluruh negeri.
- Anggota bomba yang bertugas di balai.
- Anggota bomba yang bertugas sebagai *Dog Handler* di Unit Pengesan JBPM
- Pihak Berkepentingan
- Masyarakat


LATAR BELAKANG

KAJIAN PENILAIAN *OUTCOME* PEROLEHAN 28 EKOR ANJING PENGESAN BESERTA KENDERAAN 4WD KEPADA JBPM

JUSTIFIKASI PEROLEHAN



RUMUSAN & PENUTUP



6.0 Perolehan 19 Unit Aerial Ladder Platform Tender (ALPT)



KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

2. LATAR BELAKANG PROJEK

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

KOD PROJEK
P43310000360015

KONTRAKTOR
AVP Engineering Sdn Bhd

KOS PROJEK
RM 82,935,000.00

KAEDAH PEROLEHAN
Rundingan Terus

KOS PROJEK

Tarikh Mula Asal	: 01/09/2016
Tarikh Slap Asal	: 31/08/2019
Tarikh Slap Sebenar	: 24/01/2019

SKOP PROJEK
19 Unit Aerial Ladder Platform Tender

3. TERMA RUJUKAN


METODOLOGI KAJIAN



3. TERMA RUJUKAN

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

PASUKAN KAJIAN



11

3. TERMA RUJUKAN

SKOP KAJIAN

1. Mengukur keberkesanan penggantian/penyediaan jentera di balai terpilih;
2. Mengukur tahap kepuasan pelanggan; dan
3. Mengukur tahap kepuasan kakitangan.



8

STRATEGIC FRAMEWORK

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

OBJEKTIF PROGRAM

1. Penggantian jentera operasi pemadaman dan penyelamatan di aras tinggi yang telah uzur/lupus.
2. Menyediakan sebuah jentera operasi pemadaman dan penyelamatan semasa kejadian di aras tinggi.



INPUT


1. Peruntukan Pembangunan (DE)
2. Peruntukan Mengurus (DE)
3. Sumber manusia

FAKTOR MENYOKONG OUTPUT & OUTCOME

Peruntukan kewangan untuk fasiliti dan kemudahan teknologi terkini Sumber Manusia Perambahan dan pengisian jawatan mengikut keperluan

LOGICAL FRAMEWORK MATRIX (LFM)

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM



KERANGKA KEBERHASILAN

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM


KEMENTERIAN/ AGENSI	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	
KEY RESULT AREA	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PENCEGAHAN KEBAKARAN, PENYELAMATAN DAN PEMADAMAN KEBAKARAN YANG CEKAP DAN BERKESAN	
PROGRAM/PROJEK	19 UNIT ARIEL LADDER PLATFORM	
KPI	MASA BERTINDAK (RESPONSE TIME) KEPADA 10 MINIT	
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN	
	OUTPUT	
	SASARAN	SEBENAR
1. Penggantian jentera operasi pemadaman dan penyelamatan di aras tinggi yang telah usang/lapas.	Perolehan 19 Unit Aerial Ladder Platform Tender - Perlis – 1 - Johor – 1 - Kedah – 1 - Pahang – 1 - P.Pinang – 1 - Terengganu – 1 - Perak – 1 - Kelantan – 1 - K.Lumpur – 2 - Sarawak – 2 - Selangor – 2 - Sabah – 1 - N. Sembilan – 1 - Labuan – 1 - Melaka – 1 - Putrajaya – 1	Perolehan 19 Unit Aerial Ladder Platform Tender - Perlis – 1 - Johor – 1 - Kedah – 1 - Pahang – 1 - P.Pinang – 1 - Terengganu – 1 - Perak – 1 - Kelantan – 1 - K.Lumpur – 2 - Sarawak – 2 - Selangor – 2 - Sabah – 1 - N. Sembilan – 1 - Labuan – 1 - Melaka – 1 - Putrajaya – 1
2. Menyediakan sebuah jentera operasi pemadaman dan penyelamatan semasa kejadian di aras tinggi.		

ANALISIS KAJIAN (OUTPUT)

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

OP1

Perolehan 19 Unit Aerial Ladder Platform



ANALISIS KAJIAN (OUTPUT)

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

Bil	Balai Bomba dan Penyelamat	Tarikh Penempatan
1	Kangar, Perlis	13/9/2018
2	Alor Setar, Kedah	19/8/2018
3	Jalan Perak, P. Pinang	23/5/2018
4	Ipoh, Perak	7/6/2018
5	Sri Hartamas, K. Lumpur	8/4/2019
6	Jalan Hang Tuah, K.Lumpur	25/6/2018
7	Petaling Jaya, Selangor	6/3/2019
8	Shah Alam, Selangor	7/6/2018
9	Presint 7, Putrajaya	11/3/2019
10	Seremban 2, N. Sembilan	6/3/2019

OP1

Perolehan 19 Unit Aerial Ladder Platform

Bil	Balai Bomba dan Penyelamat	Tarikh Penempatan
11	Ayer Keroh, Melaka	7/3/2019
12	Johor Bahru, Johor	7/3/2019
13	Indera Mahkota, Pahang	8/11/2018
14	K. Terengganu, Terengganu	9/8/2018
15	Kota Bharu, Kelantan	9/8/2018
16	Tabuan Jaya, Kuching, Sarawak	29/5/2019
17	Batu Lintang, Kuching, Sarawak	29/5/2019
18	Kota Kinabalu, Sabah	17/4/2019
19	Kampung Jawa, Labuan	17/4/2019

KERANGKA KEBERHASILAN

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

KEMENTERIAN/ AGENSI	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	
KEY RESULT AREA	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PENCEGAHAN KEBAKARAN, PENYELAMATAN DAN PEMADAMAN KEBAKARAN YANG CEKAP DAN BERKESAN	
PROGRAM/PROJEK	19 UNIT ARIEL LADDER PLATFORM	
KPI	MASA BERTINDAK (RESPONSE TIME) KEPADA 10 MINIT	
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN	
	OUTCOME	
	SASARAN	SEBENAR
1. Penggantian jentera operasi pemadaman dan penyelamatan di aras tinggi yang telah uzur/lupus.	1. Keberkesanan penggantian/penempatan di balai terpilih dengan pencapaian 30% penggunaan semasa operasi.	1. Keberkesanan penggantian/penempatan di balai terpilih telah mencapai 40% penggunaan semasa operasi.
2. Menyediakan sebuah jentera operasi pemadaman dan penyelamatan semasa kejadian di aras tinggi.	2. Tahap kepuasan pelanggan yang tinggi pada kadar 80%. 3. Tahap kepuasan kakitangan yang tinggi pada kadar 80%.	2. Tahap kepuasan pelanggan yang tinggi pada kadar 96%. 3. Tahap kepuasan kakitangan yang tinggi pada kadar 84.8%.

ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

DEMOGRAFI RESPONDEN DALAMAN (KAKITANGAN)



779 RESPONDEN



4.5% WANITA

95.5% LELAKI



ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

DEMOGRAFI RESPONDEN LUARAN (PELANGGAN)



22

ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

OC1

Keberkesanan penggantian/penempatan di balai terpilih dengan pencapaian 30% penggunaan semasa operasi.



23

ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM TENDER

OC1

Keberkesanan penggantian/penempatan di balai terpilih dengan pencapaian 30% penggunaan semasa operasi.



24

ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)


KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM

OC2


Tahap kepuasan pelanggan yang tinggi pada kadar 80%



Berpuashati dengan penempatan ALP di balai bomba di Bandar Utama



Masyarakat Menginap di tingkat 4 dan atas berasa selamat




ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM TENDER

OC3

Tahap kepuasan kakitangan yang tinggi pada kadar 80%



Berpuashati dengan penempatan ALP di balai bomba bagi meningkatkan kecekapan operasi kebombaan.

RUMUSAN & PENUTUP

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEROLEHAN 19 UNIT AERIAL LADDER PLATFORM TENDER

OUTPUT

OUTCOME

IMPAK

SUCCESS	
	✓ Perolehan 19 unit Aerial Ladder Platform Tender (ALPT) telah dilaksanakan sepertimana yang telah dirancang di dalam RP4 Rancangan Malaysia Ke 11.
	✓ Keberkesanan penggantian/penempatan di balai terpilih telah mencapai 40% penggunaan semasa operasi.
	✓ Tahap kepuasan pelanggan yang tinggi pada kadar 96%.
	✓ Tahap kepuasan kakitangan yang tinggi pada kadar 84.6%.
	✓ Perolehan 19 unit ALP telah meningkatkan kecekapan operasi pemadaman dan penyelamatan.
	✓ Perolehan ALP juga telah meningkatkan keyakinan berasa selamat masyarakat yang bekerja atau menghuni di aras tinggi.

7.0 Kajian Penilaian Outcome Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Beluran, Sabah





KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH.

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENGENALAN

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

2018 Tarikh DLP (Defect Liability Period) sehingga 19/09/2018	2018 Tarikh balai bomba dirasmikan 24/04/2018
2017 Balai Bomba mula beroperasi pada 28/11/2017	2017 Tarikh penamatan projek 28/11/2017
2017 Tarikh balai bomba siap dibina 16/09/2017	2015 Tarikh mula pembinaan balai 21/09/2015

Kronologi Pembinaan dan Pengoperasian



TERMA RUJUKAN

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

METODOLOGI KAJIAN


Data Primer	<ol style="list-style-type: none"> 1. Borang soal selidik 2. Temubual kepada pelanggan dan kakitangan
Data Sekunder	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan tahunan jabatan 2. Data kekerapan perkhidmatan kecemasan 3. Keratan akhbar/ majalah 4. Sistem Pelaporan Insiden

KERANGKA STRATEGIK

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

OBJEKTIF PROGRAM

- Membangunkan sebuah balai bomba
- Meningkatkan kecakapan dan keberkesanan operasi pemadaman kebakaran dan operasi penyelamatan di kawasan Beluran
- Meningkatkan aktiviti kesedaran awam tentang keselamatan kebakaran



KERANGKA KEBERHASILAN

KAJIAN PENILAIAN OUTCOME PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH

KEMENTERIAN/ AGENSI	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	
KEY RESULT AREA	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PENCEGAHAN KEBAKARAN, PENYELAMATAN DAN PEMADAMAN KEBAKARAN YANG CEKAP DAN BERKESAN	
PROGRAM/PROJEK	BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH	
KPI	MASA BERTINDAK (RESPONSE TIME) KEPADA 10 MINIT	
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN	
	OUTCOME	
	SASARAN	SEBENAR
1. Membangunkan sebuah balai bomba 2. Meningkatkan kecakapan dan keberkesanan operasi pemadaman kebakaran dan operasi penyelamatan di kawasan Beluran 3. Meningkatkan aktiviti kesedaran awam tentang keselamatan kebakaran.	1. Peningkatan perkhidmatan kebombaan. 2. Masa bertindak lebih pantas. 3. Tahapkepuasan responden awam yang tinggi. 4. Tahapkepuasan kakitanganBBP Beluran yang tinggi. 5. Peningkatan pembangunan dan ekonomi setempat	1. Operasi kebombaan di BBP Beluran meningkat dari 54 kes pada 2016 kepada 191 kes pada 2019 manakala berlaku pengurangan respon BBP Kinabatangan di kawasan Beluran dari 146 kes pada tahun 2017 kepada 94 kes pada 2018 seterusnya 100 kes pada 2019. 2. Setelah BBP Beluran beroperasi, masa bertindak (Response Time) di Pekan Beluran Berjaya dicapai bawah 10 minit. 3. Kepuasan responden awam yang tinggi iaitu 90.94%. 4. 97% kakitangan BBP Beluran berpuas hati terhadap pembinaan BBP Beluran. 5. Pembangunan dan ekonomi setempat meningkat.

ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

DEMOGRAFI RESPONDEN LUARAN (PELANGGAN)





ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

DEMOGRAFI RESPONDEN DALAMAN (KAKITANGAN)

BBP KINABATANGAN & BBP SANDAKAN




ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

OC1

Operasi kebombaan di BBP Beluran meningkat dari 54 kes pada 2018 kepada 191 kes pada 2019 manakala berlaku pengurangan respon BBP Kinabatangan di kawasan Beluran dari 146 kes pada tahun 2017 kepada 94 kes pada 2018 seterusnya 100 kes pada 2019.



ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

OC1

Perkhidmatan Kebombaan dari BBP Beluran.




ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

OC2

Masa bertindak (*response time*) lebih pantas.



- ✓ Masa bertindak purata (*response time*) bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah 1 jam 28 minit (88 minit) pada jarak purata 68.47km dari Balai Bomba dan Penyelamat Kinabatangan ke kawasan Beluran.
- ✓ Pengoperasian Balai Bomba dan Penyelamat Beluran sejak 2018 hingga 2019 telah mengurangkan tempoh masa bertindak (*response time*) kepada lingkungan purata 9 minit pada jarak purata 7.86km.

ANALISIS KAJIAN (OUTCOME)

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

OC2

Setelah BBP Beluran beroperasi, masa bertindak (Response Time) di Pekan Beluran Berjaya dicapai bawah 10 minit.

BALAI BOMBA RESPON	TAHUN	PURATA RESPONSE TIME (MIN)	KPI (MINIT) /BPM
BBP KINABATANGAN RESPON KE	2015	68.83	10
	2016	83.78	
	2017	110.25	
RESPON DARI BBP BELURAN	2018	8.73	
	2019	9.70	



RUMUSAN & PENUTUP

(PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BELURAN, SABAH)

SUCCESS

OUTPUT

- ✓ Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Beluran telah dilaksanakan sepertimana yang telah dirancang dan mula beroperasi pada 24 April 2018.

OUTCOME

- ✓ Operasi kebombaannya di BBP Beluran meningkat dari 54 kes pada 2018 kepada 191 kes pada 2019 manakala berlaku pengurangan respon BBP Kinabatangan di kawasan Beluran dari 146 kes pada tahun 2017 kepada 64 kes pada 2018 seterusnya 100 kes pada 2019.
- ✓ Setelah BBP Beluran beroperasi, masa bertindak (Response Time) di Pekan Beluran Berjaya dicapai bawah 10 minit.
- ✓ Kepuasan responden awam yang tinggi iaitu 90.94%
- ✓ 97% kakitangan BBP Beluran berpuas hati terhadap pembinaan BBP Beluran.
- ✓ Pembangunan dan ekonomi setempat meningkat.

IMPAK

- ✓ Pembinaan Balai Bomba telah merancakkan pembangunan di Beluran dan seterusnya menarik lebih ramai pelabur untuk melabur di Daerah Beluran dan sekitarnya.
- ✓ Pembinaan Balai Bomba ini juga akan meningkatkan lagi pendapatan dan peluang pekerjaan kepada penduduk di Beluran.

CAWANGAN OPERASI PENYELAMATAN BAHAGIAN PERANCANGANDAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENGURUSAN TAKLIMAT SERTA DEMONSTRASI PERALATAN DAN PRODUK KEBOMBAAN

Pendahuluan

Pengurusan taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebombaam merupakan salah satu tugas di bawah penyelarasan dan pelaksanaan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Ia dilaksanakan melalui kaedah pelaksanaan taklimat, demonstrasi, kajian ilmiah serta kajian lapangan bagi peralatan, produk dan teknologi kebombaam terkini yang diperkenalkan oleh Syarikat, Jabatan, Agensi dan Universiti.

Sebarang permohonan bagi pelaksanaan taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebombaam hendaklah dimohon melalui Pejabat Ketua Pengarah, JBPM sebelum pemohon tersebut diselaraskan di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan sekiranya diluluskan.

Elemen / Kategori Produk

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan telah menetapkan elemen / kategori bagi pelaksanaan taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebombaam adalah seperti berikut :

- Peralatan dan Sistem Operasi Kebombaam
- Peralatan dan Sistem Penyiasatan Kebakaran
- Peralatan dan Sistem Keselamatan Kebakaran
- Peralatan Komunikasi
- Peralatan Kejuruteraan
- Bot dan Peralatan Menyelamat Di Air
- Pakaian dan Peralatan Perlindungan
- Kenderaan Utiliti dan Jentera
- Sistem IT dan Teknologi
- Lain-Lain Peralatan

Statistik 2019

Sepanjang tahun 2019 bermula Januari hingga Disember, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan telah menerima sebanyak 72 jumlah permohonan secara rasmi bagi melaksanakan pelaksanaan taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebombaam.

Daripada 72 permohonan tersebut 54 permohonan diproses bagi taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebombaam manakala 18 permohonan selebihnya adalah di tolak dan telah dibatalkan. Permohonan yang ditolak dan dibatalkan adalah disebabkan perkara berikut :

- Tiada Keperluan / Kesesuaian Kepada Jabatan
- Promosi Produk Jualan
- Pembatalan Dari Pemohon

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	TOLAK/ BATAL	PROSES
2019 (Jan-Dec)	72	18	54

Jadual 1 : Statistik Keseluruhan taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebombaam bagi tahun 2019

Berdasarkan daripada jumlah statistik permohonan taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebombaam sebanyak 72 permohonan, di dapati bahawa kategori permohonan bagi peralatan kebombaam adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 8 permohonan, kedua permohonan lain-lain peralatan 7 permohonan, ketiga permohonan bagi bot dan peralatan menyelamat di air 6, keempat peralatan komunikasi serta kenderaan utiliti dan jentera iaitu 5 permohonan setiap kategori, kelima peralatan penyiasatan kebakaran dan peralatan kejuruteraan 4 permohonan dan terakhir permohonan dari kategori sistem IT dan teknologi sebanyak 3 permohonan sahaja.

Masa / Kategori	Peralatan Kebommbaan	Peralatan Penyiasatan Kebakaran	Peralatan Komunikasi	Peralatan Kejuruteraan	Bot dan Peralatan Penyelamat Di Air	Kenderaan Utiliti dan Jentera	Sistem IT dan Teknologi	Lain-lain Peralatan	Jumlah
2019 (Jan-Dis)	8	4	5	4	6	5	3	7	72

Jadual 2 : Statistik Keseluruhan taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebommbaan bagi tahun 2019

Daripada jumlah 54 permohonan taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebommbaan yang diterima dan diproses bagi pelaksanaan taklimat, demonstrasi, kajian ilmiah serta kajian lapangan, kesemua 54 permohonan telah selesai bagi laporan penilaian taklimat dan demonstrasi produk. Laporan penuh telah di hantar kepada YAS Ketua Pengarah JBPM dan Syarikat bagi tujuan rekod dan semakan.

Hasil penilaian menunjukkan bahawa daripada 54 sesi taklimat serta demonstrasi peralatan dan produk kebommbaan yang dinilai, di dapati bahawa 48 produk adalah sesuai bagi kegunaan Jabatan dan 6 peralatan dan produk adalah tidak sesuai digunakan bagi Jabatan.

Bil Permohonan	Kegunaan JBPM	Tiada Kegunaan JBPM
54	48	6

Jadual 3 : Statistik kesesuaian kegunaan produk kepada jabatan

Gambar Taklimat Serta Demonstrasi Peralatan dan Produk Kebommbaan

- Nama Syarikat Pengeluar : DJI
14th Floor, West Skyworth Semiconductor Design Building
No. 18, Gaoxin South 4th Ave, Nanshan District, Shenshen China, 518057
- Nama Syarikat Pembekal : MindscopeSdn. Bhd.
B-5-8 Plaza Mont Kiara, 50480 Mont Kiara, Kuala Lumpur
- Nama Produk / Model / Jenama : 'Unmanned Ariel Vehicle (UAV)/ Drone' – Matrice 210 RTK



Skrin Monitor UAV / Drone Matrice 210 RTK



Demonstrasi UAV / Drone Matrice 210 RTK



UAV / Drone Matrice 210 RTK

Nama Syarikat Pengeluar : FLIR Unmanned Aerial Systems ULC
KumpfDr. Waterloo
ON N2V 1K3, Canada

Nama Syarikat Pembekal : ATSB (369485-A)
No. 2, Lot 88
Jalan Jururancang U1/21
Section U1
Hicom Glenmarie Industrial Park
40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Nama Produk / Model / Jenama : 'Unmanned Aircraft System (UAS)
Model : Skyranger R60



Sesi Taklimat Dan Pembentangan



Skyranger R60



Ujicuba Produk



Paparan Skrin tablet



Papanskrin monitor

Nama Syarikat Pengeluar : WALKERA
Guangzhou Walkera Technology Co. Ltd.
No. 48 Wantai Road Taizhi Industrial Park
Dongchong Town, NanshaDist
Guangzhou, China

Nama Syarikat Pembekal : GIS RESOURCES SDN. BHD. (1129813-U)
A-11-6 Plaza TaragonKelana
JalanBahagia
SS6,
47301 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Nama Produk / Model / Jenama : 'Unmanned Ariel Vehicle (UAV)/ Drone'
Model : ZHUN



UAV Model : ZHUN



Uji Cuba Pemadaman Kebakaran



Paparan Skrin tablet



Gambar Bersama Produk dan Pekerja

Nama Syarikat Pengeluar : Rosenbauer, Austria
 Nama Syarikat Pembekal : UMW EQUIPMENT SDN. BHD. (1784-W)
 No. 3
 Jalan Utas (15/7)
 P.O. Box 7054
 40915 Shah Alam
 SELANGOR DARUL EHSAN

Nama Produk / Model / Jenama : Ultra High Pressure System (UHPS) Dari Jenama Rosenbauer



Sesi Taklimat Dan
Pembentangan

Ujicuba produk
UHPS



UHPS System

Nama Syarikat Pengeluar : Techtronic Industries Co. Ltd.
 Nama Syarikat Pembekal : Techtronic Power Tool (M) Sdn. Bhd. (1003816-H)
 No. 29, Jalan 51/225A, Zon Perindustrian PJCT, Seksyen 51A
 46100 Petaling Jaya, SELANGOR DARUL EHSAN

Nama Produk / Model / Jenama : Produk Kebompaan jenama Milwaukee
 (Pemotongan, Pencahayaan, Menyelamat)



Sesi Taklimat Dan Pembentangan



Cutting Tools

Nama Syarikat Pengeluar : MSA Safety Malaysia Sdn. Bhd.
 Nama Syarikat Pembekal : Wasilah Safety Sdn. Bhd. (720271-H)
 C-23-1, Jalan Medan Selayang 1
 The Medan Selayang, 68100 Batu Caves
 Selangor DarulEhsan
 Nama Produk / Model / Jenama: 'Self Contain Breathing Apparatus (SCBA) Set' dan
 'Communication System' Jenama MSA – Model MI



Produk

Nama Syarikat Pengeluar : ZATB Sdn. Bhd. (436651-D)
 Nama Syarikat Pembekal : ZATB Sdn. Bhd.(436651-D)
 No. 64, JalanTambur 33/19
 Shah Alam Technology Park
 Seksyen 33
 40440 Shah Alam
 Selangor DarulEhsan
 Nama Produk / Model / Jenama: Compressor (Jenama Comptrade GmbH) Portable High Pressure
 Breathing
 Apparatus System Model CTP-RC 250 E3



Sesi Taklimat Dan Penerangan Produk

Statistik Penggunaan Fasilitas Pengujian *Fire Resistance Furnace Test* Sepanjang Tahun 2019

TARIKH UJIAN	TEMPOH KEGUNAAN	NAMA BAHAN/ PRODUK	KADAR FI (RM)
30/01/2019	1 Jam	TIADA	0
31/01/2019	3 Jam	TIADA	0
26/04/2019	1 Jam	<i>Composite Fire Resistance Door</i>	3,490.00
23/05/2019	2 Jam	<i>Steel Door</i>	4,450.00
27/05/2019	1 Jam	<i>Composite Fire Resistance Door</i>	3,490.00
23/08/2019	1 Jam	<i>Composite Fire Resistance Door</i>	3,490.00
05/09/2019	1 Jam	<i>Composite Fire Resistance Door</i>	3,490.00
29/10/2019	1 Jam	<i>Composite Fire Resistance Door</i>	3,490.00
18/11/2019	1 Jam	<i>Composite Fire Resistance Door</i>	3,490.00
19/11/2019	1 Jam	<i>Composite Fire Resistance Door</i>	3,490.00
17/12/2019	2 Jam	<i>Steel Fire Resistance Door</i>	4,450.00



STATISTIK TERBITAN BULETIN SEPANJANG TAHUN 2019

BULETIN
PUSAT PENYELIDIKAN KEBOMBAAN

EDISI: 2/2019 KELUARAN BULAN: MAC

EDISI PERCUMA

MENARIK DALAM EDISI INI

- Penyelidikan Penerimaan Faktor Risiko Status Kualiti Angkasa Semesta (UKM-PUSPEK)
- Kelulusan JPM bagi bahan kelas "CF" mengikut standard BS 476, Part 4:1985(A) 2006 & BS 476, Part 7:1997
- Penerimaan Perincian Teknik dan Pengiraan Praktikal JPM

FACT

SIDANG REDAKSI

Penyunting: **Wong Kahloong**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**

Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**

Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**

BULETIN
PUSAT PENYELIDIKAN KEBOMBAAN (PUSPEK)

EDISI: 4/2019 KELUARAN BULAN: MEI

EDISI PERCUMA

MENARIK DALAM EDISI INI

- Spesifikasi DROSE - Discharge Area Valve (DAV)
- Pelaksanaan Rajuan Outcome bagi tahun 2019
- Pengiraan Modis Jacket pada pinda ubahmuka

TAMBAH AGRESIF
SUKSES MELAKSANAKAN

SIDANG REDAKSI

Penyunting: **Wong Kahloong**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**

Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**

Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**
Penyunting: **Chong Kah Loon**

LAPORAN BANK HALON MALAYSIA TAHUN 2019

1. PENDAHULUAN

Halon ialah sebatian kimia yang stabil, bertoksid rendah yang mengandungi unsur klorin, fluorin, bromine dan iodine. Terdapat 3 jenis halon 1211 (CF₂BrCl), 1301 (CF₃Br) dan 2402 (C₂F₄ Br₂). Di Malaysia hanya 2 jenis sahaja iaitu 1211 dan 1301. Jenis 1211 biasanya digunakan sebagai alat pemadam api mudah alih. Halon jenis 1301 dan 2402 digunakan untuk pemasangan tetap di bangunan.

2. PENUBUHAN BANK HALON MALAYSIA (BHM)

BHM ditubuhkan adalah sebagai menguatkuasakan perjanjian "Konvensyen Protokol Montreal" mengenai bahan yang memusnahkan lapisan ozon sejak 1989 di Montreal, Kanada. Protokol ini adalah satu perjanjian antarabangsa yang menyekat dan menghalang penggunaan, pelepasan, dan pengeluaran ODS (Ozone Depleting Substances) oleh negara-negara terlibat.

JBPM telah dipertanggungjawabkan mengendalikan dan meneruskan operasi Bank Halon daripada Sukaida Engineering Sdn. Bhd. setelah tempoh operasi syarikat berkenaan tamat pada 01 Mac 2000. BHM pada mulanya ditempatkan sementara di Akademi Bomba Kuala Kubu Bharu, Selangor. Pada 9 November 2013, Bank Halon Malaysia telah berpindah ke bangunan tetap di Pusat Perancangan dan Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK) Bandar Baru Enstek, Nilai, Negeri Sembilan dibawah pengurusan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JBPM.

2.1. Tujuan Penubuhan

Menguruskan pelupusan halon di Malaysia berdasarkan perjanjian *Montreal Protocol*.

2.2. Objektif Bank Halon Malaysia

- Mengawal pelepasan halon.
- Mengenalpasti secara sistematik bekalan halon melalui pengkalan data yang diwujudkan untuk tujuan perancangan dan pengawasan.
- Menjamin dan menampung bekalan halon supaya mencukupi untuk negara apabila pengeluaran diberhentikan sepenuhnya.
- Bank halon sebagai sumber utama halon untuk kegunaan kritikal.
- Menyekat pengeluaran halon dari Malaysia.
- Menggalakkan pemindahan teknologi kepada yang mesra ozon.
- Mengelakkan Malaysia sebagai tempat longgokan teknologi lama.

2.3. Fungsi

- Mendaftarkan penggunaan halon dari seluruh negara untuk direkod ke dalam data komputer.
- Menjalankan program kesedaran terhadap pengguna halon.
- Menguatkuasa dan memantau pergerakan halon di seluruh negara.
- Menjalankan operasi pemindahan dan kitar semula halon.
- Menyediakan tempat simpanan dan pengstoran halon
- Ujian ketulinan halon.
- Membekalkan halon kepada pengguna kritikal (Jadual 9 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974)

3. STATISTI KPENERIMAAN HALON BERMULA TAHUN 2000 SEHINGGA 2019 DI BANK HALON MALAYSIA (BHM)

3.1. HALON 1301

NO	HALON 1301	JUMLAH (KG)
1	Jumlah terkumpul	87,178.40 kg
2	Pemindahan ke tabung simpanan 1 tan	44,567.00 kg

3.2. HALON 1211

NO	HALON 1211	JUMLAH (KG)
1	Jumlah terkumpul	7,144.00 kg
2	Pemindahan ke tabung simpanan 1 tan	5,511.00 kg



BANK HALON MALAYSIA (PUSPEK)



TABUNG HALON 1301 DAN 1211
YANG DISIMPAN DI BHM

PEMINDAHAN HALON MENGGUNAKAN
HALON RECYCLE/TRANSFER MACHINE



TABUNG PENGUMPUL
(BULK TANK) YANG
MENYIMPAN GAS HALON



TABUNG BERSI GAS HALON YANG DIKUMPUL DARI
INDUSTRI-INDUSTRI DI MALAYSIA

PERTANDINGAN INOVASI JBPM 2019

1. TENTATIF PERTANDINGAN

Tarikh : 12 dan 13 November 2019
 Masa : 8.00 pg – 5.00 ptg
 Tempat : Hotel Blue Wave, Shah Alam,
 Selangor
 Daftar Masuk : 11 November 2019
 (2.00 ptg – 6.00 ptg)
 Daftar Keluar : 15 November 2019
 (12.00 tengah hari)

2. JURI PERTANDINGAN

BIL.	JURI PERTANDINGAN INOVASI	AGENSI / BAHAGIAN
1	PKPjB Md Ali Bin Ismail	Komandan FRAM Wilayah Tengah
2	Dr. Rasif Bin Mohd Zain	Agensi Nuklear Malaysia
3	En. Mohd Burhanudin Bin Ishak	MyIPO
4	Tn Ir. Noraizi bin Nordin	Bah. Kejuruteraan IP JBPM

3. SENARAI PENYERTAAN INOVASI

BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
1	WP KUALA LUMPUR	TUAH	EMERGENCY RESCUE APPIANCES (ERA)

KUMPULAN **TUAH** JBPM KUALA LUMPUR

EMERGENCY RESCUE APPLIANCE (E.R.A)

- INOVASI INI DICAPTA UNTUK TINDAKAN AWAL OPERASI MENYELAMAT MANGSA LEMAS SEBELUM PIHAK PENYELAMAT TIBA.
- MESRA PENGGUNA TANPA MEMERLUKAN KEPAKARAN KHUSUS.
- INOVASI INI DILENGKAPI DENGAN PELAMPUNG (RESCUE CAN), TALI PENYELAMAT (THROW BAG), P.F.D LIFE JACKET, FIRST AID KIT, STRECHER, TORCH LIGHT & GPS TRACKER SYSTEM.




BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
2	MELAKA	JEBAT	JEBAT LUMINOUS CONE MARK 1 (JLC MARK 1)

KUMPULAN **JEBAT** JBPM MELAKA

JEBAT LUMINOUS CONE MARK 1 (JLC MARK 1)

- INOVASI BAGI MENGURANGKAN RISIKO KEMERBAHAYAAN KEPADA PEGAWAI BOMBA SEMASA MENJALANKAN OPERASI ROAD TRAFFIC ACCIDENT (RTA).
- SEJENIS KON YANG LEBIH EFEKTIF DALAM MEMBERIKAN ISYARAT KECEMASAN KEPADA PENGGUNA JALANRAYA LAIN.



Traffic Cone biasa

→



JLC Mark 1

BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
3	JOHOR	BAT	JERJI KESELAMATAN AUTOMATIK (JKA 1)

KUMPULAN BAT JBPM JOHOR

JERJI KESELAMATAN AUTOMATIK (JKA 1)

- Inovasi ini adalah Jerji Keselamatan Automatik, alat ini akan terbuka secara automatik apabila berlaku kebakaran.



BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
4	PAHANG	SHAH	INNOVATION EMERGENCY SIGNBOARD (InES V2)

KUMPULAN SHAH JBPM PAHANG

INNOVATION EMERGENCY SIGNBOARD (InES V2)

- INOVASI INI DAPAT MEMBERI ISYARAT AWAL KEPADA MASYARAKAT & JUGA PASUKAN PENYELAMAT UNTUK SEGERA BERTINDAK DALAM MENGHADIRI KES-KES KEBAKARAN.
- INOVASI INI MESRA PENGGUNA TERUTAMA GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU). INOVASI INI MEMUDAHKAN ORANG OKU MENDENGAR DAN MELIHAT JIKA BERLAKU KEBAKARAN DI PREMIS.
- ANGGOTA BOMBA DAPAT BERTINDAK AWAL UNTUK MENYELAMAT & MEMADAMKAN KEBAKARAN KERANA ADANYA MAKLUMAT AWAL SEMASA KEJADIAN.




CALL
SMS

OUTPUT JIKA BERLAKU KEBAKARAN

BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
5	TERENGGANU	PELITA	MULTIFUNCTION RESCUE TOOLS (MRT)

KUMPULAN PELITA JBPM TERENGGANU

MULTIFUNCTION RESCUE TOOLS (MRT)

- Peralatan ini berkonsepkan multifunction dimana menggabungkan fungsi beberapa peralatan menyelamatkan yang sering digunakan ketika operasi.
- Antara peralatan tersebut adalah Stretcher, Wheel chair, Tangga, Galah & Camp bed.
- Kos pembuatan MRT adalah jauh lebih rendah berbanding dengan kos pelbagai peralatan yang boleh dipasang menggunakan komponen MRT ini.
- Peralatan ini adalah pelbagai guna, mudah dibawa, disimpan dan diselenggarakan.







BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
6	KELANTAN	AGILE	AGILE FLOOD RESCUE STRAINER

KUMPULAN **AGILE** JBPM KELANTAN

AGILE FLOOD RESCUE STRAINER

- INOVASI BAGI MENYALURKAN AIR YANG BERTAKUNG AKIBAT BANJIR KILAT UNTUK DISALIRKAN KE LOKASI YANG LEBIH SESUAI.
- DIGUNAKAN TERUTAMANYA SEMASA BANJIR KILAT YANG BERLAKU DI KAWASAN BANDAR, JALAN RAYA DAN KAWASAN PERUMAHAN.
- BOLEH MENYEDUT AIR SEHINGGA PADA PARAS YANG PALING RENDAH.
- SESUAI DIGUNAKAN DALAM OERASI KHIDMAT KHAS DAN JUGA SEMASA OPERASI KEBAKARAN BAGI SUMBER AIR TERBUKA.



BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
7	SABAH	SIGAR	FINS BREAKER

KUMPULAN **SIGAR** JBPM SABAH

FINS BREAKER

- INOVASI YANG MEMBOLEHKAN HANYA SATU ALAT DIPERLUKAN UNTUK MEMADAM DAN MENGASINGKAN BARA-BARA API DALAM OPERASI PEMADAMAN KEBAKARAN API GAMBUT.



UKURAN PANJANG DAN BERAT BAHAN FINS BREAKER

BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
8	SARAWAK	COOLTECH	WATER RESCUE BODIES BAG (WRBB)

KUMPULAN **COOLTECH** JBPM SARAWAK

WATER RESCUE BODIES BAG (WRBB)

- INOVASI INI ADALAH SATU ALAT UNTUK MENGANGKAT MAYAT MANGSA DARI DALAM AIR.
- DAPAT MENJAGA MARUAH DAN IMEJ KELUARGA MANGSA.
- DAPAT MENJAGA BAHAN BUKTI.
- DAPAT MELINDUNGI ANGGOTA PENYELAMAT DARIPADA RISIKO PENYAKIT.



BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
9	WP LABUAN	MERLIN	MERLIN SUCTION ADAPTER (B10)

MERLIN SUCTION ADAPTER (B10)

- INOVASI INI MEMUDAHKAN "OULET PUMP" JENTERA/PAM ANGKUT/ HOS HANTARAN DAPAT DISAMBUNGAN DENGAN PERALATAN PEMADAMAN API HUTAN IAITU "HOSE WAJEX PUMP".
- MEMUDAHKAN ANGGOTA OPERASI MEMADAM API HUTAN DENGAN MENGGUNAKAN "HOSE WAJEX PUMP".



KUMPULAN MERLIN JBPM LABUAN

BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
10	WP PUTRAJAYA	INSPIRASI AFWAH	WHEELCHAIR CLIMB

WHEELCHAIR CLIMB

- INOVASI BAGI MEMUDAHKAN PEGAWAI BOMBA MENURUNKAN ATAU MENAIKKAN MANGSA ORANG KURANG UPAYA(OKU) ATAU CEDERA MELALUI TANGGA BANGUNAN.
- MEMINIMUMKAN JUMLAH ANGGOTA PENYELAMAT DALAM MEMINDAHKAN MANGSA DALAM SESUATU INSIDEN.



KUMPULAN INSPIRASI AFWAH JBPM PUTRAJAYA

BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
11	PERLIS	AIR	UNDER WATER CARRIER (UWC)

UNDER WATER CARRIER (UWC)

- INOVASI PERALATAN BAGI MEMUDAHKAN ANGGOTA PENYELAMAT MEMBAWA, MENGAMBIL DAN MENAIKKAN MANGSA DARI DALAM AIR TANPA MENYENTUH ("BODY CONTACT") ANTARA MANGSA DENGAN PENYELAMAT.



KUMPULAN AIR JBPM PERLIS

BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
12	KEDAH	MARBLE	MARBLE MULTI ADAPTOR AIR GUN (MARB- M.A.A.G)

MARBLE MULTI ADAPTOR AIR GUN (M.A.A.G)

- INOVASI PERALATAN PELBAGAI FUNGSI YANG MEMUDAHKAN KERJA-KERJA MENGECAT PILI BOMBA, MEMBERSIH PILI BOMBA, MEMBERSIH JENTERA, MENGISI ANGIN TAYAR KENDERAAN DAN KERJA-KERJA MEMOTONG BERSKALA KECIL.

KUMPULAN MARBLE JBPM KEDAH




BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
13	PULAU PINANG	MIMESES	SISTEM PEMBERI AMARAN DAN PENGAWASAN PERGERAKAN KENDERAAN

SISTEM PEMBERI AMARAN DAN PENGAWASAN PERGERAKAN KENDERAAN

- INOVASI INI DAPAT MEMUDAHKAN PEREKODAN MASA TERIMA PANGGILAN KECEMASAN, MASA JENTERA PERTAMA KELUAR DAN SAMPAI KE TEMPAT KEJADIAN.
- MEMUDAHKAN URUSAN PENGAWASAN JENTERA SEMASA MENGHADIRI PANGGILAN KECEMASAN.
- MEMUDAHKAN TUGASAN PETUGAS BILIK KAWALAN BALAI BOMBA.

KUMPULAN MIMESES JBPM PULAU PINANG



BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
14	PERAK	SNAIL	PKB 2.0

PKB 2.0

- INOVASI PAPAN KRONOLOGI POS KAWALAN BOMBA (PKB) BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN PEMASANGAN ALAT INI SEMASA DIPERLUKAN DI LOKASI INSIDEN/BENCANA.

KUMPULAN SNAIL JBPM PERAK




BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
15	SELANGOR	RUNWAYIII	KLIA MULTIPURPOSE SMART LADDER

KLIA SMART LADDER

- INOVASI INI MUDAH DIBAWA UNTUK ANGGOTA OPERASI MENGGUNAKAN TANGGA PADA RUANGAN YANG SEMPIT DI TEMPAT KEBAKARAN DAN PENYELAMATAN.
- PENGENDALIAN TANGGA LEBIH EFISIEN DI RUANGAN YANG TERHAD DAN MUDAH DIBAWA KETIKA MENAIKI TANGGA BANGUNAN YANG TINGGI.
- DENGAN SEORANG TENAGA KERJA SAHAJA MAMPU MENOPTIMISKAN TUGASAN DAN ANGGOTA MELAKSANAKAN LAIN-LAIN TUGASAN KERJA.

KUMPULAN RUNWAY III JBPM SELANGOR



BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
16	SELANGOR	THE FIXERS	SMART GAS DETECTOR (SGD)

SMART GAS DETECTOR (SGD)

- ALAT INI BERUPAYA MENGESAN NORMA KEBOCORAN GAS LPG YANG TIDAK DIKETAHUI OLEH PENGGUNA.
- INOVASI INI DAPAT MENYAMPAIKAN MAKLUMAT SECARA JARAK JAUH DALAM MASA YANG PANTAS.
- UNTUK AKTIF PERLU MUAT TURUN 'gNaret', SCAN KOD QR DAN MASUKKAN PASSWORD WIFI, SATU PERANTI BOLEH MENDAFTAR HINGGA 10 PENGGUNA.

KUMPULAN THE FIXERS JBPM SELANGOR



BIL.	JBPM NEGERI	NAMA KUMPULAN	PROJEK
17	NEGERI SEMBILAN	EXTRA ORDINARI 12 (EO12)	KEDUDUKAN ANGGOTA PENYELAM SEMASA OPERASI KURANG EFISIEN

KUMPULAN EXTRA ORDINARI 12 (EO12) JBPM NEGERI SEMBILAN

KEDUDUKAN ANGGOTA PENYELAM SEMASA OPERASI KURANG EFISIEN

- INOVASI BAGI MEMASTIKAN STANDBY DIVER DAPAT BERTINDAK DENGAN LEBIH PANTAS DAN MEMBERI KESELESAAN SEMASA MELIBATKAN OPERASI MENYELAMAT SAR DI AIR.
- MENGURANGKAN MASA BERTINDAK BAGI SECOND DIVER UNTUK MENGGANTIKAN FIRST DIVER.



CAWANGAN KAJIAN PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Di bawah peruntukkan undang-undang kecil 245 (1) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, semua pemasangan dan perkakas menentang kebakaran selain daripada yang menepati piawai yang disenaraikan dalam undang-undang kecil 244 hendaklah daripada yang diuji dan diluluskan oleh K.P.P.B.

Perakuan ke atas bahan binaan dan alat pemasangan keselamatan kebakaran hendaklah dibuat berpandukan piawaian-piawaian yang dibenarkan oleh jabatan ini seperti berikut:-

Di antara piawaian / *standard* yang digunakan bagi peralatan sistem pencegahan kebakaran berdasarkan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL 1984) adalah seperti berikut:-

- Malasyian Standard (MS)
- British Standard (BS)
- British Standard – European Norm (BS-EN)
- National Fire Protection Association (NFPA)
- Underwriters Laboratory (UL)
- Australian Standard (AS)
- Factory Mutual Global (FM)
- Lain-lain piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Senarai Bahan Binaan yang memerlukan kelulusan JBPM adalah seperti berikut;

1. Pintu Rintangan Api / Fire Door
2. Sesekat Api / Fire Damper
3. Gelendung Api / Fire Roller Shutter
4. Batu-bata / Bricks
5. Bahan-bahan Kelas 'O' / Class 'O'
6. Pengadang Api / Firestop
7. Dinding Drywall / Drywall Construction
8. Blok Konkrit Rongga / Hollow Concrete Block
9. Pintu Pelantar Tahan Api / Fire Rated Lift Landing Door
10. Saluran Tahan Api / Fire Rated Duct
11. Tirai Asap / Smoke Curtain
12. Sistem Lantai (WallSystem)
13. Sistem Lantai (Floor System)
14. Kemasan Luar Bangunan (Wall Cladding System)

Senarai Alat Pemasangan Keselamatan Kebakaran yang memerlukan kelulusan JBPM adalah seperti berikut;

1. Lampu Tanda Keluar / KELUAR Sign
2. Lampu Kecemasan / Emergency Light
3. Alat Pengesan Asap / Smoke Detector
4. Alat Pengesan haba / Heat Detector
5. Penggera Kebakaran Manual / Manual Fire Alarm
6. Loceng Penggera / Alarm Bell
7. Kabel Rintangan Api / Fire Resistant Cable
8. Salur Bantu Mula / Fire Hose Reel
9. Kepala Springkler / Springkler Head
10. Sistem Pengeluaran Asap / Smoke Extraction System
11. Panel Penggera Kebakaran / Fire Alarm Panel
12. Fire Suppression System / Halon Alternatif
13. Alat Pemadam Api / Fire Extinguisher

Pada tahun 2019, Jawatankuasa Teknikal Kajian Bahan (JTKB) yang ditubuhkan untuk mengkaji setiap permohonan baru, telah mengadakan Mesyuarat Teknikal Kajian Bahan (MTKB) sebanyak sebelas (11) kali. Penelitian setiap permohonan adalah dibuat secara kumpulan. Keahlian jawatankuasa tersebut adalah terdiri seperti berikut:-

Pengerusi – Pengarah Pusat Perancangan dan Penyelidikan

Timbalan Pengerusi – Ketua Cawangan Kajian Fire Behaviour

Setiausaha – Ketua Cawangan Kajian Pemasangan Keselamatan Kebakaran

Ahli –

Semua Ketua Cawangan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Semua Pegawai Kanan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Wakil Bah. Operasi Kebombaan

Wakil Bah. Penyiasatan Kebakaran

Wakil Bah. Perancangan & Penyelidikan

Wakil Bah. Latihan

Wakil Bah. Pembangunan

**STATISTIK PENCAPAIAN TAHUN 2019 BAGI SEMAKAN PERMOHONAN PEMABAHARUAN
SIJIL PERAKUAN BAHAN DAN PERMOHONAN BARU BAGI SIJIL PERAKUAN BAHAN**

Bil	Permohonan Baru	Permohonan Pembaharuan	Lain-Lain	Jumlah
1	444	1811	80	2335


Berdasarkan kepada statistik pencapaian diatas, jumlah keseluruhan permohonan yang telah diproses adalah sebanyak 2335 permohonan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 245 permohonan baru telah diluluskan, manakala 172 permohonan baru adalah ditolak kerana beberapa perkara yang tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan. 1 permohonan baharu sedang dalam proses dan 25 permohonan baharu ditangguhkan semakan kerana menunggu dokumen daripada permohonan untuk diproses selanjutnya.




Manakala bagi permohonan pembaharuan sijil, adalah sebanyak 1485 permohonan telah diluluskan. 281 permohonan pembaharuan sijil perakuan bahan telah ditolak dan 14 permohonan sedang dalam proses. 35 lagi permohonan pembaharuan sijil perakuan bahan ditangguhkan semakan kerana menunggu dokumen untuk proses semakan selanjutnya.

STATISTIK PERAKUAN BAHAN 2019

Permohonan	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Total
New	41	19	57	46	41	26	23	32	37	42	30	50	444
Renewal	141	118	176	158	159	120	203	161	146	161	159	109	1811
Other	2	2	5	5	10	5	8	5	6	8	13	11	80
Total Month	184	139	238	209	210	151	234	198	189	211	202	170	2335



Carta 1: Statistik Perakuan Bahan Tahun 2019



**SEMINAR TEKNIKAL KEBOMBAAN
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
PUSAT PENYELIDIKAN KEBOMBAAN (PUSPEK)**

Statistik Seminar Teknikal Kebompaan Tahun 2019

BIL.	TARIKH	TAJUK	PEMBENTANG
1.	18/03/2019	VdS Certification Methodology and Potter Control System	Syarikat Pyrogen (M), Syarikat Potter (M) Sdn Bhd dan VdS Shanghai Office
2.	19/08/2019	Taklimat Teknikal Sistem Salur Tahan Api (Fire Rated Duct)	Syarikat Passive Fire Sdn Bhd
3.	03/10/2019	Taklimat Teknikal Mengenai <i>Steel Coating</i> dan <i>Ducting System</i>	Syarikat Rushoe Coating Resources Sdn Bhd
4.	24/10/2019	Fire Resistance Cable – <i>The Global Trend of Cable Fire Standards</i>	BASEC (Independent Accredited Certification Body)
5.	31/10/2019	Sharing Knowledge with PROMAT	Syarikat Promat (M) Sdn Bhd
6.	26/11/2019	External Cladding System (BS8414)	SIRIM QAS International Sdn Bhd
7.	06/12/2019	Fire Suppression System & Halon Alternative	Syarikat Special Hazard Protections

27 Kategori Jenis Bahan Binaan dan Pemasangan Keselamatan Kebakaran Terkini Tahun 2019

Bil.	Jenis Bahan Binaan / Alat Kelengkapan
1	Lampu Tanda Keluar / KELUAR Sign
2	Lampu Kecemasan / Emergency Light
3	Pintu Rintangan Api / Fire Door
4	Sesekat Api / Fire Damper
5	Gelendung Api / Fire Roller Shutter
6	Batu-Bata / Bricks
7	Baha-Bahan Kelas 'O' / Class 'O'
8	Pengadang Api / Firestop
9	Dinding Drywall / Drywall Construction
10	Blok Konkrit Rongga / Hollow Concrete Block
11	Pintu Pelantar tahan Api / Fire Rated Lift Landing Door
12	Pengesan Asap / Smoke Detector
13	Pengesan Haba / Heat Detector
14	Penggera Kebakaran Manual / Manual Fire Alarm
15	Loceng Penggera / Alarm Bell
16	Kabel Rintangan Api / Fire Resistance Cable
17	Salur Bantu Mula / Fire Hose Reel
18	Kepala Sprinkler / Sprinkler Head
19	Saluran Tahan Api / Fire Rated Duct
20	Tirai Asap / Smoke Curtain
21	Sistem Pengeluaran Asap / Smoke Extraction System
22	Fire Suppression System / Halon Alternative
23	Penel Penggera Kebakaran / Fire Alarm Panel
24	Alat Pemadam Api / Fire Extinguisher
25	Sistem Dinding / Wall System
26	Sistem Lantai / Floor System
27	External Cladding System

TAJUK : External Cladding System (BS8414)

KETERANGAN: -

26/11/2019 – Satu Seminar Teknikal Kebombaan berkaitan 'External Cladding System (BS8414)' telah diadakan di Bilik Seminar 3, Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK). Seminar teknikal tersebut dihadiri oleh Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, YS Dato' Yusof bin Sidek, Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Sembilan, PgKB II Jamaluddin bin Marawi, pegawai-pegawai kanan Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK), Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan.

Antara topik yang dibentangkan pada seminar teknikal kali ini ialah:-

- i. External Cladding System Application oleh PUSPEK- SME
- ii. External Cladding System oleh SIRIM
- iii. Observation and Testing Report Evaluation oleh SIRIM



YS PKPJ Dato' Yusof bin Sidek turut sama menyertai Seminar Cladding Sytem ini.



Sesi penerangan mengenai Cladding System oleh Puan Sharifah daripada SIRIM Malaysia



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

TAJUK : Fire Suppression System & Halon Alternative

KETERANGAN:

06/12/2019 – Satu Seminar Teknikal Kebombaan berkaitan '*Fire Suppression System & Halon Alternative*' telah diadakan di Bilik Seminar 1, Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK). Seminar teknikal tersebut dihadiri oleh Ketua Cawangan Kajian Operasi Pamadaman Kebakaran, PPjB Mohd Sani bin Harul, pegawai-pegawai kanan Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK), Bahagian Keselamatan Kebakaran, Bahagian Latihan, JBPM Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan.

Antara topik yang dibentangkan pada seminar teknikal kali ini ialah:-

- i. *Halon Alternative and Direction* oleh PUSPEK SME
- ii. *Introduction On Designing Haloncarbon Clean Agent Fire Suppression System (HFC-227ea) FM-200* oleh Syarikat Special Hazard Protections
- iii. *Introduction On Designing Haloncarbon Clean Agent Fire Suppression System (FK5-1-12) NOVEC* oleh Syarikat Special Hazard Protections



TAJUK : 'Sharing Knowledge with Promat'**KETERANGAN:**

31/10/2019 – Satu Seminar Teknikal Kebommbaan bertajuk 'Sharing Knowledge with Promat' telah diadakan di Bilik Seminar 1 & 2, Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK). Seminar teknikal tersebut dihadiri oleh Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, YS Dato' Yusof bin Sidek, Ketua Cawangan Kajian Operasi Pamadaman Kebakaran, PPjB Mohd Sani bin Harul, Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Kuala Lumpur, PgKB I Nor Mahathir bin Muhammad, Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Sembilan, PgKB II Jamaluddin bin Marawi, pegawai-pegawai kanan PUSPEK, Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan.

Antara topik yang dibentangkan pada seminar teknikal kali ini ialah:-

- i. Promat Fire Protection System oleh Syarikat Promat (M) S/B
- ii. Promat Ducting System oleh Syarikat Promat (M) S/B
- iii. Overview of Structural Steel System oleh Syarikat Promat (M) S/B

**TAJUK** : 'Fire Resistance Cable'

- The Global Trend of Cable Fire Standards

KETERANGAN:

24/10/2019 – Satu Seminar Teknikal Kebommbaan berkaitan 'Fire Resistance Cable' telah diadakan di Bilik Seminar 1 & 2, Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK). Seminar teknikal tersebut dihadiri oleh Ketua Cawangan Kajian Operasi Pamadaman Kebakaran, PPjB Mohd Sani bin Harul, pegawai-pegawai kanan Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK), Bahagian Keselamatan Kebakaran, JBPM Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan.

Antara topik yang dibentangkan pada seminar teknikal kali ini ialah:-

- i. *Global trend on cable fire safety and its respective international standards.*
- ii. *Importance of BS6387CWZ and BS8491 for fire resistant cable certification.*
- iii. *Importance to certify on both Cable construction standards and Fire performance standards as a whole instead of certifying only on Fire Performance like what LPCB is doing.*
- iv. *Introduction to BASEC and its capabilities on Fire Testing, Importance of Certification programme including Electrical, Mechanical, Material and Chemical Testing.*



TAJUK : 'Steel Coating and Ducting System'

KETERANGAN:

03/10/2019 – Satu sesi taklimat teknikal kebombaan berkaitan dengan 'Steel Coating and Ducting System' telah diadakan di Bilik Mesyuarat Teratai 1, PUSPEK dan dihadiri oleh Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, YS PKPjB Dato' Yusof bin Sidek, pegawai-pegawai kanan PUSPEK dan ahli-ahli Mesyuarat Teknikal Kajian Bahan (MTKB).



TAJUK : 'Fire Rated Duct and Standard'

KETERANGAN:

19/08/2019 – Satu sesi taklimat teknikal kebombaan berkaitan dengan 'Fire Rated Duct' telah diadakan di Bilik Mesyuarat Teratai 1, PUSPEK dan dihadiri oleh Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, YS PKPjB Dato' Yusof bin Sidek, pegawai-pegawai kanan PUSPEK dan ahli-ahli Mesyuarat Teknikal Kajian Bahan (MTKB).



TAJUK : 'VdS Certification Methodology and Potter Control System'

KETERANGAN:

18/03/2019 – Satu Seminar Teknikal Kebombaan berkaitan 'VdS Certification Methodology and Potter Control System' telah diadakan di Institusi Penyelidikan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kajang. Seminar teknikal tersebut turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, YS PKPjB Dato' Yusof bin Sidek dan Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran, YS PKPjB Ahmad Izram bin Osman serta pegawai-pegawai kanan dari Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK), Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Bahagian Keselamatan Kebakaran, Bahagian Penyiasatan Kebakaran, Bahagian Latihan, pegawai-pegawai kanan dari JBPM Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Sembilan.

Antara topik yang dibentangkan pada seminar teknikal kali ini ialah:-

- i. *VdS Certification and Approvals, Clarification and Comparison with Other Certification Bodies* oleh Encik Lothar Sysk (VdS Shanghai Representative Office)
- ii. *Introduction and Training on Potter Addressable Control System (Teori)* oleh Encik Christopher Teo (Potter, USA)
- iii. *Introduction and Training on Potter Addressable Control System (Demo dan Praktikal)* oleh Encik Hazwan (Pyrogen, Malaysia)



YS PKPjB Dato' Yusof bin Sidek bergambar kenangan bersama wakil Tenaga Nasional Berhad (TNB-penganjur), VdS Shanghai Regional, Syarikat Pyrogen (M) Sdn Bhd, Syarikat Potter (M) Sdn Bhd dan wakil kontraktor TNB

KAJIAN PENYELIDIKAN KEBOMBAAN BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN PUSAT PENYELIDIKAN KEBOMBAAN (PUSPEK)

PENGENALAN

Kajian Penyelidikan Kebommbaan merupakan salah satu inisiatif jabatan dalam usaha menjadikan Pusat Penyelidikan Kebommbaan (PUSPEK) berkembang sebagai sebuah pusat penyelidikan yang menjalankan kajian-kajian ke arah kebommbaan untuk menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia lebih efektif dan efisien di masa hadapan.

Pada tahun 2019, sebanyak 13 kajian telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai PUSPEK. 5 kajian telah berjaya diselesaikan pada tahun 2019 dan selebihnya dibawa ke tahun 2020 untuk peringkat seterusnya.

Pada tahun 2020, kajian penyelidikan kebommbaan dijangka akan mengalami pertambahan 30% daripada jumlah kajian yang dibuat pada tahun sebelumnya berikutan terdapat permohonan tidak rasmi yang berlaku di akhir tahun 2019 yang lalu. Permohonan tidak rasmi tersebut boleh dianggap sebagai *pre-consultation* sebelum kajian sebenar dijalankan. *Pre-consultation* ini penting bagi memberitahu kepada pihak yang berminat untuk menjalankan kajian bersama PUSPEK tentang hala tuju kajian penyelidikan kebommbaan yang ditetapkan oleh jabatan agar tidak terpesong daripada kehendak sebenar.

Kajian-kajian penyelidikan kebommbaan ini merangkumi pelbagai sumber dan perspektif, antaranya:-

- i. Kajian penyelidikan bersama bahagian
- ii. Kajian impak jabatan
- iii. Kajian *outcome*
- iv. Kajian bersama agensi-agensi/makmal-makmal
- v. Kajian penyelidikan bersama IPTA/IPTS
- vi. Kajian penyelidikan bersama syarikat pengeluar/pembuat/pengedar produk kebommbaan
- vii. Kajian penyelidikan bersama syarikat korporat/individu
- viii. Kajian penyelidikan berdasarkan kepada geran penyelidikan

Kriteria Kajian Penyelidikan Kebommbaan:-

- i. Kajian tersebut adalah berkaitan dengan aspek kebommbaan
- ii. Kajian yang mempunyai geran penyelidikan adalah dialu-alukan
- iii. Hasil kajian hendaklah dibentangkan kepada pengurusan tertinggi jabatan
- iv. Diakhir penulisan jurnal/laporan hendaklah dikreditkan nama pegawai JBPM yang turut sama membantu sepanjang kajian tersebut dijalankan

Kategori Kajian Penyelidikan terbahagi kepada 4 jenis:-

- i. Kajian Penyelidikan Pengurusan Kebommbaan
- ii. Kajian Penyelidikan Peralatan dan Teknologi Kebommbaan
- iii. Kajian Penyelidikan Kesihatan
- iv. Kajian *Outcome*

Tajuk-Tajuk Kajian Penyelidikan yang Telah Dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Bagi Tahun 2019


Bil.	Agensi	Tajuk Kajian	Kategori Kajian
1	Universiti Sains Malaysia (USM)	Kajian "The Exposure Assessment of Dioxin and Dioxin-Like PCBs Among Fire Fighters in Malaysia" (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Kesihatan
2	Universiti Teknologi MARA (UITM)	Kajian Faktor Usia dan Prestasi Kerja – "The Moderating Effect of Age Between Work Ability and Individual Work Performance Among Fire Fighters in Malaysia" (* Kajian telah selesai)	Kajian Penyelidikan Kesihatan
3	Universiti Malaya (UM)	Kajian Keselamatan Di Tempat Kerja (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Kesihatan

Bil.	Agensi	Tajuk Kajian	Kategori Kajian
4	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	Kajian Risiko kepada First Responder (Risk Profilling of Emergency Responders) (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Pengurusan Kebommbaan
5	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Kajian "Prototaip Segmen Terowong Konkrit Kekuatan Tinggi Rintangan Api Nano Silika dengan Abu Terbang" (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Peralatan dan Teknologi Kebommbaan
6	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Kajian "Relationship Between Training Climate and Training Transfer, Mediating Role of Motivation to Improve Work Through Learning" (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Pengurusan Kebommbaan
7	Penang Medical College (PMC)	Kajian Penyelidikan Kesihatan "Pattern of Tobacco Use and intention to Quit among Fire Fighters" (* Kajian telah selesai)	Kajian Penyelidikan Kesihatan
8	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Kajian Outcome Perolehan 19 Jentera Airladder Platform Tender ALP (* Kajian Selesai)	Kajian Outcome
9	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Kajian Outcome Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Beluran, Sabah (* Kajian Selesai)	Kajian Outcome
10	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Kajian Outcome Perolehan 28 Ekor Anjing Pengesanan (* Kajian Selesai)	Kajian Outcome
11	Universiti Sains Malaysia (USM)	Kajian "Incident Command System" (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Pengurusan Kebommbaan
12	Jabatan Alam Sekitar (JAS)	Kajian Impak Infrastruktur Kebakaran Api Gambut (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Peralatan dan Teknologi Kebommbaan
13	MESTECC	Kajian Pemadaman Api Gambut (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Peralatan dan Teknologi Kebommbaan
14	Universiti Teknologi MARA	Kajian "Factor Affecting Team Performance among Search and Rescue (SAR) Team in Fire and Rescue Department Malaysia" (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Kesihatan
15	Syarikat IoL ENRA Sdn Bhd	Kajian Penjimatan Elektrik Menggunakan Smart LED di Bangunan JBPM dengan Kaedah Capex Free dan Pengkongsian Penjimatan (* Kajian dibawa ke Tahun 2020)	Kajian Penyelidikan Pengurusan Kebommbaan

Statistik bagi Kajian Yang Telah Dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

BIL.	JENIS KAJIAN	JUMLAH
1.	Kajian Penyelidikan Pengurusan Kebommbaan	4
2.	Kajian Penyelidikan Peralatan dan Teknologi Kebommbaan	3
3.	Kajian Penyelidikan Kesihatan	5
4.	Kajian Outcome	3
JUMLAH KESELURUHAN		15

Jumlah Kajian Penyelidikan Yang Telah Dilaksanakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Bagi Tahun 2019



Tajuk Kajian 1: **The Moderating Effect of Age between Work Ability and Individual Work Performance among Fire Fighter in Malaysia**

Kategori Kajian: **Kajian Kesihatan**

Agensi/IPT: **Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Pn Anisah (pelajar PhD)**

Keterangan:

Kajian ini merupakan satu kajian yang melibatkan umur anggota bomba di Malaysia dibandingkan dengan kemampuan bekerja dan prestasi kerja. Sebanyak 450 jumlah respon telah terlibat dalam kajian ini yang melibatkan beberapa buah balai bomba terpilih di Malaysia ini. Hasil dapatan akan dianalisa dan akan dibentangkan pada tahun 2020.



Suasana responden menjawab borang soal selidik yang diedarkan oleh Puan Anisah.

Tajuk Kajian 2: **Kajian "The Exposure Assessment of Dioxin's and Dioxin's Like PCBs among Fire Fighter in Malaysia Related to Peat Fire and Haze"**

Kategori Kajian: **Kajian Kesihatan**

Agensi/IPT: **Universiti Sains Malaysia (USM)
Encik Ahmad Salihin bin Mohd Samin (pelajar PhD)
Puan Khairulmazidah binti Mohamed (pelajar PhD)**

Keterangan:

Kajian ini merupakan satu kajian dimana pendedahan anggota bomba terhadap Dioxin atau Dioxin Like PCBs yang terbebas, hasil daripada kebakaran api gambut. 5 lokasi telah terpilih untuk dijalankan kajian tersebut iaitu di Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan dimana kandungan udara di kawasan tersebut diambil untuk dianalisa. Manakala sebanyak 30 sampel darah daripada anggota bomba terpilih telah diambil untuk dianalisa.



YS PKPjB Dato' Yusof bin Sidek, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan beramah mesra dengan YS PKPjB Ahmad Izram bin Osman, Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohamed Isa bin Abd Majid, Pengarah Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia (USM)

Tajuk Kajian 3: **Kajian Penyelidikan Kesihatan "Pattern of Tobacco Use and Intention to Quit among Fire Fighters"**

Kategori Kajian: **Kajian Penyelidikan Kesihatan**

Agensi/IPT: **Penang Medical College (PMC)
Cik Lam Mynn Dee (pelajar Master)**

Keterangan:

Kajian ini merupakan satu kajian kesihatan yang dijalankan oleh Cik Lam Mynn Dee dari Penang Medical College dimana kajian ini berkaitan dengan penggunaan rokok atau rokok elektronik yang digunakan oleh anggota bomba. Sampel yang telah diambil adalah sebanyak 360 responden dari anggota balai bomba Negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Kajian ini hanya menggunakan kaedah pengedaran borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat dan maklumbalas responden.

Tajuk Kajian 4: **Kajian "Prototaip Segmen Terowong Konkrit Kekuatan Tinggi Rintangan Api Nano Silika dengan Abu Terbang"**

Kategori Kajian: **Kajian Penyelidikan Peralatan dan Teknologi Kebomgaan**

Agensi/IPT: **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

Keterangan:

Kajian ini merupakan satu kajian simulasi kebakaran di dalam terowong dengan suhu kepanasan yang amat tinggi.



Suasana di tempat ujian kebakaran terowong.

- Tajuk Kajian 5: **Kajian Outcome**
- Perolehan 28 Ekor Anjing Pengesan (Pasukan 1)
 - Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Beluran Sabah (Pasukan 2)
 - Perolehan 19 Unit Jentera Airladder Platform Tender (Pasukan 3)

Kategori Kajian: **Kajian Outcome**

Agensi/IPT : **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**



Keterangan:

Kajian Outcome merupakan satu kajian yang dibuat bagi mengetahui sama ada ianya mencapai matlamat yang ditetapkan atau tidak. Di samping itu juga, kajian ini memperlihatkan impak yang wujud terhadap kumpulan sasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tajuk Kajian 6: **Kajian Penjimatan Elektrik Menggunakan Smart LED di Bangunan JBPM dengan Kaedah Capex Free dan Pengkongsian Penjimatan**

Kategori Kajian: **Kajian Pengurusan Kebombaan**

Agensi/IPT: **Syarikat IoL ENRA Sdn Bhd**

Keterangan:

Kajian ini merupakan satu kajian mengenai langkah-langkah penjimatan penggunaan elektrik yang menfokuskan kepada penggunaan apa jua jenis lampu di bangunan milik JBPM dengan menggunakan teknologi LED di setiap lampu yang sedia ada. Ianya dibuat berdasarkan kepada simulasi dan pengiraan penggunaan elektrik bagi jumlah lampu yang sedia ada dan dibandingkan dengan penggunaan lampu LED.



Kajian lapangan dibuat di Pusat Penyelidikan Kebombaan



Kajian lapangan dibuat di Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur

ROOM CORNER TEST & CONE CALORIMETER BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN PUSAT PENYELIDIKAN KEBOMBAAN (PUSPEK)

PENGENALAN

Cone Calorimeter (CCM) merupakan sebuah mesin yang berfungsi untuk menguji keupayaan Kadar Haba Terbebas (*Heat Release Rate*), Kadar Kehilangan Jisim (*Mass Loss Rate*), *Effective Heat of Combustion*, *CO/CO₂ Yield*, *Total Smoke Release* dan *Ignition Time* sesuatu sampel. CCM menggunakan piawaian ISO 5660 dan ASTM Saiz sampel yang dibenarkan untuk diuji adalah 100mm (lebar) x 100mm (panjang) x 50mm (tinggi maksimum).

Room Corner Test (RCT) merupakan sebuah mesin yang berfungsi untuk menguji Kadar Haba Terbebas (*Heat Release Rate*), *Effective Heat of Combustion*, *CO/CO₂ Yield*, *Total Smoke Release* dan *Ignition Time* bagi sesuatu produk yang telah dihasilkan. RCT menggunakan piawaian ISO 9705 dan ASTM .

Pada tanggal 5 Mac 2019, YBhg. Dato Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaku Pegawai Pengawal telah meluluskan satu garis panduan mengenai penetapan kadar bayaran bagi Senarai Peralatan dan Cadangan Fi keatas peralatan ujian dan penggunaan mesin di Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK). Kadar bayaran (Fi) tersebut dikenakan bagi tujuan menjalankan ujikaji keatas sampel/produk oleh mana-mana agensi/badan/makmal, IPTA/IPTS atau syarikat pembuat, pengeluar, pengedar produk.

Pada 14 Mac 2019, PUSPEK telah menguji sampel dinding dengan menggunakan mesin CCM dan RCT. Sampel tersebut diperolehi daripada Malaysia Airport Berhad (MAB) untuk mengetahui kandungan Material Fire Properties.



Program dan Aktiviti Bahagian PEMBANGUNAN

1. Majlis Perasmian Projek Balai Bomba dan Kuarters Sook, Keningau, Sabah



2. Majlis Pelancaran Pos Bomba dan Penyelamat di Air, Semporna, Sabah



3. Perolehan Kenderaan 4x4



4. Perolehan Motosikal RIM



5. Perhimpunan Bulanan Bulan Disember 2019



Program dan Aktiviti Bahagian LATIHAN

PROGRAM/ AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN

Secara ringkasnya, sejajar dengan *core business* bahagian, pada tahun 2019 Bahagian Latihan JBPM telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti di bawah fungsi seperti berikut:

- Merancang dan mengkoordinasi program latihan/ kursus.
- Melaksanakan program tahunan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Melaksanakan program kerjasama latihan kebombaanan bersama institusi dalam dan luar negara.
- Mengurus perkembangan kareer dan kemajuan diri kakitangan JBPM.

Aktiviti Bahagian Latihan Bagi Tahun 2019

1. Kuiz Permodalan Nasional Berhad (Badan Beruniform)

Tarikh	: 3 Oktober 2019
Tempat	: Kinrara Resort, Selangor
Anjuran	: Perbadanan Nasional Berhad (PNB)
Penyertaan	: Penjawat Awam (Badan Beruniform)
Peserta JBPM	: 19 orang pegawai
Keputusan	: Saguhati
Gambar	:



2. Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2019

Anjuran	: Bahagian Pengurusan Korporat
Penyertaan	: Ibu Pejabat JBPM JBPM Negeri-Negeri ABPM Wilayah Tengah ABPM Wilayah Timur
Tempat	: Dataran Putrajaya, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tarikh	: 31 Ogos 2019
Jumlah Peserta	: 732 Orang
Gambar	:



3. Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri

Pada tahun 2019, Bahagian Latihan Ibu Pejabat, Putrajaya telah mengadakan tiga kali mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri. Mesyuarat sebegini diadakan bagi memastikan pelaksanaan kursus-kursus di peringkat Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM) dan Bahagian Latihan Negeri berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Selain itu, mesyuarat ini juga bertujuan bagi memantau prestasi perbelanjaan kewangan ABPM dan Bahagian Latihan Negeri.

a) Mesyuarat Komandan dan PPL Negeri

- i. Bil : 1/2019
- Tarikh : 11 hingga 15 Februari 2019
- Tempat : Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri
Wilayah Persekutuan Labuan

Gambar:



- ii. Bil : 2/2019
- Tarikh : 05 hingga 07 Ogos 2019
- Tempat : Institusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bukit Tinggi
Pahang
- Gambar :



- iii. Bil : 3/2019
- Tarikh : Ibu Pejabat JBPM Negeri Perak
- Tempat : 14 hingga 17 Oktober 2019
- Gambar :



Program dan Aktiviti Bahagian UDARA


OPERASI BANTUAN PEMADAMAN KEBAKARAN HUTAN

Tarikh : 29 Mac 2019
Tempat : Hutan Taman Negara Similajau, Bintulu Sarawak
Pesawat : Mi 171 – Bomba 310
Pangkalan Operasi Udara Miri

Operasi bantuan pemadaman kebakaran hutan di Taman Negara Similajau ini diketuai oleh PgKB I Mohd Ruzaidi bin Ramlee bersama 7 krew yang lain *Flight Engineer*, Kuatermaster Udara, PASKUB dan Kejuruteraan Pesawat. Anggaran kebakaran seluas 3 ekar dan pemadaman berjaya dilakukan dengan menggunakan anggaran sebanyak 47300 liter air untuk *water bombing*.



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



MEDEVAC

Tarikh : 28 Mac 2019
Tempat : Kg Jadir, Gua Musang Kelantan
Pesawat : A109E – Bomba 521
Pangkalan Udara JBPM Subang.

Operasi menerbangkan Alem bt Aban yang memerlukan rawatan lanjut di hospital Gua Musang. Mangsa diterbangkan menggunakan pesawat Agusta A109E yang diketuai oleh PgKB I Roslan bin Aziz bersama 2 anak kapal. Keadaan cuaca yang baik memudahkan lagi operasi dan pesawat selamat mendarat di BBP Gua Musang seterusnya dibawa ke hospital menggunakan ambulan EMRS di balai tersebut dengan bantuan anggota bomba BBP Gua Musang.



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MEDEVAC

Tarikh : 31 Mac 2019
Tempat : Kg Sau, Gua Musang Kelantan
Pesawat : AW 139 – Bomba 523
Pangkalan Udara JBPM Bertam.

Misi menerbangkan keluar pesakit Akok bt Along 51 kerana demam panas yang kuat dan sukar untuk bernafas. Mangsa diterbangkan dengan pesawat AW 139 yang diketuai oleh Capt Leng Cheong Meng bersama 4 anak kapal. Pesawat selamat mendarat di Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang dan seterusnya dihantar ke hospital Gua Musang menggunakan ambulan EMRS dan anggota BBP Gua Musang.



CABIN INSTRUCTOR COURSE

Tarikh : 14 Julai sehingga 13 Sept 2019
 Tempat : Institut Latihan Instruktur Terbang, Kolej Tentera Udara Alor Setar Kedah.
 Anggota : PPgB Muhammad Ubadah bin Shuib
 PBK I Mohd Norhasrul bin Mohd Noordin
 PBK I Safuan bin Mohamad @ Dan

Tiga orang Kuatmaster Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah berjaya menjalani *cabin instructor course* dengan cemerlang dan membanggakan jabatan bomba. Selain daripada jabatan bomba kursus tersebut turut disertai oleh Tentera Darat Diraja Malaysia dan Tentera Laut Diraja Malaysia. Kursus selama 2 bulan itu bertujuan bagi membentuk pegawai ini (Kuatmaster Udara) sebagai instruktur untuk kuatmaster baru dan mengawal selia didalam kalangan mereka. Kursus tersebut telah dijalankan dalam 4 fasa dan diantaranya adalah seperti berikut;

- 1) Fasa *Instructional Technique Course* (ITC)
- 2) Fasa *Ground Instructional Technique* (GIT)
- 3) Fasa *Assessment Instructional Technique* (AIT)
- 4) Fasa *Training Administrative* (TA)

**PENERBANGAN LINTAS HORMAT SEMPENA HARI KEMERDEKAAN MALYSIA YANG KE 62.**

Tarikh : 31 Ogos 2019
 Tempat : Dataran Putrajaya, Dataran MPK Kuantan Pahang
 dan Jalan Tun Fuad Stephen Kota Kinabalu.
 Pesawat : Mi 171, AW 139 dan AW 189.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia turut terlibat dalam penerbangan lintas hormat sempena hari Kemerdekaan Malaysia yang ke 62 selain daripada perbarisan anggota bomba dan jentera. Pesawat yang terlibat adalah dari TUDM, PUTD, TLDM, PDRM, APMM dan dari jabatan bomba sendiri. Tiga jenis pesawat telah terlibat dalam tiga tempat yang berbeza iaitu di Putrajaya, Pahang dan juga Kota Kinabalu, Sabah.



BENGKEL PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN UNIT UDARA BOMBA JBPM

Tarikh : 13 Sehingga 15 Mei 2019
Tempat : Akademi Bomba Wilayah Tengah KKB

Bengkel Perancangan dan Pembangunan untuk Unit Udara Bomba bagi hala tuju dan perlaksanaannya untuk tahun 2019.



PERHIMPUNAN BULANAN ANJURAN BAHAGIAN UDARA JBPM 2019

Tarikh : 12 Julai 2019
Tempat : Dewan Sutera Jabatan Bomba dan Penyelamat, Putrajaya.

Untuk tahun 2019, Bahagian Udara telah menganjurkan majlis ini pada bulan Julai 2019. Kehadiran Pengarah Udara yang baru iaitu PKPjB Nazili bin Haji Mahmood telah menambahkan lagi kemeriahan majlis tersebut dengan pelbagai acara dan konsep dalam persembahannya. Majlis yang disempurnakan oleh YAS Ketua Pengarah turut dimeriahkan dengan pemakaian sayap payung terjun kehormat untuk 7 pegawai jabatan dan pentauliah pegawai bahagian udara yang telah mendapat kategori kapten untuk anak kapal dan kabin instruktur untuk kuatermaster udara.



Unit Udara Bomba telah melangkah sejauh 22 tahun bagi perkhidmatannya dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sejak penubuhannya pada tahun 1998 sehingga kini tahun 2020, UUB telahpun mempunyai sebanyak 9 aset helikopter bagi menjalankan pelbagai kes operasi kebombaannya khususnya dalam arena penerbangan. Perolehan untuk 2 buah helikopter baru AW 189 yang mempunyai sistem yang terkini, telah meningkatkan lagi kebolehgunaan pesawat dan anak kapal dimana ianya memberi impak besar dalam kesemua operasi di atas kesesiapaannya untuk menjalankan operasi berat seperti *water bombing* dan juga operasi-operasi lain. 3 pangkalan yang telah diwujudkan telah beroperasi dimana ianya dapat menampung keperluan pengoperasian melalui udara dari Sabah sehingga ke negeri Perlis. Jabatan juga masih dalam proses untuk mencari calon juruterbang baru bagi melengkapkan dan memantapkan lagi keperluan dan ada yang masih didalam kursus yang akan berakhir pada pertengahan tahun 2020. Unit Udara Bomba juga telah mengambil inisiatif baru dalam perancangan latihan bagi membentuk Pasukan Khas Udara Bomba (PASKUB) dan Multi Skill Team (MUST) dari segi kesesiapaannya seiring bersama teknologi pesawat terkini yang dimiliki oleh Jabatan. Dengan perantaraan Pengarah Bahagian Udara yang baru iaitu YS PKPjB Nazili bin Haji Mahmood, akan menerajui Unit Udara Bomba ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang bagi mempertingkatkan imej jabatan.



Program dan Aktiviti Bahagian PENGURUSAN KORPORAT

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL. 2/2019



MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL.3/2019



MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM NEGERI BIL. 1/2019 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM NEGERI JBPM BIL. 2/2019



KURSUS ISTIADAT DAN PROTOKOL JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Tarikh : 28 hingga 31 Oktober 2019

Tempat : ABPM Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Terengganu



KURSUS PENGURUSAN KRISIS DAN PERHUBUNGAN AWAM JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Tarikh : 28 hingga 31 Oktober 2019

Tempat : Institut Latihan Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan (I-KPKT) Bukit Tinggi, Pahang



MAJLIS PERBARISAN TAHUNAN 2019 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



MAJLIS PENGANUGERAHAN BINTANG JASA BOMBA (BJB)



PEMAKAIAN PANGKAT KEHORMAT YAB MENTERI BESAR PERAK



SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA TAHUN 2019



MESS NITE 2019



Program dan Aktiviti Bahagian Pengurusan CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

OBJEKTIF

Bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan ICT yang lengkap dan mantap yang dapat membantu Jabatan menjalankan tugas dan fungsi-fungsinya dengan cekap dan berkesan.

FUNGSI

Merancang, membangun, mengurus dan memantau:

- Strategi-strategi dan dasar ICT Jabatan
- Rangkaian *Local Area Network* (LAN) dan *Wide Area Network* (WAN) JBPM
- Sistem aplikasi
- Laman web rasmi JBPM
- E-mel rasmi JBPM
- Perolehan ICT
- Operasi harian dan keselamatan pusat data
- Keselamatan ICT
- Penyelenggaraan ICT
- Bantuan teknikal dan khidmat nasihat berkaitan ICT kepada pengguna
- Program latihan dan pembudayaan ICT secara berterusan

PENGISIAN PERJAWATAN PEGAWAI IT JBPM NEGERI-NEGERI

Bil	Negeri	F32	F29	FT17
1	Perlis	-	1	-
2	Kedah	1	-	-
3	Pulau Pinang	1	-	-
4	Perak	1	-	-
5	Selangor	1	-	1
6	WP Kuala Lumpur	1	-	1
7	Negeri Sembilan	-	1	-
8	Melaka	-	1	-
9	Johor	1	-	1
10	Pahang	1	-	-
11	Terengganu	-	1	-
12	Kelantan	-	1	-
13	Sabah	1	-	-
14	Sarawak	1	-	-
15	WP Labuan	-	1	-
16	WP Putrajaya	-	1	-
17	ABPM Wakaf Tapai	1	-	1
18	ABPM KKB	1	1	-
Jumlah		10	8	4

PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUNAN

MESYUARAT JAWANTANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) JABATAN TAHUN 2019

Mesyuarat JPICT JBPM Tahun 2019 telah diadakan pada 10 Julai 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan pelbagai perkara berkaitan Teknologi Maklumat Jabatan.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YAS Dato' Haji Soiman bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Ahli mesyuarat adalah terdiri daripada Pengarah Bahagian Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-negeri dan Pegawai-Pegawai Teknologi Maklumat Ibu Pejabat Dan Negeri.

Mesyuarat ini penting dalam membincangkan hala tuju teknologi maklumat, membuat perancangan dan pelan pembangunan sistem, networking dan maklumat di laman web jabatan agar dapat menyolung misi dan visi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

KURSUS VIDEO EDITING ADOBE AFTER EFFECTS (INDUSTRIAL)

Kursus Multimedia ini telah diadakan selama 3 hari pada 9 hingga 11 April 2019 bertempat di Makmal Latihan, Cawangan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Teknologi Maklumat Negeri telah menghadiri kursus ini. Kursus ini adalah bagi melatih peserta menggunakan alatan tambahan bagi meningkatkan lagi kesan-kesan khas yang memberikan impak besar. Perisian *Adobe After Effects* dapat memenuhi keperluan ini dengan ciri-ciri alatan tambahannya yang dinamik dan fleksibel dan memahami cara kerja perisian *Adobe After Effects* untuk video digital.

Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran peserta dalam menghasilkan video atau montaj yang berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan jabatan. Penghasilan video sebenarnya tidak hanya melibatkan penyuntingan biasa sahaja malah boleh menggunakan alatan-alatan asas perisian *Adobe After Effects* dengan penambahan efek dan penyuntingan video digital. Peserta juga telah menghasilkan kerja akhir video bersama efek ke format-format lain.



KURSUS TEKNIK KREATIF PERSEMBAHAN – MICROSOFT EXCEL

Kursus Teknik Kreatif Persembahan – *Microsoft Excel* ini telah diadakan selama 3 hari iaitu pada 2 hingga 4 Julai 2019 bertempat di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Teknologi Maklumat Negeri Selangor dan Pegawai Bomba berbagai pangkat telah menghadiri kursus ini.

Objektif kursus diadakan adalah untuk memberi pendedahan serta pengetahuan fungsi formula di dalam *Microsoft Excel* selain dapat memaksimumkan penggunaannya dalam mempercepatkan sesuatu kerja yang melibatkan data yang banyak. Dalam kursus ini para peserta telah mempelajari teknik yang lebih berkesan dalam membuat kerja-kerja harian seperti membuat kiraan akaun, formula dan membuat laporan pada tahap yang lebih mendalam lagi (tahap lanjutan). Banyak *tool* yang terdapat di dalam *Excel* yang mesti digunakan untuk mengoptimumkan penggunaannya. Pegawai perlulah mahir dan mengetahui lebih banyak *tool* di dalam *Excel* kerana ianya dapat membantu meningkatkan lagi produktiviti sesebuah organisasi.

KURSUS REKABENTUK GRAFIK 3D STUDIO MAX



Kursus Grafik 3D *Studio Max* ini telah diadakan selama 3 hari iaitu pada 23 hingga 25 Julai 2019 bertempat di Makmal Latihan, Cawangan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Seramai 10 orang peserta telah menghadiri kursus ini.

Kursus ini membolehkan peserta memberi tumpuan

kepada kreatif dan bukannya aspek teknikal projek. Kursus teknikal tiga hari ini yang direka untuk membantu mempelajari semua yang diperlukan untuk membuat kandungan 3D menggunakan *3D Studio Max*.

Latihan *3D Studio Max Mac Express* akan memberi tumpuan kepada pembelajaran asas-asas pemodelan, penciptaan bahan, animasi, dan generasi adegan. Ketahui keupayaan antara muka, bagaimana untuk bekerja dengan cekap, dan bagaimana untuk menerapkan *toolset* di tempat kerja.

KURSUS PENGENDALIAN INFOGRAFIK USING POWERPOINT TAHAP INDUSTRI

Kursus ini telah diadakan di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu selama 3 hari iaitu pada 18 hingga 20 September 2019. Kursus ini telah dihadiri oleh 25 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai IT Jabatan dan Pegawai Bomba berbagai pangkat. Siri Kedua Kursus ini telah diadakan pada 19 hingga 21 November 2019 bagi 15 orang Pegawai IT dan Pegawai Bomba berbagai pangkat, bertempat di Makmal Latihan, Cawangan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Kursus ini adalah untuk memperkenalkan kaedah penghasilan bahan kreatif seperti ePoster atau Infografik walaupun peserta tiada latarbelakang IT. Para peserta dibimbing untuk menghasilkan animasi grafik (*motion graphic*) dalam PowerPoint. Terdapat peserta yang tidak pernah menghasilkan animasi dalam PowerPoint. PowerPoint mampu digunakan untuk menghasilkan poster grafik yang menarik dan berkualiti.

PENCAPAIAN CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

PEMBANGUNAN SISTEM e-UDARA

Bahagian Udara dan Cawangan Teknologi Maklumat telah bekerjasama dalam proses membangunkan Sistem eUdara ini secara *outsources*. Sistem telah siap dibangunkan oleh Syarikat RBI Tech Sdn. Bhd. dengan kos sejumlah RM18,796.00. Pengujian dan proses kemasukan data semasa masih dijalankan oleh pihak Bahagian Udara di Ibu Pejabat. Sistem ini telah dapat disiapkan pada bulan Disember 2019. Sistem aplikasi ini telah ditempatkan di dalam *server* sedia ada di Pusat Data Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tujuan sistem ini dibangunkan adalah agar urusan permohonan pesawat, penghantaran maklumat kepada krew penerbangan, pelaporan akhir, perkongsian dan penyimpanan data serta penganalisaan statistik bagi Bahagian Udara dapat dilakukan dengan sistematik secara elektronik.

PEMBANGUNAN SISTEM SECARA INHOUSE

Sepanjang tahun 2019, Cawangan Teknologi Maklumat telah berjaya membangunkan 7 sistem aplikasi secara *Inhouse*. Kesemua sistem tersebut boleh diakses di dalam MyApps JBPM pada ruangan

senarai aplikasi. Berikut adalah sistem yang telah dibangunkan :-

1. e-Perakuan Bahan
2. Sistem Maklumat Keputusan Temuduga Pegawai Bomba
3. Sistem e-Pemandu
4. Sistem Carian Fail
5. Sistem e-Kebajikan
6. Sistem e-Tatatertib
7. Sistem Permohonan e-Kad Pengenal

PEROLEHAN 25 UNIT MINI PROJEKTOR

Pada tahun ini, Cawangan Teknologi Maklumat telah membuat perolehan bagi 25 Unit Mini Laser Projektor Mudah Alih. Penghantaran kesemua pencetak ini telah selesai dilakukan pada bulan Disember 2019. Syarikat yang berjaya dalam sebutharga adalah Algominda Sdn. Bhd. dengan kos sebanyak RM117,500.00. Model projektor yang dibekalkan adalah I-PANEL S2 Pico Laser Projektor. Perolehan ini adalah untuk kegunaan bahagian-bahagian di Ibu Pejabat dan JBPM Negeri-Negeri yang tertentu.

Program dan Aktiviti Bahagian KEJURUTERAAN JENTERA



30.01.2019 - Mesyuarat Pengurusan Pusat
Kejuruteraan Jentera



11.02.2019 - Mesyuarat Pindaan Draf Perintah
Tetap Ketua Pengarah JBPM bagi Garis Panduan
Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan



18.02.2019 - Kerja-kerja breakdown &
pembaikan 'corrective maintenance' yang sedang
dijalankan oleh anggota Bahagian Kejuruteraan.



19.02.2019 - Lawatan pegawai-pegawai
Bahagian Kejuruteraan ke Kilang Pembuatan Lori
Hino di Sendayan, Negeri Sembilan



25.02.2019 - Penyerahan Sijil Pengiktirafan
Bahagian Kejuruteraan Terbaik 2018 yang telah
disampaikan oleh YAS Dato' Haji Soiman bin
Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
JBPM.



25-26.02.2019 - Sesi Amanat & Perasmian
Mesyuarat Pengurusan Ketua Bahagian
Kejuruteraan Bil.1/2019 yang disempurnakan oleh
YAS Dato' Haji Soiman bin Jahid, Timbalan Ketua
Pengarah (Pembangunan) JBPM



28.02.2019 - Team TTL sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan Turn Table Ladder JBPM Negeri Selangor



29.02.2019 - Taklimat Produk dari Syarikat Kamatech Sdn. Bhd yang diketuai oleh Cpt. Kamarudin bin Noor (TUDM)



11.03.2019 - Servis Berkala Bahagian Kejuruteraan



12.03.2019 – 15.03.2019 Kursus Peningkatan Kompetensi Anggota Kejuruteraan Siri 1/2019.



14.03.2019 - Pengujian selepas Pembaikan Bot Arib BBP Putrajaya @ Tasik Putrajaya



09.04.2019 - Majlis Pelancaran Minggu Servis Tahun 2019 yang diadakan di Bahagian Kejuruteraan JBPM Negeri Sabah



24.04.2019 - Mesyuarat Penyelarasn Data Kenderaan Jabatan bersama YS Dato' Abd Wahab, Pengarah Bahagian Operasi & Ketua Bahagian Kejuruteraan JBPM Negeri



24.05.2019 - Mesyuarat Penyelarasn Status Jentera FRT & LFRT serta Cadangan Perancangan Strategik Bahagian Kejuruteraan bersama YAS Dato' TKP(P) JBPM



12.06.2019 - Taklimat Syarikat Rosenbauer, Austria bersama Syarikat UMW Equipment Sdn. Bhd.



1.07.2019 - 3.07.2019

Mesyuarat Pengurusan Ketua Bahagian Kejuruteraan Bil.2/2019 yang dirasmikan oleh YAS Dato' Soiman bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JBPM.



18.09.2019 - 20.09.2019

Kerja-kerja touch up sebelum perarakan & breakdown kenderaan dan jentera selepas perarakan SHAB 2019.



25.08.2019

Taklimat bagi persediaan AJK Pengangkutan sempena Hari Kebangsaan 2019



31.08.2019 - Perarakan Aset Bomba sempena Hari Kebangsaan 2019



11.09.2019 - Kunjungan Audit Dalam MS ISO 9001: 2015



18.09.2019

Mesyuarat Pengurusan KPKT yang dipengerusikan oleh Dato' Sri Hj. Mohammad bin Mentek, KSU KPKT



18.09.2019

Majlis Penyerahan Kenderaan Pick Up 4x4 & Motosikal RIM yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Hj. Mohammad bin Mentek, KSU KPKT.



Perhimpunan Bulan September Peringkat Ibu Pejabat JBPM yang diadakan di Dewan Sutera, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya anjuran Bahagian Kejuruteraan Jentera JBPM



26.09.2019

Mesyuarat Pengurusan JBPM Bil. 7/2019.
Selamat datang & Pengurusan Tertinggi JBPM.

29.11.2019

Majlis Pemakaian Tanda Pangkat Pegawai Bomba Gred KB22 (KUP) Bahagian Kejuruteraan Jentera JBPM

Program dan Aktiviti UNIT PENGESAN

UNIT PENGESAN

Unit Pengesan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan unit khas yang telah ditubuhkan pada 26 April 2002. Unit pengesan ataupun lebih dikenali dengan nama 'Unit K9' adalah salah satu unit khas dalam JBPM yang menggunakan khidmat anjing-anjing pengesan yang terlatih. Ini adalah kerana kemampuan deria bau (hidung) anjing pengesan sangat berkesan iaitu lebih kurang 200 kali ganda berbanding dengan deria bau manusia. Tujuan penubuhan unit ini adalah sebagai pasukan bantuan di dalam kerja-kerja operasi mencari dan menyelamatkan dan penyiasatan kebakaran kepada pasukan operasi yang sedia ada di setiap negeri yang memerlukan khidmat anjing pengesan. Unit ini mempunyai empat (4) tugas utama (displin) iaitu UDSAR, SAR Wilderness, SAR Cadaver dan Fire Investigation.

Peranan setiap disiplin anjing pengesan ini adalah seperti berikut :-

- UDSAR ialah untuk mengesan mangsa hidup yang terperangkap di dalam runtuh bangunan dan tanah runtuh.
- SAR Wilderness ialah untuk mengesan jejak mangsa yang hilang (sesat) dalam hutan, gua dan tanah tinggi.
- SAR Cadaver ialah untuk mengesan mangsa yang telah meninggal dunia (mayat) sama ada di darat ataupun di air / sungai.
- Fire Investigation* ialah untuk membantu pegawai penyiasatan kebakaran (FIO) bagi mengesan punca-punca kebakaran yang sukar dikenalpasti atau dipercayai ada kes khianat (sengaja dibakar).

PROGRAM DAN AKTIVITI UNIT PENGESAN

Tajuk	: FAREX (<i>Fire Fighters and Rescue Exercise</i>) 2019
Tempat	: Padang Millenium, Jalan Ampang Pecah Kuala Kubu Bharu.
Tarikh	: 02.11.2019
Masa	: 0800 - 1700
Jumlah Pegawai Terlibat	: 6 orang
Tujuan	: Menjayakan Kejohanan Fire Fighters and Rescue Exercise dengan turut bantu mengadakan demonstrasi Unit Pengesan (K9) JBPM kepada pengunjung yang hadir menyaksikan pertandingan tersebut.



Tajuk : Pendedahan Tugas dan Tanggungjawab kepada Pegawai Inspektor Polis PDRM

Tempat : Akademi Bomba dan Penyelamat JBPM Kuala Kubu Bharu

Tarikh : 13.02.2019

Masa : 1400 - 1630

Jumlah Pegawai Terlibat : 6 Orang

Tujuan : Akademik Bomba Penyelamat JBPM Kuala Kubu Bharu telah menjemput Unit Pengesanan (K9) JBPM untuk memberi pendedahan tugas dan tanggungjawab unit ini kepada Pelatih Pegawai Inspektor Polis Diraja Malaysia (PDRM).



Tajuk : Penggambaran Rancangan Tumit Tinggi Radio Televisyen Malaysia (RTM) 1

Tempat : Unit Pengesanan (K9) JBPM

Tarikh : 21 November 2019

Masa : 0900 - 1200

Jumlah Pegawai Terlibat : 15 Orang

Tujuan : Tumit Tinggi RTM adalah rancangan yang memaparkan gaya hidup wanita moden dan isu-isu semasa dalam negara. Segmen rancangan kali ini memaparkan cabaran wanita dalam mengendalikan dan mengurus aset hidup iaitu Anjing Pengesanan. PBK II Lacey Elizabeth Stanley telah dipilih JBPM dalam menceritakan pengalaman dan cabaran sepanjang beliau memikul dan menggalas tugas sebagai pemegang anjing pengesanan dalam Unit Pengesanan (K9) JBPM.



Tajuk : Demostrasi Sempena Lawatan Jabatan Jabatan Perkhiamatan Awam ke Makmal Forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor

Tempat : Makmal Forensik Kebakaran JBPM Negeri Selangor

Tarikh : 21.10.2019

Masa : 1400 - 1630

Jumlah Pegawai Terlibat : 7 Orang

Tujuan : Turut bantu mengadakan demonstrasi Unit Pengesanan (K9) bersama Unit Forensik Kebakaran JBPM yang mampu menyiasat sesuatu kebakaran yang kompleks dengan menggunakan kemahiran, ilmu pengetahuan forensik kebakaran, peralatan dan anjing pengesanan.



- Tajuk : Lawatan Peserta Kursus Pegawai Diplomatik dari INTAN.
 Tempat : Unit Pengesan
 Tarikh : 01.03.2019
 Masa : 09:00
 Jumlah pegawai terlibat : 15 Orang
 Penceramah : PKPgB Pramnath A/I Hariskisna
 Tujuan : Lawatan daripada Peserta Kursus Asas Pegawai Diplomatik (PTD) daripada INTAN adalah untuk mengetahui fungsi dan peranan Unit Pengesan (K9) disamping mempelajari Tatacara Pengurusan Aset Hidup dan pengurusan stor Utama berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan.



- Tajuk : Pemeriksaan Aset Hidup Dari Bahagian Aset Ibu Pejabat JPBM
 Tempat : Unit Pengesan (K9) JBPM
 Tarikh : 04 Mac 2019
 Masa : 0900 – 1230
 Jumlah Pegawai Terlibat : Semua Pemegang Unit K9
 Tujuan : Pemeriksaan Aset Hidup kali ini sendiri diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pentadbiran dan Aset En. Jamaluddin Bin Othman dibantu oleh PgB Jegenderan A/L Muniandy dan PgB Nor Azwan Bin Hashim. Pemeriksaan ini juga termasuk Unit Pengesan (K9) Cawangan Borneo, JBPM Sarawak dan Sabah meliputi 43 ekor anjing pengesan keseluruhan. Pemeriksaan ini bertujuan untuk pematuhan pada Tatacara Pengurusan Aset Hidup berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan.



Unit INTEGRITI

1 UNIT INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah berdasarkan kepada PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2013 - PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI SEMUA AGENSI AWAM. Tujuan Pekeliling Perkhidmatan tersebut adalah untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Ke arah ini, Kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam. Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini diharapkan akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperakukan penubuhan Unit Integriti melalui surat rujukan JPA. BPO(S)253/2/5-3Jld.60(65) bertarikh 30 Oktober 2013. Manakala Kementerian Kewangan melalui surat rujukan: KK/BPB(19.00)/202/1/2-1JD.19s.k(6)(3) bertarikh 14 November 2013 telah bersetuju untuk meluluskan perakuan penubuhan tersebut dengan Waran Perjawatan Bil.S 224 Tahun 2013 bertarikh 14 November 2013. Dengan itu Unit Disiplin telah dimansuhkan.

1.1 PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memberi perkhidmatan yang berikut kepada semua lapisan masyarakat dengan cekap dan berkesan.

Dengan itu kami berjanji akan :

- Memberi Maklum Balas Terima Aduan kepada pengadu dalam masa 3 hari daripada tarikh terima aduan
- Menyelesaikan aduan bertaraf mudah dalam masa 5 hari bekerja
- Menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan susulan ke atas setiap aduan peringkat sederhana yang diterima dalam masa 14 hari bekerja
- Menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan susulan ke atas setiap aduan bertaraf kompleks yang diterima dalam masa 365 hari

2 PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUNAN

2.1. PROGRAM BICARA GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI RASUAH (BiGIAR)

Jabatan meneruskan lagi agenda pembudayaan Integriti dengan menganjurkan Program Bicara Governans, Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) sebanyak 2 siri yang diadakan di peringkat Zon Timur dan Zon Borneo. Penjenamaan semula Bicara Intelktual Pemeraksanaan Integriti (BIPIN) kepada Bicara Governans, Integriti dan Anti Rasuah (BiGIAR) telah dibuat oleh Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Ianya telah diiktiraf sebagai suatu wacana tadbir urus yang baik (Good Governance) di peringkat KPKT sendiri. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Objektif forum adalah untuk :

- a. Meningkatkan kewibawaan penjawat awam dengan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat khususnya yang berkaitan tugas dan tanggungjawab.
- b. Memberi suntikan kepada penjawat awam yang menerajui usaha dalam mengubah minda dan sikap supaya ikhlas, jujur dan tidak terpengaruh oleh gejala-gejala negatif seperti ketidakcekapan, penyelewengan, salahguna kuasa dan rasuah.
- c. Memelihara integriti dan memupuk budaya supaya sentiasa berdedikasi dan komited kepada tanggungjawab dan tugas yang akhirnya membantu meningkatkan imej negara sebagai negara yang cekap, bersih dan berintegriti.

Di antara aktiviti yang dijalankan semasa forum berlangsung termasuklah perbincangan ilmiah dan soal balas serta pameran integriti antaranya oleh badan penguatkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Kesihatan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), dan Polis Diraja Malaysia. Di samping itu, turut diadakan iaitu ikrar integriti oleh semua peserta program dan seterusnya wakil-wakil Jabatan menandatangani Tinta Integriti sebagai menyatakan komitmen untuk membudayakan integriti di setiap agensi masing-masing.

Bil.	Tajuk Program	Tarikh/Tempat	Jumlah Peserta
1.	Program Bicara Governans, Integriti Dan Anti Rasuah (BiGIAR) Siri 1/2019 Peringkat Zon Timur	2 Julai 2019 Kelantan Trade Centre, Kelantan	250 orang
2.	Program Bicara Governans, Integriti Dan Anti Rasuah (BiGIAR) Siri 2/2019 Peringkat Zon Borneo	5 November 2019 Hotel Ming Garden, Kota Kinabalu Sabah	350 orang



Program Bicara Governans, Integriti Dan Anti Rasuah (BiGIAR) Siri 1/2019 Peringkat Zon Timur di Kelantan



Program Bicara Governans, Integriti Dan Anti Rasuah (BiGIAR) Siri 2/2019 Peringkat Zon Borneo di Sabah

2.2. BICARA INTEGRITI

Dalam menyemat Integriti dalam warga Jabatan, usaha pembudayaannya sentiasa diteruskan lagi. Untuk itu satu siri ilmu Bicara Integriti telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Terengganu dengan Panelnya adalah YBhg. Sahibus Samahah Dato' Dr. Hj Zulkifly bin Haji Muda dengan tajuk "Integriti Dihayati Bukan Dikhianati". Bicara tersebut telah dimoderatorkan oleh Penulis Buku Abang Bomba I Love U iaitu PgKB II Zulkifli bin Che Noh. Seramai 150 orang pegawai kanan Jabatan serta peserta-peserta kursus yang hadir dalam sesi Bicara tersebut yang diadakan di Auditorium Dato' Seri Wan Mohd Noor bin Hj Ibrahim pada jam 11.00 pagi.

YBhg. SS Dato' telah menerangkan bahawa Integriti amat penting dalam kehidupan manusia untuk diamalkan dengan istiqomah dan mengambil contoh-contoh sirah nabi dalam menerapkan Integriti dalam diri sahabat-sahabat yang telah mengambil masa selama 12 tahun yang dilaksanakan tanpa jemu dan berputus asa. Begitu juga kesan buruk sekiranya Integriti ditinggalkan akan menyebabkan banyak kerosakan dan umat manusia akan dilaknat oleh Allah SWT



YAS Ketua Pengarah mempengerusikan Mesyuarat



YBhg. Sahibus Samahah Dato' Dr. Hj Zulkifly bin Haji Muda menyampaikan bicara bertajuk Integriti Dihayati Bukan Dikhianati.

2.3. MESYUARAT URUSETIA LEMBAGA TATATERTIB

Bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya telah diadakan Mesyuarat Urusetia Lembaga Tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Bil. 1 Tahun 2019 pada 31 Januari 2019. YAS Ketua Pengarah, Dato' Mohammad Hamdan bin Hj Wahid dengan diiringi oleh YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof telah meluang masa mempengerusikan mesyuarat kali ini.

Perjumpaan tahunan ini memberi peluang kepada urusetia-urusetia untuk berjumpa serta berbincang berkaitan isu-isu integriti dan tatatertib selain menjadi platform separa formal bagi meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan integriti dan tatatertib Jabatan.

Mesyuarat kali ini merupakan mesyuarat terakhir Ketua Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, PPjB Norizan bin Hj Sulaiman bersama-sama dengan semua urusetia Lembaga Tatatertib seluruh JBPM negeri sebelum menamatkan perkhidmatannya dalam Perkhidmatan Awam setelah memegang jawatan Ketua Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bermula pada tahun 2013 yang juga merupakan penyandang pertama jawatan tersebut.

2.4. NAZIRAN PEMATUHAN INTEGRITI DAN TATATERTIB

Siri Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib diteruskan lagi pada tahun 2019 dengan mensasarkan lima Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri untuk dilaksanakan naziran. Dalam memastikan pematuhan terhadap prosiding dan prosedur tatatertib yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam serta dalaman peraturan-peraturan Jabatan yang berkuatkuasa Unit Integriti telah mengadakan Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib (NPITT). Negeri-negeri yang terlibat adalah JBPM Pulau Pinang, Sarawak, Kedah, Pahang dan Kelantan.

Naziran ini juga dijalankan untuk mendidik, menunjuk dan merundingkan pendekatan terbaik yang boleh diambil oleh setiap negeri yang telah dipilih. Laporan ini akan dipanjangkan untuk makluman YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi memantau proses dan prosiding tatatertib di JBPM Negeri dan seluruh Jabatan.



Pegawai Naziran yang diketuai oleh Tn. Hj. Mohd Faruqi bin Badron bersama pasukan dalam naziran ke JBPM Pulau Pinang.



Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib yang dilaksanakan di BBP Bau, Sarawak.

2.5. MESYUARAT KOR SIASATAN INTEGRITI TAHUN 2019 DAN BENGKEL KOR SIASATAN INTEGRITI

Mesyuarat Kor Siasatan Integriti Tahun 2019 telah diadakan pada 2 Oktober 2019 di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Mesyuarat telah dihadiri seramai 34 orang ahli Kor Siasatan Integriti dan dipengerusikan oleh PPjB Abu Obaidat bin Hj. Mohamad, Ketua Unit Integriti, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



PPjB Abu Obaidat bin Hj Mohamad mempengerusikan Mesyuarat KSI

Selesai mesyuarat, para peserta meneruskan program ke Dewan Sutera, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya bagi menjayakan Bengkel Kor Siasatan Integriti sehingga 3 Oktober 2019. Bengkel selama dua (2) hari ini telah menjemput penceramah-penceramah yang berpengalaman dalam bidang masing-masing untuk berkongsi pengalaman dan menyampaikan ilmu kepada para peserta



Sesi bergambar semua peserta Bengkel Kor Siasatan Integriti

Majlis penutup diserikan dengan penyampaian Watikah Perlantikan kepada pegawai-pegawai Kor Siasatan Integriti bagi tempoh 2019 sehingga 2021



2.6. BENGKEL URUSETIA LEMBAGA TATATERTIB

Dalam memastikan urusan tatatertib dapat dibuat dengan cepat, tepat dan berkesan serta mengikut prosedur yang ditetapkan pada 29 hingga 30 Oktober 2019 bertempat di Dewan Sutera, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya telah diadakan Bengkel Urusetia Lembaga Tatatertib, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada semua Urusetia Lembaga Tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri. Bengkel selama dua (2) hari ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta memantapkan pemahaman peserta mengenai prosedur tatatertib berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 disamping sebagai platform perkongsian dalam meningkatkan profesionalisme peserta dalam mengendalikan urusan tatatertib. Penceramah yang dijemput bagi bengkel ini ialah Puan Aimie Yusreena binti Yunus, Penolong Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Suriati binti Samsudin, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Norazian binti Kamaruddin, Setiausaha Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Sr. Rodziah binti Ismail Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, dan Brs. Tn. Hj. Muhamad Safwan bin Saidin, Ketua Unit Integriti, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.



Puan Norazian binti Kamaruddin menyampaikan ceramah bertajuk Lembaga Rayuan Perkhidmatan Awam

Bagi memberi kelainan terhadap bengkel yang dijalankan, lawatan ke Ibu Pejabat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah dianjurkan pada sesi terakhir bersempena dengan bengkel ini. Lawatan yang dijalankan adalah bertujuan untuk mewujudkan hubungan baik bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia memandangkan Urusetia Lembaga Tatatertib terlibat dalam mengendalikan urusan tatatertib yang melibatkan laporan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



Para peserta bergambar di lobi Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

2.7. BENGKEL PEMBANGUNAN MODAL INSAN GOVERNANS INTEGRITI DAN ANTI RASUAH BIL 1/2019

Pada 8-11 April 2019 telah mengadakan Bengkel Pembangunan Modal Insan Governans Integriti dan Anti Rasuah (PMIGIA) siri 1/2019 yang merupakan penjemanaan semula program Bengkel Pembangunan Modal Insan Organisasi Berintegriti (PMIOB) yang sebelum ini diadakan dengan menampilkan kelainan dari segi pengisian program.

Seramai 40 orang Pegawai Kanan yang terpilih untuk mengikuti bengkel ini bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Terengganu selama 3 hari 2 malam. Peserta telah didedahkan dengan isu-isu semasa berkaitan dengan pengurusan Tatatertib, budaya kerja berintegriti, rasuah, penyelewengan, pengurusan kewangan, pengurusan perolehan, pencegahan dan penyalahgunaan dadah dan isu-isu berkaitan dengan Integriti.



Peserta bergambar dengan penceramah semasa sesi bengkel diadakan.



2.8. BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan satu Bengkel pembangunan OACP pada 10-12 September 2019 bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh YAS Dato' Hj Soiman bin Hj. Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dan melibatkan semua YS Pengarah Bahagian, YS Pengarah JBPM Negeri dan Komandan Akademi serta pegawai kanan Jabatan seramai 60 orang.

Bengkel ini dikendalikan oleh Tn Haji Hamilye Sham bin Harun dari Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dalam memberi panduan dan halatuju pembangunan pelan ini. Hasil berbengkel selama 3 hari ini, sebanyak empat strategi yang telah digariskan dalam OACP JBPM iaitu:

1. Meningkatkan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam,
2. Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan dalam Perolehan Awam,
3. Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang dan
4. Memupuk Tadbir Urus yang Baik



Tn Hj Hamilye Sham Harun menyampaikan taklimat OACP



Sesi bergambar peserta bengkel OACP

2.9. PROGRAM LAWATAN DAN PEMERIKSAAN MENGEJUT BALAI

Pemeriksaan mengejut/berkala ke balai-balai JBPM merupakan salah satu daripada aktiviti utama Unit Integriti. Sepanjang tahun 2019 sebanyak 21 balai telah dilawati melibatkan 7 Negeri daripada 16 negeri. Tujuan utama pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk membuat pemantauan pematuhan disiplin dan tatasusila pegawai bomba serta membuat cadangan penambahbaikan bagi memastikan kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan kepada masyarakat/pelanggan.

Sepanjang tahun 2019, Unit Integriti telah melaksanakan melaksanakan 21 pemeriksaan balai iaitu:-

- | | |
|----------------------|---------------------------|
| 1. BBP Jerantut | 12. BBP Teluk Intan |
| 2. BBP Labuan, | 13. BBP Kluang |
| 3. BBP Layangan, | 14. BBP Mersing |
| 4. BBP Kampung Jawa | 15. BBP Endau |
| 5. BBP Port Klang | 16. BBP Kuala Rompin |
| 6. BBP Sungai Pinang | 17. BBP Muadzam Shah |
| 7. BBP Kota Raja | 18. BBP Bandar Baru Bangi |
| 8. BBP Raub | 19. BBP Papar |
| 9. BBP Petaling Jaya | 20. BBP Seri Iskandar |
| 10. BBP Langkawi | 21. BBP Sungai Siput |
| 11. BBP Kuala Nerang | |

Antara elemen-elemen yang terkandung dalam aktiviti pemeriksaan ini adalah membuat ujian panggilan kecemasan supaya mematuhi MS ISO 9001 : 2008 Perkara 4.27 – Pengukuran 60 saat adalah dikira daripada terima panggilan hingga jentera keluar dari Bay Jentera. Manakala perkara-perkara yang terkandung dalam semakan semasa pemeriksaan meliputi panggilan baris, personaliti pegawai, keadaan jentera dan kenderaan utiliti, keadaan balai dan kuarters, kawasan balai, bilik bersedia anggota, bilik makan, bilik rehat, bilik sembahyang / surau, bilik kawalan / awasan dan bay jentera.



2.10. PEMANTAUAN KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Keterhutangan kewangan yang serius mengikut Peraturan 13.(1) 'Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa cara-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius'.

Dalam Peraturan 13(7) dinyatakan bahawa ungkapan "keterhutangan kewangan yang serius" ertinya keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang setelah diambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya.

Sehubungan Unit Integriti sentiasa memantau mana-mana pegawai yang terlibat dalam masalah keterhutangan kewangan yang serius selari dengan hasrat Kementerian yang sentiasa mengambil berat tentang isu ini. Mana-mana pegawai yang didapati terlibat dalam masalah ini akan dipantau sehingga mereka bebas dari belenggu keterhutangan. Pegawai akan diminta merujuk secara individu dengan pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit bagi membantu menyelesaikan masalah ini.

3 STATISTIK DAN ANALISA

3.1. STATISTIK TATATERTIB

Statistik Kes Tatatertib Yang Telah Selesai
Pada Tahun 2019

Bil	Peringkat	Tahun				
		2015	2016	2017	2018	2019
1	Ibu Pejabat JBPM	70	58	43	32	16
2	JBPM Negeri	45	50	67	29	26
Jumlah		115	108	110	61	42

Berdasarkan jadual jumlah kes tatatertib pada tahun 2015 hingga kini menunjukkan penurunan kes sebanyak 73%. Purata bagi tempoh 5 tahun adalah sebanyak 87 kes setahun.

Penurunan ini membuktikan peningkatan kesedaran dan keberkesanan pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) yang telah dikuatkuasakan pada awal tahun 2016 sehinggalah kini. Dengan pengenalan dan penerapan konsep MAHABBAH terhadap warga kerja JBPM, kebanyakan kesalahan-kesalahan kecil dapat dibendung dengan tindakan pencegahan seperti dinyatakan di dalam SKAI 04 berkaitan Laporan Penyelia mengenai teguran dan hukuman yang diberikan atas kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti.

Bil	Jenis Hukuman	Tahun				
		2015	2016	2017	2018	2019
1	Amaran	44	39	39	15	17
2	Denda	0	0	2	4	2
3	Lucut Hak Emolumen	4	1	6	4	2
4	Tanggung Pergerakan Gaji	24	13	21	10	8
5	Turun Gaji	5	1	2	2	7
6	Turun Pangkat	0	0	0	0	0
7	Buang Kerja	32	44	21	14	7
8	Dilepaskan Daripada Tindakan Tatatertib	7	9	7	12	8
9	Surcaj	5	7	23	9	0
Jumlah		121	113	121	70	51

Jumlah hukuman yang telah dijatuhkan terhadap kes-kes tatatertib sepanjang tahun 2015 hingga 2019 adalah berjumlah 476. Hukuman yang paling banyak dikenakan adalah Amaran iaitu sebanyak 154 (32%) diikuti hukuman buang kerja iaitu sebanyak 118 (25%) dan hukuman tanggung pergerakan gaji sebanyak 76 (16%). Sepanjang tempoh 2015 hingga 2019 tiada hukuman turun pangkat yang dikenakan. Hukuman buang kerja menunjukkan penurunan dari tahun 2016 sehingga 2019. Hukuman yang dikenakan kepada pegawai adalah sebagai hukuman kepada pelaku dan pengajaran kepada pegawai lain. Hukuman yang dikenakan adalah berlandaskan kepada tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh pegawai serta bahan bukti yang lengkap.

3.2. STATISTIK ADUAN

Saluran Aduan	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
Surat Rasmi	8	11	2	22	21	63
Emel	12	3	10	10	9	44
Hadir	0	0	0	2	1	3
Telefon/Whatapps	4	3	2	14	5	28
Internet	3	5	5	0	0	13
Surat layang	6	14	13	4	15	52
Pegawai dalaman	7	3	3	0	0	13
Pihak ke tiga	0	8	13	2	0	23
JUMLAH	40	47	48	54	51	240

Berdasarkan jadual, jumlah aduan disiplin mula menunjukkan peningkatan bermula dari tahun 2015 hingga 2018 iaitu 40 kes (2015) 47 kes (2016), 48 kes (2017) dan 54 kes (2018) tetapi mula menurun bagi tahun 2019 iaitu 51 kes.

Peningkatan dan penurunan jumlah aduan menunjukkan usaha pemerkasaan Integriti masih perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya nilai integriti dapat diterapkan ke seluruh warga Jabatan. Program-program nilai-nilai murni dan integriti harus sampai ke segenap pelusuk negara supaya mesej yang ingin disampaikan oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan akan sampai ke akar umbi.

4. PENCAPAIAN DAN PERBANDINGAN TAHUNAN

4.1. MENYEDIAKAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA 2020-2024

Jabatan melalui sesi taklimat dan sesi bengkel pembangunan telah berjaya menyediakan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia 2020-2024 sebagai dokumen utama Jabatan yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah. Unit Integriti telah diamanahkan untuk merangka dan membangunkan serta menyediakan Pelan Antirasuah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2020-2024 yang melibatkan semua Pengarah Bahagian dan JBPM Negeri termasuklah Komandan Akademi serta Pegawai-Pegawai Kanan yang terpilih.



Sesi Taklimat OACP disampaikan oleh YBhg Tn Haji Hamilye Sham bin Harun dari Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI).

Visi OACP adalah untuk Melahirkan Warga Jabatan Yang Bebas Rasuah, Penyelewengan dan Salah guna kuasa melalui penetapan matlamat khusus iaitu meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Daripada empat bidang keutamaan ini, empat strategi telah dikenal pasti iaitu Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan dalam Perolehan Awam, Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang Meningkatkan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam, dan Memupuk Tadbir Urus yang Baik dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Strategi ini seterusnya menjurus kepada 11 objektif strategik yang merangkumi 61 inisiatif jangka pendek, 49 inisiatif jangka sederhana dan 61 inisiatif jangka panjang yang keseluruhannya sebanyak 171 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.



Peserta bengkel sedang berbincang bagi menyiapkan tugas yang diberikan



5 KESIMPULAN

Fungsi teras yang telah diamanahkan kepada Unit Integriti akan digalas dengan sebaiknya dalam menentukan bahawa aktiviti pemantapan tadbir urus dan pematuhan, pengukuhan integriti dan pengurusan aduan serta tugas pengesanan, pengesahan dan tatatertib seperti yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2013, akan di jalankan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti.

Unit Integriti sentiasa komited untuk memainkan peranan penting untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan jabatan mematuhi khususnya Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, serta Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003.

Dengan sokongan dan komitmen pengurusan tertinggi dan warga jabatan keseluruhannya kita percaya jabatan akan dapat mencapai visi yang telah digariskan dan akan dapat mendepani cabaran dengan penuh yakin serta menentukan jati diri warga jabatan tetap kukuh, kental dan ampuh dalam menegakkan prinsip integriti.

Unit Integriti dalam aspek pendisiplinan, pelbagai program-program yang dijalankan adalah bagi mendorong pegawai mengikut dan mematuhi pelbagai peraturan dan standard sehingga penyelewengan dapat dicegah. Aspek-aspek kesedaran tentang kewujudan peraturan-peraturan pendisiplinan dan tatasusila Pegawai Bomba juga telah dibincangkan bersama anggota.

Unit Integriti sentiasa komited untuk memainkan peranan penting untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan jabatan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] serta Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) yang sedang berkuatkuasa seterusnya mendokong visi dan misi jabatan.

Unit Integriti berharap semua pegawai jabatan dapat menghayati dan membudayakan integriti disemua peringkat selaras dengan hasrat YAS Ketua Pengarah untuk menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebuah organisasi kebombaanan dan penyelamatan berprestasi tinggi berteraskan kepada pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik dan mapan.



PROGRAM UTAMA JABATAN



PERASMIAN BBP PENANTI, PULAU PINANG OLEH YB MENTERI KPKT

4 Januari 2019



JANUARI

MAJLIS PERBARISAN TAHUNAN 2019

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

18 Januari 2019



JANUARI



**MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM NEGERI BIL.1/2019
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**



JANUARI

**BENKEL PEMBANGUNAN KECEMERLANGAN SUKAN JABATAN
BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

TARIKH : 13 FEBRUARI 2019 (RABU)
TEMPAT : GRAND PARAGON HOTEL,
JOHOR BAHRU

FEBRUARI



**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2018
PERINGKAT IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**



FEBRUARI



20 Februari
2019

FEBRUARI



Lawatan Kerja Rasmi YB MENTERI KPKT

21 Februari
2019

KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SEMENYIH, SELANGOR

FEBRUARI

PERHIMPUNAN BULANAN BULAN FEBRUARI 2019

IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA

27 Februari 2019



KUNJUNGAN MESRA YAS KETUA PENGARAH

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KUALA PERLIS

1 Mac 2019





**MAJLIS
PENGANUGERAHAN
BINTANG JASA
BOMBA (BJB)**

6 Mac 2019



MAC

Majlis Anugerah

PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2019

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI TERENGGANU DAN AKADEMI BOMBA
DAN PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH TIMUR

16 Mac 2019



MAC

**MAJLIS TAMAT LATIHAN
KSSK SIRI 2/2018
GRED KB19**

AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA WILAYAH SABAH

19 Mac 2019



MAC

MAC



**PERHIMPUNAN BULANAN
BULAN MAC 2019**
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
22 Mac 2019



MAC

Majlis Perasmian
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT POKOK SENA
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI KEDAH
24 Mac 2019



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MAC

**MoU JBPM DENGAN UniKL & GALAXY
AEROSPACE COMPANY SDN BHD**

26 Mac 2019



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN MASKAB 2019

29 Mac 2019



MAC



MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS SIJIL SAINS KEBOMBAAN (KSSK) SIRI/2 2019 DAN SIRI/3 2019

1 April 2019



APRIL

APRIL

LAWATAN KERJA RASMI MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERLIS

19 April 2019



PROGRAM SEMARAK RAMADAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

7 Mei 2019

MEI



MAJLIS PENUTUPAN PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN, ALUNAN AZAN DAN QASIDAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA TAHUN 2019

15 Mei 2019



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MEI



MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN DAN OPS RAYA 2019

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA
25 Mei 2019

MAJLIS BERBUKA PUASA PERINGKAT IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

16 Mei 2019



Majlis Sambutan

HARI RAYA AIDILFITRI 1440H/2019M

PERINGKAT IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

24 Jun
2019



**MESYUARAT PENGARAH-
PENGARAH BOMBA NEGERI BIL.
2/2019**

24 - 25 Jun 2019



**MAJLIS PERBARISAN
TAMAT LATIHAN KURSUS
DIPLOMA SAINS KEBOMBAAN
GRED KB29 SIRI 2/2019**



**PERHIMPUNAN BULANAN BULAN JUN 2019
IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
28 Jun 2019**



JUN

JUN

JUN

MAJLIS PERASMIAN FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI 2019 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA ZON TIMUR



2 Julai 2019

PEMAKAIAN PANGKAT KEHORMAT YAB MENTERI BESAR PERAK 5 Julai 2019



MAJLIS PERASMIAN IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK

8 Julai 2019



Kunjungan Hormat

**KETUA PENGARAH, JABATAN
BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA KEPADA KETUA
PENGARAH PENYIARAN**

9 Julai 2019



JULAI

JULAI



PERHIMPUNAN BULANAN BULAN JULAI 2019
IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
12 Julai 2019

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

JULAI

**1ST MALAYSIA
INTERNATIONAL RESCUE
EXTRICATION CHALLENGE (MIREC)**
18 Julai 2019



SAMBUTAN
HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA
TAHUN 2019
20 Julai 2019



JULAI

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

JULAI



MESS NITE 2019
21 Julai 2019



KEJOHANAN SUKAN BOMBA MALAYSIA (SUKBOM) NEGERI SABAH 2019

26 - 30 Julai 2019



JULAI

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL.3/2019 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

28 - 30 Julai 2019



JULAI



2 Ogos
2019

MAJLIS APRESIASI 2019
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



**WORLD POLICE & FIRE
GAMES 2019,
CHENGDU, CHINA**
8 Ogos 2019



**SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN
TAHUN 2019
31 Ogos 2019**



**MAJLIS PENYERAHAN KENDERAAN
(4X4 PICK UP) DAN MOTOSIKAL
(RIM) JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA**

18 September 2019



**PERHIMPUNAN BULANAN BULAN
SEPTEMBER 2019
IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA
20 September 2019**



OGOS

SEPTEMBER

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

OKTOBER



**KEJOHANAN BOLA SEPAK
PIALA KP JBPM TAHUN 2019**

1 - 5 Oktober 2019

ASIAN PACIFIC URBAN FORUM KE 7 (APUF7)



OKTOBER



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

3 November
2019

NOVEMBER



Majlis Perasmian Penutupan **FIRE FIGHTERS AND RESCUE EXERCISE CHALLENGE (FAREX) 2019** JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



MAJLIS TAMAT LATIHAN BOMBA BANTUAN SISWA 17 November 2019



MAJLIS TAMAT LATIHAN ABPM WILAYAH SARAWAK

19 November 2019



NOVEMBER

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

NOVEMBER



NOVEMBER

MAJLIS TAMAT LATIHAN ABPM WILAYAH SABAH

21 November 2019



**MAJLIS TAMAT LATIHAN
ABPM WILAYAH TIMUR**

17 Disember 2019

**PERHIMPUNAN BULANAN
BULAN DISEMBER 2019**

20 Disember 2019



**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
DISEMBER**

RUJUKAN
KEMENTERIAN PERHIMPUNAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

18:00 - 20:00
19:00 - 21:00
20:00 - 22:00





"CEPAT DAN MESRA"



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250 PUTRAJAYA.**

No. Tel : 03-8892 7600

No. Faks : 03-8888 0840

E-mel : korporat.bomba@1govuc.gov.my

Laman Web : www.bomba.gov.my